

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Jilid IV

Bil. 32

Hari Rabu

16 Disember 1998

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA

- Cuti Kepada Ahli-Kebenaran.
- (*Y.B Tuan Khoo Lay Hin*)

(Ruangan)

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 1999.
- Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1998.
- Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998.

(Ruangan)

(Ruangan)

(Ruangan)

PARLIMEN KESEMBILAN

**Penggal Keempat
Mesyuarat Ketiga**

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,
B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,
J.P. (Melaka)

“ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

“ Dato' Gha zi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin AbdulRahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 16 Disember 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Khoo Lay Hin dari 9 Disember hingga 17 Disember 1998.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SISTEM BREK – PEMERIKSAAN PUSPAKOM
KE ATAS LORI DAN BAS**

1. **Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah pemeriksaan ke atas kenderaan perdagangan seperti lori dan bas ekspres yang telah dilakukan setiap enam bulan oleh PUSPAKOM tidak dapat mengesan sistem brek dan lain-lain yang tidak berfungsi dengan baik yang menyebabkan kemalangan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pemeriksaan berkala yang dilaksanakan di PUSPAKOM setiap enam bulan ke atas kenderaan perdagangan seperti lori dan bas ekspres perlu mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sebelum Sijil Perakuan Pemeriksaan dikeluarkan ke atas kenderaan yang menjalani pemeriksaan.

Jika sekiranya sesebuah kenderaan gagal memenuhi piawaian yang ditetapkan semasa pemeriksaan, maka Sijil Perakuan Pemeriksaan tidak akan dikeluarkan kepada kenderaan yang tersebut. Semasa pemeriksaan dijalankan seperti ujian kecekapan brek, alat pengujian komputer yang digunakan oleh pihak PUSPAKOM mampu mengesan sama ada kecekapan brek sesebuah kenderaan menepati kehendak piawaian yang ditentukan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan atau sebaliknya. Piawaian yang digunakan bagi pemeriksaan kecekapan sistem brek yang ditetapkan adalah:

- (i) kecekapan brek melebihi had 50%;
- (ii) ketidakseimbangan antara sistem brek sebelah kiri dan kanan tidak melebihi 15%; dan
- (iii) kecekapan brake parking.

Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab pemilik kenderaan berkenaan supaya sentiasa memastikan bahawa keadaan kenderaan mereka sentiasa di dalam keadaan yang selamat

digunakan di atas jalan raya pada setiap masa setelah kenderaan tersebut lulus pemeriksaan di PUSPAKOM.

- (a) Sebagai langkah untuk memastikan bahawa kenderaan perdagangan yang menjalani pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sentiasa memenuhi piawaian yang ditetapkan serta selamat digunakan di jalan raya, Kementerian Pengangkutan melalui Bahagian Kawalselia Teknik JPJ sentiasa menjalankan penguatkuasaan di PUSPAKOM dari masa ke semasa melalui pemeriksaan rambang ke atas kenderaan yang telah diperiksa bagi memastikan kualiti pemeriksaan yang dijalankan di PUSPAKOM adalah mematuhi kehendak piawaian yang ditetapkan.

Selain dari itu, pengawasan yang berterusan juga dibuat oleh JPJ di PUSPAKOM seperti berikut:

- (i) memeriksa dan menentukan kualiti yang dijalankan oleh PUSPAKOM seperti ditentukan oleh JPJ;
- (ii) memeriksa dan menentukan kualiti peralatan yang digunakan oleh PUSPAKOM berada dalam keadaan yang baik dan mengikut piawaian yang ditentukan; dan
- (iii) menentu ukur peralatan yang digunapakai di PUSPAKOM menepati standard yang telah pun ditetapkan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap terima kasihlah kerana pemeriksaan bas ini oleh PUSPAKOM, tetapi saya mendapati sendiri bahawa sesetengah dari bas-bas ini lebih teruk daripada lori rasanya bila naik dalamnya, sebab saya sendiri ada menaiki bas ini baru-baru ini dan juga saya telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kawan saya naik bas bila tiba di Kuantan hendak demam dibuatnya, sebab springnya terlalu keras.

Jadi, apakah ujian dan pemeriksaan yang dibuat masih lagi terjadi perkara seperti mana yang saya perkatakan dan juga bas-bas ini bila pergi ke Pulau Pinang dan bila membawa penumpang-penumpang melancong untuk makan di kedai di Tanjong Malim di mana sepatutnya berhenti, dengan izin, di Federal Highway, jadi maknanya kalau pergi ke kedai-kedai ini dan kedai ini cuma ada satu, dua sahaja, jadi harga makanan amat mahal, jadi saya harap dapat ambil perhatian. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah di atas soalan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, macam mana Dato' tahu tilam bas itu keras? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Springnya itu tidak lembut, keras macam lori. Pernahkah Tuan Yang di-Pertua naik lori, bila dia langgar sedikit lubang 'bedegup' kita pun terasa pinggang pun hendak patah. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kita semak bila kita lihat tilam itu bagus sahaja, kita kira okaylah, tidak kiralah dia lembut atau keras, ada spring menganjar ataupun tidak. Walau bagaimanapun, bagi kes ini bolehlah saya minta pegawai JPJ tengok syarikat yang memiliki bas berkenaan. Bolehkah Dato' beri saya nama syarikatnya supaya tilamnya boleh dilembutkan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Plus Liner. Saya mencadangkan supaya Ahli-ahli Dewan Negara dari

masa ke semasa ikut bas, jangan naik kereta Mercedes bila hendak pergi ke Pulau Pinang, ke Kuantan ataupun ke mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Bukankah Yang Berhormat guna Roll Royce?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah naik bas ini, baru sebulan lebih saya naik bas.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Roll Royce?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Bukan Roll Royce.

[Ketawa]

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah satu mekanisme yang pernah difikirkan oleh pihak JPJ ke atas lori-lori yang berhenti sepanjang jalan kadang-kadang mengganggu pengguna apabila mereka mengetahui bahawa di hadapan mereka ada wakil-wakil JPJ yang sedang beroperasi. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang terdapat lori-lori yang di parking di tepi jalan sama ada Lebuhraya Persekutuan ataupun jalan negeri dan juga Jalan Persekutuan yang telah menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya kerana lori ini mungkin tidak berapa kelihatan dan dilanggar dari belakang. Kerana itu, JPJ telah mengadakan sekatan di jalan raya untuk memastikan semoga lori-lori yang digunakan sentiasa dalam berkeadaan baik untuk melihat sama ada mereka telah menjalani pemeriksaan PUSPAKOM, yang berlaku bila dia tahu ada JPJ di depan, dia akan berhenti di belakang, yang ini kita pun telah memberitahu JPJ supaya lori-lori yang berhenti di belakang ini juga dibuatkan pemeriksaan pada masa yang sama.

Dengan ini mereka tidak ada pilihan kerana lori mereka juga akan diperiksa dan akan diambil tindakan yang sewajarnya. Jika terlalu banyak yang berhenti, JPJ akan mengadakan sekatan yang lebih jauh, ertinya meletakkan papan tanda bahawa di hadapan ada pemeriksaan JPJ dan lori-lori ini akan diambil tindakan pemeriksaan seperti yang dilakukan di sebelah hadapan.

Untuk mengelakkan lori-lori di parking di tepi jalan, khususnya di Lebuhraya Persekutuan, saya telah sebut pada hari semalam bahawa baru dua bulan ini polis telah menurunkan kuasanya kepada Penguasa-penguasa Lebuhraya PLUS supaya penguasa-penguasa ini boleh menarik lori itu keluar daripada lebuhraya dan dengan ini dapat mengelakkan lori-lori dari terus di parking di tepi jalan raya.

Walau bagaimanapun, jika ada aduan yang banyak Yang Berhormat dapati, lori-lori terus di parking seperti yang disebutkan bolehlah beritahu kami dan kita akan menghantar pegawai-pegawai kita untuk diambil tindakan seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan, pada hemat saya tidak berlakunya amalan rasuah semasa kerja-kerja ini dilakukan oleh pihak yang berwajib. Walau macam manapun, saya ingin mengemukakan soalan, mengapakah kemalangan selalu berlaku menyebabkan alasan yang diberi berasaskan kepada soalan yang dikemukakan kepada kerajaan tadi.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bas ekspres ataupun lori sememangnya merasa mereka raja di jalan raya kerana itu mereka kurang mematuhi peraturan di jalan raya, itulah sebabnya apabila berlaku pelanggaran yang banyak mati adalah penunggang motosikal ataupun mereka yang berada di dalam kereta yang lebih kecil dari bas dan lori.

Bagaimanapun, tindakan dan peraturan baru telah pun dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengawal tingkah laku pemandu bas dan juga pemandu lori. Untuk pemandu bas ekspres dan bas pelancong, kementerian telah pun mensyaratkan supaya mereka memasang kotak hitam bagi merekodkan tingkah laku pemandu dan tarikh tamat adalah 31 Disember 1998, berertinya menjelang 1 Januari 1999 semua bas ekspres dan bas pelancong perlu menggunakan kotak hitam.

Setakat ini baru 100 buah sahaja bas yang telah memasang dan menggunakan kotak hitam kerana kita percaya jika mereka memasang kotak hitam, jika berlaku kemalangan, butir-butir dalam kotak hitam ini boleh menjadi bukti menunjukkan tingkah laku pemandu-pemandu yang berkaitan sama ada mereka lari laju ataupun banyak 'cornering', banyak brek dan sebagainya.

Manakala bagi bas dan juga lori, kementerian juga telah memutuskan supaya diletakkan nombor telefon JPJ dan juga nombor telefon syarikat berkaitan supaya orang yang duduk di belakang jika nampak bas dan lori ini suka potong memotong ataupun sebagainya, mereka boleh terus menelefon JPJ ataupun syarikat berkenaan supaya Pegawai JPJ boleh menahannya jika ia melalui di Lebuhraya PLUS ataupun selepas itu JPJ akan panggil ke pejabat dan akan diberi kompaun yang sewajarnya. Ini adalah antara pendekatan baru yang kita percaya boleh mengelakkan bas dan lori terus bermaharajalela di atas jalan raya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan tilam bas ekspres yang berlubang dan keras itu, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan sama ada kerajaan sedar bas-bas perkhidmatan awam di luar bandar dan untuk orang-orang awam ini lebih teruk daripada bas ekspres yang tilam keras dan berlubang ini. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan perkhidmatan di luar bandar untuk orang awam sama tarafnya dengan yang duduk dalam bandar?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan PUSPAKOM tidak kira sama ada bas itu dalam bandar ataupun di luar bandar. Kalau ia berada di kampung di Arau pun pemeriksaan JPJ standardnya sama. Saya tidak pasti ada atau tidak bas-bas kampung yang tilamnya berlubang-lubang masih lagi digunakan, saya fikir tidak ada mungkin itu hanya anggapan sahaja, jika benar ada, sila Yang Berhormat Tuan Haji

memberitahu saya, saya akan minta pegawai kementerian pergi menyiasat supaya tilam-tilam yang berlubang ini digantikan dengan yang baiklah.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, panjang sangat ini. *[Ketawa]*

GEJALA SOSIAL DI KALANGAN REMAJA

1. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sejauh manakah kejayaan dalam usaha membendung kegiatan gejala sosial negatif di kalangan remaja melalui pelbagai program, nyatakan analisa mengikut peringkat umur dan jenis gejala sosial.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan dan keberkesanan dalam usaha membendung kegiatan gejala sosial negatif di kalangan remaja berkait rapat dengan penglibatan ibu bapa, ahli keluarga, anggota masyarakat dan persekitarannya. Oleh itu, adalah agak sukar untuk mengukur tahap kejayaannya.

Namun demikian, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sentiasa berusaha mengatur dan merancang program pencegahan dan pemulihan mengikut keperluan semasa untuk menangani masalah sosial ini dengan menitikberatkan penglibatan masyarakat.

Bagi tahun 1996 hingga November 1998 umpamanya, sebanyak 98 aktiviti pencegahan telah dijalankan melalui Jawatankuasa Juvana di seluruh negara. Aktiviti-aktiviti ini telah berjaya memberi kesedaran dan pendedahan kepada anggota masyarakat mengenai isu sosial yang sedang melanda negara masa kini. Kesedaran ini telah mendorong dan membantu ibu bapa dan ahli keluarga dalam menangani masalah tersebut dengan lebih bijak dan berhemah.

Program keibubapaan yang dijalankan telah menjadikan ibu bapa lebih mahir dan berkeyakinan dalam menghadapi cabaran isu remaja yang kompleks ke arah mengurangkan masalah tersebut. Penubuhan Pasukan Pelindung

Kanak-kanak, Pusat Aktiviti Kanak-kanak, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Briged Kebajikan Perdana pula telah berjaya memberi sumbangan dalam usaha membendung gejala-gejala sosial yang negatif itu.

Kejayaan membendung kegiatan gejala negatif ini dapat dilihat melalui usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam menjalankan program pemulihan di institusinya untuk wanita dan gadis di bawah umur 21 tahun yang terdedah kepada bahaya moral atau menjadi mangsa pelacuran dan juvana yang berumur di antara 10 hingga 18 tahun yang terlibat dengan kesalahan jenayah.

Pada tahun 1996 sebanyak 90% kes wanita dan gadis yang dimasukkan ke pusat pemulihan telah berjaya dipulihkan manakala pada tahun 1997 sebanyak 76% telah dipulihkan. Sementara itu, bagi juvana yang terlibat dengan kesalahan jenayah di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 sebanyak 89% telah berjaya dipulihkan pada tahun 1996 dan 75% pada tahun 1997.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik dengan program keibubapaan yang telah dijalankan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga jabatan-jabatan lain. Jadi, saya ingin mengesahkan memang ada keberkesannya bila ibu bapa diberitahu tentang masalah-masalah dan bagaimana untuk mengawal masalah gejala sosial ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kementerian bercadang untuk mempertingkatkan lagi ataupun memperbanyakkan program keibubapaan ini. Kenapakah kerjasama dengan jabatan-jabatan lain juga yang terlibat dengan pembangunan komuniti ataupun kemasyarakatan ini untuk memperbanyakkan program untuk keibubapaan ini? Saya juga ingin tahu apakah undang-undang untuk mendakwa ataupun membawa ibu bapa itu sendiri ke mahkamah jika didapati anaknya terlibat dengan masalah gejala sosial ini sudah ada ataupun sebarang cadangan ke arah itu? Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian bukan hanya Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja yang melibatkan diri di dalam semua usaha yang saya telah sebutkan tadi. Bagi pihak agensi yang lain misalnya iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) semenjak tahun 1997 telah mengadakan modul iaitu modul yang dirancang selama ini ada mengandungi lima perkara iaitu:

- (i) Modul Pembangunan Remaja Permata Kasih telah dilaksanakan pada Oktober 1997;
- (ii) Modul Keibubapaan Anak Kecil iaitu kursus khusus kejurulatihan, satu kursus diadakan;
- (iii) Melangkah Ke Jinjang Pelamin iaitu sesi simulasi mulai awal 1999 iaitu training of trainees;
- (iv) Modul Keibubapaan Anak Remaja iaitu satu training of trainees bulan Disember 1998 dan diteruskan pada tahun hadapan; dan
- (v) Modul Keibubapaan “fatherhood” iaitu pilihan kumpulan sasar trainees telah dipilih dahulu.

Perkara ini telah diadakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, semenjak agensi ini telah diberi tugas yang baru semasa kementerian dan kerajaan menerusi Kabinet telah memutuskan supaya menambahkan kegiatan-kegiatan yang telah saya sebutkan tadi supaya masalah sosial ini dapat dibendung dari awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain mungkin telah diketahui juga iaitu bagi Tadika Perpaduan. Tadika Perpaduan ini diadakan supaya anak-anak masih kecil telah diatur apabila ada Rukun Tetangga. Kita tahu negara kita telah banyak mengadakan Rukun Tetangga tetapi masih banyak lagi dikehendaki.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat seterusnya berusaha untuk menambah kegiatan supaya masalah sosial ini dapat dikurangkan di masa akan datang.

Puan Siti Hawa binti Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita dapati kes-kes juvana meningkat. Soalan tambahan saya ialah apakah program yang dikhususkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terhadap golongan kanak-kanak yang dapati melakukan kesalahan dan diputuskan oleh Mahkamah Juvana yang diberi ikat jamin dan berkelakuan baik satu tahun dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kedudukan kes pada masa tamat mereka yang telah dimasukkan ke institusi kebajikan masyarakat, umpamanya dalam tahun 1996 kejayaan telah dapat diperolehi iaitu:

Tahun 1996

Meneruskan pelajaran	-	9	orang
Pembantu rumah	-	29	"
Bekerja	-	117	"
Kegagalan terlibat semula dalam pelacuran	-	1	"
Tidak dapat dikawal	-	6	"
Tidak dapat dikesan	-	10	"
Jumlah	=	<u>172</u>	orang

Tahun 1997

Kejayaan meneruskan pelajaran	-	4	orang
Pembantu rumah	-	14	"
Bekerja	-	18	"
Mendirikan rumah tangga	-	137	"
Kegagalan terlibat semula dalam pelacuran	-	6	"
Tidak dapat dikawal	-	9	"
Tidak dapat dikesan		40	"
Jumlah	=	<u>228</u>	orang

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan asal saya itu saya beri penekanan kepada kalangan remaja dan jenis gejala sosial. Apa yang saya minta penjelasan, kalau kita baca di dalam akhbar kebelakangan ini kita dapati ramai pelajar daripada sekolah rendah sekali pun lebih-lebih lagi di sekolah-sekolah menengah dan sekarang ini terdapat banyak sekolah swasta, yang terlibat dengan gejala sosial negatif termasuk masalah dadah, masalah vandalisme, masalah memandu motosikal melanggar polis sehingga patah kaki dan sebagainya.

Ini adalah kerja-kerja remaja dan lebih-lebih lagi bila terdedah dengan unsur-unsur yang memengaruhi mereka, boleh dapat kaset, boleh tengok majalah, televisyen dan sebagainya. Oleh sebab itu kalangan remaja yang terlibat adalah pelajar sekolah kemudian penglibatan dalam seks rambang dan sebagainya. Apakah program yang dibuat. Kalau kita kata program keibubapaan, adakah kita panggil ibu bapa murid-murid yang terlibat itu, bukan bagi program kepada orang biasa. Sasaran yang terlibat kepada satu institusi,

ibu bapa kanak-kanak yang terlibat itu ataupun waris mereka, program ini yang lebih berkesan.

Satu lagi berkenaan gejala sosial negatif, vandalisme yang merosakkan harta kerajaan, kita dapati sekarang ini masih banyak kejadian ini berlaku. Kita buat tempat tunggu bas elok-elok, mereka pergi rosakkan. Kita buat tempat telefon awam dan sebagainya, telefon dirosakkan. Apakah langkah-langkah bersepadu yang melibatkan agensi lain sama ada polis dan sebagainya untuk membantu ke arah mengurangkan, kalau tidak boleh menghapuskan langsung?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Segala usaha kementerian, bukan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sahaja lebih-lebih lagi di sekolah ini ialah Kementerian Pendidikan dan bukan kementerian ataupun kerajaan sahaja, ia melibatkan semua masyarakat. Semua masyarakat kita, mengikut jawapan yang awal tadi berkaitan memang bersama-sama, oleh kerana itu, mengikut yang saya sudah sebut awal tadi memang kementerian berusaha bersungguh-sungguh.

Berkenaan dengan perkara wanita, wanita pun kita telah tahu dahulu hal ehwal wanita sebagai satu unit di bawah kementerian tetapi sekarang sebagai sebuah jabatan, oleh kerana itu memang kerajaan bersungguh-sungguh. Semua agensi yang terlibat mengikut Pelan Tindakan Wanita, begitu juga Lembaga Pembangunan Keluarga Negara memang semua terlibat, jadi perkara ini memang kita mula dari awal lagi. Jadi perkara yang saya sebut tadi, kita memang sama-sama berusaha, bukannya kementerian atau kerajaan sahaja tetapi seluruh masyarakat akan terlibat supaya kita dapat mengurangkan gejala sosial yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

KAWASAN HUTAN NEGARA – KOMITMEN KERAJAAN

3. **Datuk Norjan binti Khan Bahadar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan anggaran semasa kawasan negara yang diliputi dengan hutan dan sejauh manakah komitmen kerajaan untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan negara diliputi dengan hutan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, setakat tahun 1997, keluasan kawasan hutan di Malaysia berjumlah 20.56 juta hektar yang terdiri daripada 5.82 juta hektar di Semenanjung Malaysia, 4.46 juta hektar di Sabah dan 10.28 juta hektar di Sarawak. Jumlah keluasan kawasan-kawasan berhutan ini merupakan 62.5% daripada keseluruhan keluasan Malaysia yang berjumlah 32.9 juta hektar.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi memastikan peratusan kawasan berhutan negara dapat dikekalkan terus melebihi 50% selaras dengan komitmen negara di peringkat antarabangsa. Menerusi pendekatan pengurusan hutan secara berkekalan, kawasan hutan diurus dengan lebih sistematik meliputi aktiviti-aktiviti pengusaha hasil dan juga penyelenggaraan dan rawatan serta tanaman menggayu.

Kerajaan juga mengambil langkah memulihkan kawasan tanah miskin, degraded area, dengan izin, dengan penanaman spesis pokok hutan. Menerusi pendekatan ini keluasan kawasan hutan dapat dipertingkatkan di samping mengurangkan tekanan ke atas sumber kayu dari kawasan hutan asli. Lain-

lain pendekatan yang diambil termasuklah pewartaan kawasan hutan simpan kekal, penubuhan taman-taman negara serta kawasan suaka hidupan liar dan burung.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana terus memantapkan kedudukan kita dari segi menetapkan kawasan hutan terus ke tahap yang amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu adakah pihak kerajaan bercadang, dalam rundingan-rundingan antarabangsa bagi menentukan satu formula dengan negara-negara lain, tahap setiap negara mengekalkan dari segi kawasan hutannya. Sekarang ini kita ada 62%, komitmen kita di peringkat antarabangsa sekurang-kurangnya 50% tetapi saya hendak tahu, kepada negara-negara yang mempunyai kawasan hutan kurang daripada 50%, adakah mereka ini terpaksa membayar satu cukai oxygen, misalnya kepada mereka yang mempunyai hutan yang begitu tinggi macam kita ini dan pada masa yang sama negara-negara yang kurang hutan ini, seperti negara-negara yang maju, Amerika Syarikatkah atau Eropahkah, kini mengenakan tindakan-tindakan untuk hendak menentukan supaya kayu-kayu tropik dikenakan pelbagai tindakan untuk kita hendak menjual kepada mereka. Kalau kita tengok kayu daripada tropik dia hendak tengok berapa kawasan hutan kita dan sebagainya. Jadi, membebankan kita dari segi pengurusan.

Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kementerian adakah dalam perundingan formula semacam ini kita tetapkan supaya ianya dapat diterima oleh dunia bahawa negara yang mempunyai hutan yang banyak menerima pula cukai oxygen daripada negara-negara yang hutannya kurang?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana peka dan prihatin mengenai perkara ini. Sesungguhnya dalam arena antarabangsa negara-negara maju yang sebenarnya menunjukkan bahawa dari segi keluasan hutannya cukup membimbangkan dan kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara yang membangun, prestasi kita lebih membangga dan memberangsangkan tetapi hakikatnya di dalam arena antarabangsa negara-negara maju ini mempunyai kuasa, kaedah dan juga backing yang begitu kuat untuk menentukan dan menetapkan bahawa hujah mereka lebih kuat dan diikuti seperti biasa tetapi yang membanggakan bahawa dari segi hakikat dan faktanya kita boleh berdebat dengan mereka menunjukkan bahawa prestasi kita, Tuan Yang di-Pertua, cukup mengagumkan. Saya rasa di peringkat forum-forum antarabangsa negara-negara maju sekarang ini tidak ada hujah yang boleh menentang usaha kita.

Untuk menjawab soalan sama ada, ada formula atau persefahaman di antara kita di dalam forum antarabangsa, sebenarnya tidak ada mekanisme dan tekanan yang dilakukan ialah melalui NGO-NGO dan juga pembeli dan pasaran kayu-kayan. Bermakna, kalau industri-industri perabot sebagai contoh, tidak ingin membeli kayu-kayan tropika sekiranya ia tidak melalui sistem hutan berkekal, maka sukar pengusaha-pengusaha kita untuk mengeksport kayu-kayan. Maka suka atau tidak suka, kita di Malaysia ini terpaksa mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan untuk memastikan bahawa hutan kita ada sistem secara berkekal supaya secara realitinya kita dapat memastikan bahawa ia ada pasaran dalam industri-industri hiliran untuk dieksport.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin sebelum itu untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' di atas kenyataan hari ini mengenai pengukuhan

khususnya di kalangan barisan Pemuda UMNO untuk mengatasi masalah ini. Semoga cerah masa hadapan. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bolehkah namakan negeri-negeri yang telah mengguna lebih ataupun telah meneroka hutannya lebih daripada sepatutnya dan saya ingin tahu apakah kedudukan hutan Kerajaan Negeri Kelantan kerana baru-baru ini saya berjumpa dengan seorang pegawai tinggi daripada kementerian yang kebetulan saya kenal melawat Kelantan, kononnya ada kaitan dengan hutan tetapi saya bertanya apakah Kelantan melanggar peraturan dan lebih mengeluarkan hutan. Selaku pegawai yang profesional, beliau hanya tersenyum tetapi saya faham senyumnya itu senyum sinis!

Apakah lawatan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri pada 18 Disember ini ke Kelantan ada kaitan dengan soal pelanggaran syarat-syarat pengeluaran hutan di Kelantan Darul Naim?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Dengan doa restu 'Abang-abang', insya-Allah, Pemuda dapat kita letakkan di atas landasan yang sebenarnya.

Mengenai soalan yang telah diketengahkan, kerajaan sentiasa berusaha memastikan bahawa sumber hutan negara diuruskan secara sistematik dan berkekalan dan pendekatan serta kaedah yang digunakan ialah menerusi Majlis Perhutanan Negara yang telah mencadangkan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) kepada negeri-negeri mengikut tempoh Rancangan Lima Tahun Malaysia. Dalam Persidangan Majlis Perhutanan Negara Ke-12 pada 13 Februari 1996, pihak kerajaan negeri telah bersetuju menetapkan CTT seluas 46,040 hektar bagi Semenanjung Malaysia, 170,000 hektar bagi Sarawak dan 60,000 bagi Sabah untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu daripada tahun 1996 hingga tahun 2000. Sehingga kini kerajaan-kerajaan negeri memberikan kerjasama yang baik.

Mengenai soalan yang agak terperinci mengenai negeri Kelantan, saya akan jawab secara bertulis sebab saya tidak ada angka-angkanya dan lawatan

saya pada hari Jumaat ialah berkaitan dengan tembakau, bukan balak!
[Ketawa]

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menambah lagi perhutanan ini, bukan sahaja kita galakkan atau kerajaan meletakkan kepada kawasan yang tertentu. Kita lihat bahawa di tepi lebuhraya banyak ditanam dengan pokok-pokok jati emas. Saya pernah pergi ke Sabah dan saya lihat bahawa di sana ada menanam pokok-pokok jati emas ini bersama dengan pokok sawit. Adakah boleh kerajaan menggalakkan supaya penanam-penanam sawit ini akan menanam pokok-pokok jati emas dan pokok sentang di antara pokok sawit dengan pokok jati emas dan sentang boleh diselang-selikan untuk menambahkan perhutanan negara kita ataupun buat satu skim bantuan kepada pekebun-pekebun kecil untuk menggalakkan tanam-tanaman tersebut dan menambahkan lagi kayu balak di negara kita.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu cadangan yang cukup baik dan sebenarnya kementerian berusaha ke arah itu, malangnya produktiviti dan juga pulangan daripada penanaman pokok-pokok adalah dalam jangka masa yang begitu panjang. Pada masa ini oleh kerana harga kelapa sawit yang melambung tinggi, minat untuk menanam kayu-kayan bersama-sama dengan kelapa sawit tidak begitu menggalakkan tetapi kerajaan sekarang ini sedang memerhatikan sama ada kita boleh menggunakan klon-klon baru khususnya dalam pokok getah di mana klonnya bukan sahaja untuk keluaran getah mentah tetapi boleh juga digunakan untuk kayu getah dengan syarat kayu getah itu ada pasarannya di dalam industri-industri hiliran seperti industri perabot. Ini adalah satu agenda jangka masa panjang tetapi pada masa ini dengan harga kelapa sawit yang melambung tinggi, saya rasa minat untuk mereka menanam pokok bersama-sama dengan kelapa sawit tidak cukup menggalakkan.

KLINIK KESIHATAN UNTUK PEKERJA LADANG – RANCANGAN

4. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah rancangan klinik kesihatan luar bandar untuk pekerja ladang telah

dilaksanakan. Sila nyatakan peratus ladang-ladang yang tidak mempunyai klinik kesihatan kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, segala kemudahan yang disediakan kepada penduduk ladang adalah tanggungjawab majikan dan ianya tertakluk kepada Akta Piawaian Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 1990. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh adalah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan akta tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan mengawal selia pelaksanaan berhubung dengan pendirian dan memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk ladang di Semenanjung Malaysia.

Tindakan sedang diambil untuk membuat pindaan kepada Akta Piawaian Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan dalam perkara ini. Sebanyak RM3.21 juta peruntukan telah diluluskan bagi pelaksanaan perkhidmatan perubatan dan kesihatan bagi penduduk-penduduk ladang bagi tahun 1998 oleh Kementerian Kesihatan. Di antara pemberian bantuan adalah peralatan asas ubat-ubatan ke klinik-klinik ladang, memberi latihan kepada pembantu hospital estet dan mengadakan Kempen Cara Hidup Sihat kepada penduduk ladang.

Tidak ada ladang yang mempunyai klinik kesihatan kerajaan, namun begitu penduduk ladang masih boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan kerajaan yang didirikan berdekatan dengan ladang-ladang.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian bercadang untuk menambah bilangan jururawat-jururawat desa di klinik-klinik luar bandar kerana didapati sekarang ini sangat berkurangan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan untuk menambah jururawat desa di klinik-klinik kesihatan dalam kementerian.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan adakah kerajaan sudah berpuas hati dengan khidmat-khidmat klinik kesihatan yang berada di ladang-ladang khususnya di kediaman orang-orang India?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, di ladang-ladang atau di klinik-klinik yang 'standard'nya tidak memuaskan, kita memberi training

kepada semua pembantu hospital selama satu bulan dan adalah difikirkan keadaan sekarang lebih baik daripada dahulu.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Pada suatu masa di pihak ladang-ladang atau estet-estet ada group hospital dan saya ingin bertanya, pada masa sekarang ada berapa buah group hospital yang masih tinggal. Itu adalah merupakan satu determinasi pihak ladang-ladang untuk menjaminakan satu perkhidmatan kesihatan yang lebih bertaraf. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, suatu masa ada hampir 51 buah hospital estet seluruh negara tetapi sekarang ada lima buah sahaja, kita sudah menukar hospital-hospital sebab keadaan yang telah bertukar dan klinik-klinik kesihatan dan kerajaan yang berdekatan dengan estet. Oleh itu ada tujuh buah estet sahaja mempunyai klinik/hospital dengan 8 katil sahaja sekarang, tidak ada group hospital dalam estet sekarang.

PROMOSI PELBAGAI JENIS PINJAMAN – TINDAKAN KEMENTERIAN

5. **Datuk Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah tindakan kementerian mempromosikan kepada semua lapisan masyarakat terutama para usahawan pelbagai jenis pinjaman seperti CGC, 3F, Special Fund dor Tourism, Export Credit Refinancing, Bumiputera Industrial Fund, New Entrepreneur Fund dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, tabung-tabung pinjaman yang disebutkan ini merupakan produk pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan dan dilaksanakan melalui institusi kewangan. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab institusi kewangan berkaitan untuk mempromosikannya.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah mengambil inisiatif dengan meminta persatuan bank-bank perdagangan Malaysia supaya membuat promosi tabung-tabung ini. Kementerian Pembangunan Usahawan pula dari semasa ke semasa membuat promosi tabung-tabung yang dikendalikan oleh kementerian serta agensi-agensi

kementerian seperti MARA, PNS, Bank Pembangunan dan CGC. Tabung-tabung tersebut ialah Tabung Usahawan Kecil, Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil, Skim Usahawan Siswazah, Skim Pembiayaan Francais, Skim Bantuan Pembangunan Francais dan lain-lain. Pada umumnya promosi ini dibuat sebaik sahaja sesuatu tabung itu diwujudkan atau dilancarkan. Promosi-promosi lain mengenai tabung-tabung ini juga telah dibuat melalui seminar, majlis penerangan sama ada yang dianjurkan oleh kementerian ataupun persatuan-persatuan perniagaan melalui radio dan program-program televisyen dan sebagainya. Di samping tabung-tabung kementerian, penerangan mengenai tabung-tabung yang diwujudkan oleh kerajaan seperti yang disebut juga dibuat.

Walau bagaimanapun, masalah masa kini bukan sangat berhubung dengan promosi. Sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, di Dewan ini tempoh hari, malah sebenar ialah kerana bank kurang mengeluarkan pinjaman. Ini jelas kelihatan kerana kementerian menerima banyak aduan daripada usahawan untuk mendapat pinjaman bank. Ini juga diperjelaskan lagi apabila pinjaman MARA yang tidak menggunakan saluran bank mendaftarkan penambahan jumlah pinjaman hampir 20%.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun kali yang ke-10, nasib baik Tuan Yang di-Pertua, nampak, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: 10 kali sudah? Saya nampak dua kali sahaja baru.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Yang ke 10, daripada soalan nombor satu. Pertamanya, saya merakamkan kalau boleh sebelum soalan tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Ini baru soalan nombor lima. *[Ketawa]*

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: 10 kali bangun. Terima kasih. Saya rasa Dewan Negara, sebelum soalan tambahan saya – sudah hilang pula soalan tambahan saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah tadi ada dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa produk ataupun dana yang diluluskan daripada kerajaan dikhususkan kepada bank-bank komersial untuk diproses dan diagihkan kepada usahawan-usahawan kita. Jadi masalah sekarang ialah masalah pemberian pinjaman. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah lagi kerajaan melalui dananya akan menghentikan pemerosesan pinjaman ini melalui bank-bank komersial. Umpamanya macam Yang Berhormat Menteri Kewangan II, nampaknya bersetuju pada semalam supaya semua dana yang berkaitan dengan usahawan bumiputera ini diproses bersama oleh Bank Negara dan juga NGO-NGO yang diiktiraf oleh kerajaan supaya pembiayaan kewangan ini dapat diterjemahkan di peringkat pemimpin-pemimpin usahawan yang tidak lagi akan menidakkan hasrat murni kerajaan untuk membiayai usahawan-usahawan kita. Terima kasih.

Dato' Idris bin Jusoh: Memang menjadi hasrat kementerian untuk memastikan lebih banyak dana ini disalurkan melalui tidak dengan menggunakan bank-bank. Sebab itu, kemudian ini kita lihat adanya program-program di kementerian selain daripada MARA adanya PNS yang juga membekalkan dana-dana tersebut dan pada tahun hadapan, insya-Allah, kita akan melancarkan Tabung Tekun yang memberi pinjaman RM1,000 hingga RM10,000 kepada peniaga-peniaga kecil dan dari semasa ke semasa, kementerian akan mengambil tindakan agar lebih banyak lagi dana-dana ini akan dapat dikeluarkan melalui saluran-saluran tanpa bank.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan kita sekarang ini banyak sangat tabung, baik dari segi Yang Berhormat Menteri Kewangan mahupun Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan. Soalnya sekarang, memanglah benar kegunaan tabung-tabung ini untuk hendak menggerakkan kegiatan-kegiatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan menerusi Kementerian Kewangan kita dapat tahu liquidity gerakan kecairan kewangan peringkat sistem perbankan tidak mencapai peningkatan 8% dan ini mungkin akan

menguncupkan lagi kedudukan ekonomi kita pada tahun ini. Jadi soalnya sekarang, saya hendak tahu daripada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan ini, adakah kita mempunyai satu sistem pemantauan dari segi hendak menentukan daripada tabung-tabung ini, berapa peratuskah pencapaian dari segi pengeluaran kewangan ini kerana saya perhatikan kita sekarang sudah hujung tahun, sebulan lagi sudah habis tahun ini dan mungkin wang yang dihadkan kepada tabung-tabung ini tidak bergerak.

Jadi saya hendak tahu tabung-tabung yang disenaraikan di sini, berapa peratuskah yang telah digunakan dan kalau tidak digunakan, apakah ianya mempunyai impact kepada kegiatan untuk hendak memulihkan ekonomi ini?

Dato' Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, oleh kerana terlalu banyak tabung ini, jadi kementerian dan juga kerajaan akan memastikan tabung-tabung ini akan dapat diselaraskan, memang pencapaian antara tabung-tabung ini oleh kerana peranan bank itu kurang berkesan, kebelakangan ini memang penggunaannya adalah tidak ke tahap yang dikehendaki. Sebab itulah Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengambil langkah yang proaktif, di mana ada dua tabung kita iaitu Tabung TUK dan Tabung SELF, akan digabungkan tidak berapa lama lagi dan kita harap tabung-tabung lain juga yang mempunyai objektif yang sama juga akan digabungkan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada kerajaan bercadang untuk mengadakan 'one stop agency' di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mengeluarkan dana-dana ini, kemudian diluluskan ke bank-bank yang berkenaan. Kalau buat macam ini, kita namakanlah Pusat Khidmat Tabung Usahawan yang di bawah kementerian itu supaya senang kita buat pemantauan, senang buat 'follow-up', senang kita kesan, kalau kita biarkan usahawan pergi ke institusi kewangan cara masing-masing, akhirnya pinjaman pun tidak tahu diluluskan atau tidak diluluskan, apa yang berlaku kita tidak tahu, banyak mana wang kita tidak tahu, dengar tabung sahaja banyak tetapi

usahawan yang boleh buat kerja tidak ada. Oleh sebab itu saya cadangkan supaya buat konsep 'one stop agency' lebih berkesan daripada biarkan pelbagai agensi memberi pinjaman. Kita hendak buat 'follow-up' pun senang, hendak tahu 'feedback' balik pun senang di bawah kementerian itu. Apabila dia sign lulus, pergi ke Bank Bumiputra atau bank-bank yang lain dengan ada kelulusan, esok senang buat follow-up. Ini lebih practical daripada umum macam-macam, selepas itu apa pun tidak ada.

Dato' Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang di kementerian ada pusat khidmat ataupun perkhidmatan kaunseling untuk usahawan-usahawan yang ingin mengetahui tentang program-program usahawan, program-program latihan dan juga pembiayaan yang dikeluarkan oleh kerajaan tetapi memang di pusat khidmat kita ini ataupun 'one-stop agency' kita ini memang memberi penekanan kepada tabung-tabung yang kecil ataupun industri-industri kecil dan sederhana (SMI) dan bukan kepada yang besar.

Walau bagaimanapun, kementerian memang merasa bertanggungjawab untuk memastikan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi itu dapat dilaksanakan. Tetapi saya ingin juga memberitahu bahawa ada silap faham tentang peranan kementerian, walaupun tabung-tabung ini diwujudkan, duit-duitnya ada di bank dan kelulusannya hanya boleh diberi oleh bank, bukannya datang ke kementerian, menteri sign, tidak boleh, kadang-kadang bank tidak terima cara itu. Ia harus berlandaskan kepada viability ataupun daya maju projek dan juga usahawan itu sendiri. Walau bagaimanapun, saya menganggap baik cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi dan kita akan bincang dengan secara serius.

PROJEK PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA – PENGLIBATAN BIN LADEN

6. **Datuk Zainuddin bin Maidin** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar Osama Bin Laden yang didakwa oleh Amerika Syarikat melakukan pengeboman terhadap kedutaannya di Afrika terlibat dengan beberapa projek pembangunan ekonomi di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Osama Bin Laden yang didakwa oleh Amerika Syarikat melakukan pengeboman terhadap kedutaan di Afrika adalah bukan orang yang sama dengan orang yang mengetuai sebuah syarikat Saudi Bin Laden International (M) Sdn. Bhd. yang terlibat dengan beberapa projek pembangunan ekonomi di Malaysia.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah projek-projek yang telah dilaksanakan oleh syarikat Saudi ini di Malaysia dan bolehkah menteri yang berkenaan memberikan nama pengarah-pengarahnya dan mengapa syarikat ini telah diberi atau dipilih ataupun telah diberikan keutamaan dan apakah benar, bahawa mereka ini tidak ada kena mengena langsung dengan Bin Laden seperti yang telah dikatakan tadi?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk sejarahnya Syarikat Bin Laden International telah ditubuhkan oleh Sheikh Mohammad bin Laden pada tahun 1931 semasa pemerintahan King Abdul Aziz AlSaud. Sheikh Mohammad mempunyai beberapa orang isteri dan ramai anak, salah seorang anaknya ialah Osama Bin Laden yang telah lama meninggalkan Arab Saudi dan pertentangannya terhadap Kerajaan Arab Saudi, telah mengakibatkan kerakyatan Saudinya dilucutkan. Seorang lagi anak beliau ialah Sheikh Omar Bin Laden, Pengasas Saudi Bin Laden International (M) Sdn. Bhd. di Malaysia. Jadi emak lain, bapa serupa. *[Ketawa]*

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, di antara projek-projek yang dilaksanakan oleh syarikat Saudi Bin Laden International (M) Sdn. Bhd. di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Projek KLIA atau package RA 03, Apron & Cross Taxi Way X1/X2, West bernilai RM140,639,286.47 dan siap pada 31 Julai 1997.
- (ii) Projek Jalan Lingkaran Tengah 2, Kuala Lumpur package 2, the missing link secara gabungan usahasama Lankhorst Pancarbumi Contractor Sdn. Bhd., Bumi Highway (M) Sdn. Bhd., Saudi Bin Laden International (M) Sdn. Bhd. dengan ekuiti masing-masing 45:35:20. Projek bernilai RM238,828,257.16,

projek di peringkat mendapatkan persetujuan harga untuk pelaksanaan.

- (iii) Projek Putrajaya iaitu projek Masjid Putra dilaksanakan oleh Syarikat Putaran Mutiara yang dimiliki oleh Puan Yalina Husin dengan ekuitinya sebanyak 70% dan Saudi Bin Laden International (M) Sdn. Bhd. sebanyak 30%, projek bernilai lebih kurang RM250 juta. Projek ini dijangkakan siap pada bulan April 1999.

Mengenai pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan, pengerusinya ialah Bukh Mohamad Bin Laden; pengarahnya Omar Mohamad Bin Laden; kedua, Jarina Bee binti Mohd. Hussin dari Malaysia; ketiga, Akhbar M. Moawalla dari Tanzania.

Mengapa Bin Laden dipilih, saya merasakan yang pertamanya; ialah masalah kewangan tidak timbul kerana syarikat ini adalah syarikat yang terkaya di Saudi Arabia.

Keduanya, mahir dalam bidang infrastruktur seperti highway, airport, industrial dan power project, perumahan, masjid-masjid di Makkatulmukaramah dan Madinatul Munawarah pun disambung, dibuat oleh beliau, hospital, industri estet dan pipe line.

Ketiganya, oleh kerana mereka ini berpengalaman kita boleh mendapat transfer of technology. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Soalan tambahan. Saya bukan hendak mempertahankan Bin Laden tetapi di dalam jawapan kerajaan tadi menampakkan bahawa Bin Laden melakukan pengeboman di Afrika sebab dia ada dua tadi, perbezaan. Yang satu mengenai dengan syarikat, yang satu lagi berkenaan dengan andaian Bin Laden ini mengusahakan untuk mengebom apa yang berlaku di Afrika seperti mana yang dikatakan oleh Amerika. Oleh itu untuk menjelaskan dan bagi penerangan kepada kita bahawa andaian ini tidak betul. Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan menjelaskan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Soalannya sama ada benar Osama Bin Laden ini, orang yang mengebom Kedutaan Amerika di Afrika itu ialah orang yang sama membuat projek-projek di Malaysia. Jawabnya tidak benar.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat tahu pemeliharaan udang di Kedah...

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Undang.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Ya, undang di Kerpan. Saya dengar...

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Apa kena mengena dengan Bin Laden ini.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tidak, Bin Laden ada menyumbangkan saham dia, adakah benar atau tidak di Kerpan, Kedah, pemeliharaan undang.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Di Kerpan juga terdapat investor, pelabur Arab tetapi setakat yang kita tahu Bin Ladin tidak masuk di dalam share ini. Bin Shafie ada...*[Ketawa]*

PEMBAKARAN TERBUKA - PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

7. **Datuk Geoffrey Yee Lung Fook** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa ketika negara kita menghadapi masalah jerebu akibat pembakaran secara terbuka menjadi satu isu yang amat besar dan hukuman yang berat telah dicadangkan:

- (a) adakah kerajaan masih meneruskan kegiatan untuk mengesan pembakaran terbuka; dan
- (b) apakah definisi dan takrif sebenarnya bagi pembakaran terbuka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjawab soalan,

- (a) kerajaan masih meneruskan kegiatan untuk mengesan pembakaran terbuka melalui operasi mencegah pembakaran terbuka dan pengesanan pembakaran terbuka melalui pengawasan dari udara 'aerial surveillance' dengan izin, dengan kerja sama Polis Diraja Malaysia.

- (b) Definisi sebenarnya bagi pembakaran terbuka adalah apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan yang tidak dihalakan ke udara bebas itu melalui serombong atau cerobong tetapi tidak termasuk apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kadang-kadang kalau kita lihat di Kuala Lumpur ini masih ada kesan-kesan jerebu, jadi apakah kesan-kesan jerebu ini juga akibat pembakaran terbuka yang tidak dapat dikesan. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, hari ini boleh dikatakan kita punya keadaan keseluruhannya baiklah di bawah 50 bacaan indeknya. Sebenarnya ini mungkin salah satu daripada yang membuatkan asap-asap ini adalah daripada kenderaan-kenderaan tetapi jerebu alhamdulillah, Allah S.W.T telah jauhkan negara kita pada masa ini daripada jerebu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya pada pihak kementerian, setakat ini berapa banyakkah tindakan yang telah pun dikenakan kepada pihak-pihak yang membuat pembakaran secara terbuka ini dan berapa banyak denda yang telah dikenakan kepada mereka yang telah melakukan kegiatan tersebut. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, banyak telah didenda, kalau tidak salah pada ingatan saya lebih daripada 40 kes yang telah didenda dan banyak lagi yang dalam proses untuk diambil tindakan mahkamah. Itulah yang dapat saya sampaikan.

HOSPITAL JANTUNG (IJN) DI SETIAP NEGERI - CADANGAN PEMBINAAN

8. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Kesihatan menyatakan terdapat ramai yang menghadapi masalah sakit jantung dan hanya ada satu Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur. Ianya tidak dapat menampung semua pesakit

yang memerlukan rawatan. Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membuka “Hospital Jantung” di setiap negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato’ M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat hanya sebuah Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan mempunyai dua buah pusat jantung yang lain iaitu pusat jantung di Hospital Pulau Pinang yang beroperasi semenjak tahun 1994 dan di Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru semenjak tahun 1996. Pusat jantung yang ketiga di Hospital Umum, Sarawak, Kuching telah memulakan pembinaan dan akan beroperasi awal tahun 2000. Kerajaan tidak bercadang untuk membina hospital jantung di setiap negeri kerana ia tidak kos efektif.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada saya dapati pengidap sakit jantung yang telah pun disenaraikan untuk mendapat rawatan di pusat jantung telah pun meninggal dunia sebelum sampai masa rawatan. Ini menunjukkan bahawa Pusat Jantung Negara sekarang ini tidak dapat memenuhi tuntutan ataupun keperluan untuk merawat pesakit-pesakit yang mengalami sakit jantung.

Walaupun kerajaan tidak bercadang untuk membina pusat jantung ini di setiap negeri adakah kerajaan bercadang untuk membina di mana-mana zon ataupun membina pusat tambahan untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit jantung di negara kita. Terima kasih.

Dato’ M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa yang ada penyakit jantung, mereka boleh mendapat rawatan di dalam hospital di seluruh Malaysia yang mana ada pakar-pakar jantung, bukan di IJN sahaja. Oleh itu kementerian tidak ada cadangan mendirikan pusat jantung di setiap daerah ataupun negeri.

LKIM/MAJUIKAN - USAHA MEMPOPULARKAN JENIS-JENIS IKAN DI MALAYSIA

9. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan sebuah akhbar tempatan Bahasa Malaysia ada menyelitkan sebuah majalah bernama *Joran* untuk peminat-peminat memancing serta dengan gambar ikan-ikan air masin dan air tawar yang

dipancing serta pertandingan memancing, adakah pihak MAJUIKAN akan bekerja sama supaya mengambil bahagian dalam usaha ini untuk mempopularkan dan memberi penerangan jenis-jenis ikan yang ada di Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya maksud Yang Berhormat apabila merujuk kepada MAJUIKAN ialah LKIM iaitu aktiviti perikanan rekreasi seperti pertandingan memancing adalah salah satu aktiviti di bawah Jabatan Perikanan. Jabatan berkenaan turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan aktiviti majalah *Joran* dengan menyumbang artikel dari masa ke semasa.

Selain daripada itu Jabatan Perikanan juga turut menjayakan pertandingan memancing sama ada yang dianjurkan oleh *Joran* atau lain-lain penganjur di peringkat kebangsaan atau negeri dengan menganggotai jawatankuasa, memberi khidmat nasihat teknikal, keselamatan serta pengadilan. Secara keseluruhannya Kementerian Pertanian amat menggalakkan aktiviti perikanan rekreasi seperti ini. Jabatan Perikanan dan LKIM akan sentiasa memberi sokongan dan kerja sama dalam menjayakannya.

FOKUS PELABURAN BRUNEI DARUSSALAM DI MALAYSIA -JUMLAH

10. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan fokus pelaburan asing Brunei Darussalam di rantau ini adalah negara Malaysia di samping negara-negara jiran yang lain, setakat ini berapakah jumlah kasar nilai pelaburan daripada negara itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, iaitu semenjak tahun 1980 sehingga bulan September 1998 MITI telah meluluskan sebanyak tujuh projek perkilangan bernilai RM3.4 juta yang melibatkan pelaburan dari negara Brunei Darussalam. Pelaburan ini disalurkan kepada empat industri iaitu barang-barang bukan logam sebanyak RM2,684,700, barangan kayu sebanyak RM330,500, barang-barang getah sebanyak M250,000 dan barang-barang logam dibentuk sebanyak RM175,000.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soalan-soalan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 55 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahwa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.' *[15 Disember 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab.

11.10 pagi

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong dan Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu di atas maklum balas positif beliau yang berpuas hati dengan pembinaan rumah kos rendah tiga bilik seperti yang dilaksanakan pada masa ini. Dengan pelaksanaan begini, diharap rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah akan terus menikmati kehidupan dengan lebih selesa dan aman.

Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, suka dinyatakan bahawa kerajaan telah menetapkan agar peratus

rumah kos rendah ialah 30% dan rumah kos sederhana sebanyak 20% bagi satu-satu pembangunan.

Berhubung dengan masalah perparitan di kampung tradisi, kerajaan sedar bahawa usaha untuk mempertingkatkan sistem perparitan di seluruh negara memerlukan perbelanjaan yang besar dan tidak mampu untuk dilakukan secara serentak. Oleh itu kerajaan telah memastikan usaha ini dapat dibuat secara beransur. Mulai tahun 1995, kerajaan telah menyediakan peruntukan khusus bagi membersihkan parit-parit di kawasan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Bermula dari tahun 1997, kerajaan telah mewujudkan program bagi menaik taraf dan menyelenggarakan sistem-sistem perparitan di seluruh negara. Usaha ini telah menampakkan hasil yang positif di mana pada masa ini, kejadian-kejadian banjir kilat di kawasan pihak berkuasa tempatan yang disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak sempurna telah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan masalah kilang-kilang haram di kawasan pihak berkuasa tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, kelulusan tapak kilang bukan diproses oleh pihak berkuasa tempatan, tetapi oleh pihak berkuasa negeri. Proses ini perlu memakan masa kerana pihak berkuasa kena memastikan pembangunan kilang tidak membawa kesan buruk seperti pencemaran dan kacau ganggu kepada penduduk sekitarnya.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Senator Tuan N. Marimuthu, supaya pembinaan rumah kos rendah ditambah sebanyak 27,000 unit pada tahun 1999, kerajaan akan berusaha untuk memastikan pembinaan rumah kos rendah mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Untuk memastikan kejayaannya, kementerian ini berkerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia untuk memastikan pemaju-pemaju dan pembeli-pembeli mendapatkan kemudahan pinjaman untuk membina dan memiliki rumah.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah membangkitkan soal penyelenggaraan kondominium. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedang dalam peringkat.....

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu bangun.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menjawab soalan Belanjawan saya, khususnya berhampiran bandar raya dan lain-lain tempat, terdapat berapa buah kampung tersusun yang tidak mempunyai kemudahan jalan dan parit setelah kampung itu diwujudkan selama 30 tahun dahulu. Sehubungan dengan perkara itu, walaupun telah dimaklumkan kepada majlis tempatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mereka sentiasa memberi jawapan yang tidak membawa sebarang penyelesaian. Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bagaimanakah menyelesaikan masalah ini, kementerian manakah yang bertanggungjawab memberi peruntukan kampung tersusun ini?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya ada jawapan tetapi Yang Berhormat kurang sabar. *[Ketawa]* Minta Yang Berhormat tunggu sekejap.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, telah membangkitkan soal penyelenggaraan kondominium. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedang dalam peringkat menggubal undang-undang berkenaan dengan kerjasama Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Berhubung dengan masalah hak milik strata, ia di bawah kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sungguhpun demikian, kementerian ini ada juga menerima aduan dan pembeli-pembeli telah dinasihatkan merujuk kepada pihak Pejabat Tanah dan Galian ataupun mengadakan mesyuarat dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Bagi membantu pembeli yang terlibat dengan projek perumahan terbengkalai, kementerian ini akan mengenal pasti punca sebenar sesuatu projek itu iaitu sama ada disebabkan oleh masalah kewangan, teknikal ataupun lain-lain. Setelah punca utamanya dikenal pasti, kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pihak pemaju, kontraktor, wakil pembeli, mahupun agensi-agensi terlibat seperti bank pembiayaan ataupun pihak berkuasa tempatan untuk mengambil langkah-langkah sesuai bagi pemulihan projek-projek berkenaan.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong supaya tempoh Kempen Membeli Rumah dilanjutkan dari satu kepada enam bulan, saya suka menyatakan, [*Melihat tempat duduk Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong*] Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong tidak ada, saya suka menyatakan kempen ini adalah untuk menggalakkan pembelian rumah dengan segera serta bagi mengatasi masalah holding cost yang dihadapi oleh pemaju di samping pembeli mendapat harga semasa dengan diskaun.

Semasa kempen ini juga, Kerajaan Persekutuan memberi galakan seperti pengecualian cukai setem sementara pengecualian cukai lain terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk menimbanginya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukan kerajaan untuk pembinaan rumah pekerja-pekerja ladang, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator N. Marimuthu serta Yang Berhormat Puan Sri Sarasa, kementerian ini bersama Kementerian Sumber Manusia akan memberi perhatian yang serius untuk membantu agar program ini dapat berjalan dengan lancar dan menepati sasarannya.

Mengenai masalah kampung tersusun, sukacita dimaklumkan sekiranya kampung-kampung berkenaan terletak di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memberi peruntukan, saya ulangi akan memberi peruntukan kepada kampung tersusun ini sebagaimana yang diberi kepada kampung-kampung baru. Peruntukan kementerian adalah untuk projek-projek kecil pembangunan seperti projek-projek membina jalan, parit dan kemudahan asas yang lain dan hanya tertakluk kepada permohonan daripada pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba telah menyentuh mengenai perancangan kementerian dalam menanam pokok-pokok besar di tepi jalan. Suka diingatkan dalam melaksanakan projek tanaman di tepi jalan, beberapa faktor keselamatan telah diambil kira bagi memastikan pokok-pokok yang ditanam mengikuti spesifikasi yang telah ditetapkan seperti mana terkandung dalam buku Garis Panduan Landskap Negara dan di dalam risalah Landscaping the Nation, dengan izin. Di samping itu pemeriksaan ke atas pokok-pokok dilaksanakan mengikut jadual dan program yang telah disediakan, terutama untuk kerja-kerja cantasan dahan dan akar pokok.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan yang dapat diberi dan kalau ada apa-apa soalan tidak dijawab oleh kementerian, kita akan meneliti dan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta penjelasan sedikit berkenaan dengan cukai-stamp duty, dengan izin, adakah stamp duty agreement ataupun stamp duty pindah milik? Bermakna 1% itu kena bayar dan adakah pengecualian ini terpaksa mendapat kebenaran dan persetujuan oleh Parlimen. Saya tidak berapa terang ini, kalau misalannya 1% tadi, kalau banglo RM300 ribu banyak yang dikecualikan, jadi saya hendak pastikan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Sabtu yang lalu, semua jenis cukai setem bukan sahaja untuk S&P tetapi segala apa seperti pindah milik dan yang lain dikecualikan di bawah arahan Kabinet dan dilaksanakan oleh semua pihak yang berkaitan, semua jenis cukai setem. Terima kasih.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Saya ingin mendapat penjelasan daripada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya ialah mengenai perparitan yang disebut tadi dan juga mengenai kuasa-kuasa yang diberi kepada majlis tempatan. Penjelasan yang saya ingin dapat ialah apakah kerjasama di antara pihak negeri dan pihak Kerajaan Persekutuan itu dapat dilaksanakan dengan baik. Dan yang keduanya

saya ingin penjelasan tentang kempen jualan rumah, apakah syarat-syarat penjualan rumah ini dikecualikan termasuk juga 30% yang merupakan syarat untuk diperuntukkan kepada bumiputera juga diketepikan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan iaitu mengenai kualiti perparitan sama ada kerjasama wujud di antara Kerajaan Pusat dengan pihak berkuasa tempatan. Tanggungjawab secara langsung ini adalah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan dan yang dikelolakan oleh kerajaan negeri. Kerajaan Pusat hanya dapat memberi garis panduan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di seluruh negara. Jadi kalau ada kompelin di mana-mana sahaja kita hanya dapat menyalurkan kompelin berkenaan dan yang bertanggungjawab ialah masih terus kepada pihak berkuasa tempatan.

Mengenai jualan rumah 30% bumiputera masih dikekalkan cuma di mana didapati rumah-rumah yang telah dibina begitu lama yang stocknya tidak dapat dibeli oleh bumiputera maka ini bergantung kepada kerajaan negeri. Pihak pemaju boleh membuat permohonan kepada kerajaan negeri untuk melepaskannya dan terpulanglah kepada pihak kerajaan negeri membuat keputusan itu. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya dulu, untuk mengekalkan kuota bumiputera itu yang menjadi masalah bumiputera telah membeli rumah atau kedai tetapi tidak dapat meneruskan bayaran bulanan dan kemudian bagi pihak court ambil tindakan dilelong. Bila mana dilelong sepatutnya saya kata kekalkan bumiputera, bukan bumiputera tidak boleh ambil melalui lelongan itu, mesti cari bumiputera juga yang mengambil. Ini bila buka, bukan bumiputera masuk tender, dia dapat. Jadi kuota bumiputera habis. Satu lagi adakah kementerian tahu bahawa ada setengah-setengah pemaju tempat yang strategi kalau bangunan kedai, bila kita tanya sudah habis untuk bumiputera, lepas itu bila sampai masa dia minta kebenaran kerajaan negeri melepaskan kuota itu, boleh dijual pada bukan bumiputera. Ini pernah berlaku dan pernah saya terjumpa koperasi saya sendiri hendak beli tidak dapat. Tetapi lepas itu dia jual dengan

orang lain bukan bumiputera – tidak ada kekal sepenuhnya kuota bumiputera 30%, bagaimana pandangan?

Dato Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dari segi untuk penjualan secara lelong setelah pembeli bumiputera itu tidak dapat bayar, sekali lagi saya ulangi ini tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kalau ada laporan dan kalau ada benda-benda ini berlaku dirujukkan perkara ini kepada kerajaan negeri, terpulang kepada kerajaan negeri untuk meluluskan atau tidak. Ini bidang kuasa tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri.

Mengenai penjualan tempat-tempat strategik khasnya kedai-kedai dan sebagainya, kalau ada kes-kes tertentu boleh Yang Berhormat atau sesiapa sahaja dalam masyarakat kita boleh buat pengaduan terus kepada kementerian ataupun kepada pihak berkuasa negeri. Di peringkat Persekutuan kita mengambil tindakan-tindakan menyiasat dan mengarahkan ataupun meminta kerjasama kerajaan negeri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Tetapi kalau tidak ada aduan dan tidak ada kes spesifik, ini susah untuk diberi jawapan yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

11.25pagi.

Menteri Pertahanan [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1999 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan.

Ucapan Yang Berhormat Tuan Mustapa Kamal bin Mohd. Nawi dan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong telah menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat di atas masalah keselamatan dan pertahanan negara. Pihak

kementerian sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan sedia mendengar segala bentuk teguran dan kritikan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi meningkatkan keupayaan dan menaikkan imej Angkatan Tentera Malaysia secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai penyerahan kapal frigate yang dibina di United Kingdom kepada TLDM, ingin saya jelaskan bahawa kedua-dua kapal frigate yang akan diterima adalah dalam keadaan baru dan penerimaannya dirancang pada 31 Mei 1999, manakala pentauliahannya akan dilaksanakan dalam minggu pertama bulan Jun 1999. Kapal ini pula dirancang untuk dibawa balik ke Malaysia pada akhir Julai 1999 dan dijangka tiba pada pertengahan September 1999.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Ahli Yang Berhormat tentang peralatan tidak berfungsi di bengkel PAC MBSB Lumut, secara umumnya hanya jumlah kecil sahaja peralatan-peralatan yang tidak berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan PAC MBSB sentiasa diperingatkan dari masa ke semasa untuk meningkatkan kualiti pembaikan dan senggaraan termasuk mengoptimumkan penggunaan peralatan-peralatan bengkel supaya ianya dapat dimanfaatkan oleh pihak TLDM sama ada semasa aman ataupun di dalam keadaan darurat ataupun apa sekali keadaan yang diperlukan.

Mengenai pencerobohan lanun-lanun yang dibangkitkan oleh Tuan Yim Chee Chong, pihak Kementerian Pertahanan, khususnya TLDM akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi maritim kerajaan yang lain bagi membanteras aktiviti-aktiviti perlanunan di perairan negara. Melalui perjanjian kerjasama antara TLDM dengan angkatan-angkatan laut negara jiran, TLDM juga telah dapat melaksanakan rondaan bersama di sempadan perairan negara berkenaan. Pendekatan ini telah dapat sekurang-kurangnya mengurangkan aktiviti-aktiviti perlanunan dan dapat menjamin keselamatan aktiviti ekonomi di laut.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan di atas isu-isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Sekiranya masih ada isu-isu yang tidak sempat disentuh oleh saya, pihak saya dan Kementerian Pertahanan akan mengambil maklum dan tindakan selanjutnya akan diambil. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Izinkan saya untuk minta penjelasan kepada sahabat Menteri saya, pertama saya ucapkan terima kasih kerana dapat bertemu dengan beliau sebab terlalu sibuk dan walau bagaimanapun dapat juga datang untuk menjawab pertanyaan dan kegelisahan kami.

Adakah cadangan pihak kerajaan untuk meneliti kembali elaun-elaun dan gaji-gaji angkatan tentera yang saya rasa telah lama tidak di'review'kan dan saya sedih sebab pada suatu hari saya naik teksi dan pemandunya adalah seorang sarjan yang bekerja dengan angkatan tentera. Oleh itu saya bertanya, kenapa you bawa kereta? Dia kata, tidak berapa cukup untuk memberi perbelanjaan kepada keluarga. Oleh itu saya merayu kepada pihak Menteri untuk me'review'kan elaun dan gaji-gaji angkatan tentera kita yang sangat setia dan mempertahankan negara yang tercinta ini. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki di atas soalan yang dikemukakan, yang menunjukkan semangat sayang dan kasih kepada angkatan tentera Malaysia dan saya percaya warga tentera akan sentiasa memandangi tinggi dan menghormati pandangan Yang Berhormat. Kerajaan dari masa ke semasa akan mengambil tindakan untuk menyemak gaji supaya ia bersesuaian dengan keadaan semasa dan ini adalah sejajar juga dengan apa yang telah dilakukan di peringkat perkhidmatan awam oleh kerana kita tentukan apa juga kajian yang dilaksanakan dan juga pendapat yang akhirnya kita perolehi ianya mestilah secara keseluruhan dapat melahirkan keadaan yang memberikan keselesaan yang lebih kepada angkatan tentera kita

Jadi saya tahu memang walaupun gaji cukup, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala mereka di sebelah malam memang mencari extra incom, dengan izin, untuk menambah pendapatan mereka dan dengan itu dapat memberikan keselesaan yang lebih kepada keluarga mereka walaupun tidak digalakkan dan mengikut peraturan angkatan tentera memang salah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri walaupun ini bukanlah pertama kali, memang Yang Berhormat selalu datang. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sejak Yang Berhormat jadi Menteri Pertahanan, saya dapati ada iklan untuk ketenteraan di billboard, di persimpangan jalan yang sibuk. Saya percaya ini adalah salah satu daripada usaha untuk menarik lebih ramai pemuda kita untuk memasuki bidang ketenteraan.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, setakat ini apakah usaha-usaha untuk menarik mereka, pemuda yang berkaliber untuk memasuki tentera dan juga apakah pula usaha-usaha pihak kementerian untuk memastikan bila mereka berhenti dari perkhidmatan ketenteraan mereka mendapat peluang-peluang untuk perniagaan dan peluang-peluang lain yang boleh memberikan pendapatan dan kemahiran yang lebih baik. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim di atas soalan yang dikemukakan dan iklan kita adalah bertujuan untuk menarik minat golongan muda bahawa angkatan tentera membuka peluang seluas-luasnya bukan sahaja di dalam bidang yang melibatkan ketenteraan tetapi untuk meningkatkan kemampuan dan kemahiran mereka dalam bidang-bidang khusus. Jadi angkatan tentera sebagai satu profesion yang attractive, yang patut disertai bukan sebagai semangat patriotisme semata-mata tetapi untuk menyumbangkan di dalam pembangunan negara kita. Oleh itu banyak perkara yang boleh kita lakukan melalui sekolah, askar wataniah dan persatuan-persatuan belia.

Dengan begini kita berharap mereka akan melihat angkatan tentera bukan sahaja untuk mengangkat senapang atau mengangkat senjata atau menggunakan senjata-senjata yang termoden tetapi ia adalah satu bidang yang membolehkan kita untuk menambahkan ilmu khususnya di dalam zaman sekarang, di dunia IT dan di dalam dunia cyber ini, angkatan tentera adalah satu-satunya bidang profesion yang akan membolehkan kita terdedah di dalam bidang peperangan dan cara taktik dan strategi yang terbaru. Alhamdulillah

setakat ini saya fikir banyak golongan muda berminat untuk memasuki walaupun tidak ke tahap yang kita kehendaki tetapi ia belum tiba ke tahap yang kritikal yang menyebabkan kita berasa kluatir ataupun bimbang di atas soal keselamatan dan kecukupan mereka yang berkhidmat di dalam angkatan tentera dan kaliber yang kita dapat menarik pada masa ini kalau dibandingkan pada masa lalu adalah kaliber yang lebih tinggi dan kalau di peringkat leftenan kolonel, misalnya, boleh dikatakan kebanyakan mereka mempunyai peluang untuk membuat Sarjana dan semua pegawai yang menjadi panglima sekurang-kurangnya mereka mempunyai Sarjana ataupun yang paling buruk sekali ialah Sarjana Muda di dalam bidang-bidang yang mereka terlibat. Oleh itu saya percaya bahawa kita tidak akan menutup peluang untuk mereka yang mempunyai kelayakan yang mencukupi.

Berkenaan mereka yang telah berhenti saya dapati bahawa mereka yang berhenti ini menjadi satu sumbangan angkatan tentera kepada aset sumber tenaga manusia negara kerana kebanyakan mereka mempunyai pengetahuan dalam bidang pengkhususan misalnya di dalam bidang komunikasi dalam bidang IT, perkapalan dan kebanyakan mereka terlibat di bidang yang memberikan gaji ataupun ganjaran yang lumayan dan mereka sentiasa mempunyai peluang dan melibatkan diri dalam kontrak-kontrak yang ditenderkan oleh Kementerian Pertahanan. Jadi ada perhubungan itu secara berterusan, Tuan Yang di-Pertua.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih, sebenarnya saya ada membawa beberapa pertanyaan dahulu tetapi malangnya menteri berkenaan tidak hadir. Hari ini kita ucapkan syabaslah, dia datang sebab Dewan Negara sudah rindu kepadanya untuk mendengar jawapan. Dahulu saya ada persoalkan bagaimana pengawalan pencerobohan pesawat-pesawat asing ke negara kita terutama negara-negara jiran. Selain daripada itu sebagai mana sahabat saya tadi Yang Berhormat Senator Puan Kamilia nyatakan, bagaimana hendak menggalakkan belia-belia ini supaya berminat dalam lapangan ketenteraan. Saya dapat tahu sekarang ini hendak cari, susah juga,

golongan belia ini tidak mahu, dia lebih suka pergi kilang, apatah lagi bukan bumi pun kurang sangat berminat. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya menjadi persoalan Menteri Pertahanan tidak hadir, saya minta maaf banyak-banyak bagi pihak kementerian dan diri saya kerana selalunya macam semalam, saya fikir ada salah seorang Yang Berhormat Senator Tuan Rosli telah membangkitkan ketidakhadiran. Kalau menterinya tidak ada, kita di dalam Kementerian Pertahanan banyak program ketenteraan pada sebelah pagi sebab itu menjadi satu masalah. Walau bagaimanapun, saya tidak mahu memberikan alasan, saya ingin memohon maaf di atas ketidakhadiran dan tidak dapat menjawab soalan secara terus.

Berkenaan soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid tadi, berkenaan pencerobohan. Pencerobohan ini kadangkala kita punya orang yang hendak mengetahui, dia banyak meminta kepada maklumat terperinci. Ada masanya kita tidak mahu beri maklumat yang terperinci kerana ia kompromi soal pertahanan dan bagaimana kita mengumpul maklumat tersebut. Tetapi percayalah bahawa maklumat-maklumat yang kita ada mengenai pencerobohan itu adalah maklumat-maklumat yang kita cukup pasti kesahihannya sebelum kita mengambil tindakan. Ada beberapa pilihan untuk kita mengambil tindakan terhadap pencerobohan ini.

Pertamanya, kita boleh menghantar aset-aset untuk membanteras pencerobohan.

Keduanya kita membuat protes melalui saluran diplomatik. Kita memilih saluran yang tidak boleh mengancam keselamatan secara keseluruhan dan dari masa ke semasa kita akan menggunakan aset kita. Ini kita berharap akan menghantarkan mesej bukan untuk kita bertembung tetapi menghantarkan satu mesej bahawa ruang udara kita, kawasan keselamatan kita sentiasa diawasi oleh pasukan tentera kita.

Jadi dengan itu kita memerlukan kerjasama dan kefahaman, kadangkala jawapan kita mungkin tidak nampak jelas tetapi dia mempunyai tujuan-tujuan

tertentu dan kalau kita boleh memberikan jawapan yang terbuka, insya-Allah kita akan berbuat demikian. Jadi pencerobohan ini semenjak kita mengadakan kawalan kelihatan berkurangan oleh kerana negara jiran kita ini terlampau dekat dengan kita kadangkala mengikut dia, dia kata tersilap tetapi kita tidak hendak berperang dengan sesiapa kerana damai dan keamanan adalah cara negara-negara ASEAN. Kita selalu berbincang untuk mengatasi masalah. Jadi saya harap saya menjawab soalan berkenaan pencerobohan tersebut.

Berkenaan belia ini sebagaimana saya mengatakan bahawa di dalam keadaan ekonomi baik, orang akan membuat pilihan tidak memasuki tentera. Di dalam keadaan ekonomi kurang baik lebih mudah untuk kita mendapat kumpulan belia untuk memasuki angkatan tentera kerana angkatan tentera misalnya, dia masuk daripada private jadi seorang askar biasa, dia mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran dan akhirnya ke peringkat universiti dan menjadi seorang pegawai. Jadi peluang-peluang itu yang perlu kita dedahkan di peringkat sekolah, peringkat persatuan-persatuan belia.

Saya bernasib baik oleh kerana saya juga memegang jawatan di dalam persatuan belia jadi membolehkan saya untuk merapatkan diri dengan persatuan belia untuk menggalakkan mereka masuk dalam angkatan tentera.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman minta laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta laluan. Saya pun terperanjat juga bila Menteri Pertahanan mengatakan dia masih lagi belia. Jadi bagaimana dia boleh terlibat dalam belia? Saya hendak tahu had belia macam mana sekarang ini kerana dia Menteri Pertahanan, bagaimana pula masuk belia, saya tidak faham.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman saya pun tahu dia terlibat dalam persatuan belia kerana kita adalah di dalam persatuan belia Malaysian Association of Youth Club, kelab itu memanglah daripada orang-orang muda berumur 40 tahun ke bawah dalam peruntukan Perlembagaan, saya

hanya memberikan pimpinan untuk persatuan-persatuan yang bergabung dengan kita supaya yang muda tahu akhirnya mereka akan menjadi tua dan yang tua juga akan menyampaikan ilmu kepada muda.

Jadi dengan itu kedua-duanya dapat lengkap melengkapi. Kalau semua muda susah juga kita. Dengan keadaan itu, buat masa ini belum tiba ke tahap yang kita kehendaki tetapi belum tiba ke tahap kritikal yang boleh merunsingkan kita sehingga boleh menjejaskan pengambilan secara keseluruhan. Saya berharap saya telah menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya merasai terpanggil untuk mendapat sedikit penjelasan daripada pihak Menteri. Adakah pihak Kementerian Pertahanan pernah memberi peluang ataupun memberi sesuatu insentif kepada pihak tentera untuk memiliki rumah-rumah sama ada kos rendah ataupun kos sederhana kerana kita selalu memahami bahawa mereka sentiasa diarah dari satu tempat ke satu tempat sebelum mereka pencen sama ada option ataupun pencen cukup umur, sekurang-kurangnya mereka dapat memiliki rumah di tempat asal mereka.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya ucapkan terima kasih kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah berkenaan insentif. Selalunya tentera di dalam keadaan sekarang, oleh kerana kerajaan memberikan tumpuan untuk menentukan keselesaan mereka, kita menyediakan di kem-kem, base, persediaan rumah yang cukup selesa. Kalau dahulu di kem-kem di zaman penjajah dan selepasnya kurang selesa. Sekarang, sekurang-kurangnya untuk askar biasa, rumahnya kita berikan minimum 750 kaki persegi. Tetapi sekarang kebanyakan rumah-rumah, walaupun minimumnya 750 kaki persegi, selalunya 950 kaki persegi dan mempunyai tiga bilik.

Jadi keselesaan semasa dia hidup, sama ada bila mereka berhenti kemudiannya mereka akan mempunyai peluang, selalunya yang kita ketahui adalah di peringkat negeri, kerajaan-kerajaan negeri memberikan peluang untuk

angkatan tentera melibatkan diri sama ada untuk rumah kos rendah ataupun di tanah-tanah rancangan. Misalnya di FELDA, ramai adalah daripada bekas-bekas tentera dan bekas-bekas polis.

Kalau projek-projek yang dikendalikan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) misalnya, atau Bousted anak syarikat kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera, selalunya kita akan reserved atau berikan keutamaan untuk angkatan tentera sebelum kita buka untuk pihak luar.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, sebab tadi saya tidak berkesempatan hendak mendengar cerita lebih panjang daripada Menteri, terlanjur Menteri ada bersama kita ini. Saya tertarik hati dengan statement daripada Perdana Menteri kita baru-baru ini berkenaan dengan budaya penyelenggaraan (maintenance). Saya hendak tahu, daripada belanjawan kementerian terutamanya saya tidak nampak dari segi detail, berapa banyakkah belanjawan yang diperuntukan kepada Menteri yang kita khususkan kepada penyelenggaraan kapal terbang di negara kita ini kerana saya perhatikan lepas satu-satu jatuh.

Jadi cerita jatuh kapal terbang ini, tidak tahulah adakah ianya bersangkutan-paut dari segi pilot error ataupun dari segi technical error, technical default, sebabnya kalau diikutkan sejarah tentera udara kita ini sudah banyak kapal terbang yang jatuh, saya tidak tahu berapa, setakat ini memang banyak dan saya hendak tahu berapakah peruntukan untuk menyelenggarakannya dan apakah spare-parts ini original ataupun cannibalize, dengan izin, ataupun dibentuk oleh kita sendiri di Malaysia ini.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, saya memerlukan satu lagi penggulangan yang amat lebar dan panjang. Walau bagaimanapun saya akan cuba untuk merangkumkan dalam bentuk yang sependek mungkin supaya saya tidak menggunakan banyak masa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Kalau kita lihat banyak orang bercakap berkenaan dengan angkatan tentera tetapi saya menganggap setelah terlibat di dalam angkatan tentera

selaku Menteri Pertahanan selama beberapa tahun ini, bahawa angkatan tenteralah mempunyai budaya penyelenggaraan yang terbaik dan kita mempunyai 'aset-aset' yang dijalankan dan diusahakan oleh angkatan tentera ada yang berumur 54 tahun, 'and yet it is going' dengan izin, masih lagi digunakan dan dengan cara berkesan. Misalnya kapal LST kita, 54 tahun dan pihak negara asing pun hairan bagaimana kita boleh menjalankan kapal dengan keadaan penyelenggaraan yang baik.

Begitu juga dengan kapal terbang kita misalnya, yang digunakan oleh Navy, helikopter kita 40 tahun, dia punya manufacturer pun sudah tidak ada tetapi kita masih gunakan lagi dan ini juga diberikan tahniah oleh orang-orang luar yang melihat kita menggunakannya. Enuworth 30 tahun lebih, Nuri 20 tahun lebih, kita ada lagi Caribou yang manufacturer pun sudah tidak ada. Jadi budaya penyelenggaraan itu baik tetapi kalau tanya dengan saya, ingatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu ingatan supaya ia menjadi budaya penyelenggaraan ini dijadikan 'pakaian' biasa untuk keseluruhan di peringkat badan-badan kerajaan yang lain dan juga di peringkat swasta. Dengan itu ingatannya adalah kena dan tepat pada tempat dan tidak terjurus kepada angkatan tentera. Kalau tanya saya, saya lebih suka kalau boleh kerana kita hendak mengamalkannya sebagai budaya, peruntukan yang diberikan kepadanya juga mestilah membolehkan untuk penyelenggaraan berkesan dilaksanakan.

Berkenaan dengan kapal terbang yang jatuh, saya suka membetulkan sedikit, kalau kita lihat memang dari masa ke semasa ada jatuh dan saya tidak mahu memberi alasan bahawa jatuh itu tidak apa ataupun saya mengatakan jatuh itu takdir walaupun saya percaya kepada takdir. Tetapi yang pentingnya ialah kalau kita lihat rekod kita adalah salah satu rekod yang baik kalau dibandingkan dengan negara lain.

Baru-baru ini Hawk jatuh dekat Kuantan, ia jatuh itu pun oleh kerana dalam lingkungan latihannya yang terakhir. Apabila dia telah buat dua kali untuk mendapatkan kelayakannya, dia tidak berpuas hati bahawa dia tidak tiba dan mengena kepada sasaran maka dia memohon izin untuk kena kepada

sasaran bagi kali yang ketiga. Setelah komandernya memberikan persetujuan di atas permintaannya, accident itu berlaku kerana 'what we called as fixation' kerana bila jet pejuang hendak 'hentam' targetnya, dia akan terbalik dan bila dia terbalik dia lihat ke bawah, kadangkala kita memberikan penumpuan yang terlampau sehingga kita terlupa bahawa kita mungkin sudah tiba ke paras yang tidak patut berada di situ dan terlambat untuk pusing balik naik sehingga ia boleh menyelamatkan. Jadi ada human error, ada technical error, di mana ia menyebabkan kerana penyelenggaraan lebih mudah untuk kita mengatasi.

Jadi saya mengucapkan terima kasih di atas soalan-soalan yang dikemukakan kerana ini menunjukkan bahawa saya patut selalu berada di sini. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak mahu beri Menteri balik. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya sebenarnya bangun sebelum Yang Berhormat Menteri habis bercakap. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak minta laluan, tadi saya mendengar Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa kita telah pun menjalankan penyelenggaraan yang terbaik sehingga ada sesetengah syarikat yang membekalkan barang-barang ganti itu pun sudah tidak ada lagi.

Dalam keadaan yang lain saya melihatkan ada satu kebimbangan, adakah angkatan tentera kita ini mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang cukup dan adakah kita mempunyai kewangan yang diperuntukkan cukup bagi angkatan tentera dalam kita mempertahankan negara kita. Soalan saya, saya dengar cerita Angkatan Tentera Laut kita tidak mempunyai kapal selam, saya tidak tahulah sama ada benar ataupun tidak. Ada atau tidak kita mempunyai kapal selam? Dalam kita berhadapan dengan keadaan dunia globalisasi yang begini hebat dan kadang-kadang pihak luar melihat Malaysia ini bukan sebagai negara Malaysia yang biasa tetapi telah pun jadi special target.

Jadi dalam keadaan itu, dari segi keselamatan negara juga perlu kita beri perhatian. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat benarkah kita tidak ada kapal selam. Baru-baru ini bila Al Gore ada di sini, kita mendengar berita bahawa kapal selam daripada Amerika datang menghampiri negara kita. Adakah ini juga perkara yang benar dan kalau kapal selam dari negara luar datang, kalau benarlah kita tidak ada kapal selam

agaknye memang kita tidak dapat kesan pun sama ada dia ada ataupun tidak berhampiran dengan negara kita.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih di atas soalan-soalan ketenteraan Yang Berhormat kemukakan. Saya tengok kefahaman di atas angkatan tentera amat mendalam di kalangan Yang Berhormat. Jadi, susah saya sebagai Menteri. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, berkenaan kelengkapan, kalau bertanya kepada pihak angkatan tentera, memanglah kita mahu sentiasa meningkatkan kemampuan dan keupayaan kita. Oleh kerana kita sudah beralih kepada era yang berasaskan kepada peperangan, counter insurgency kepada peperangan yang memerlukan satu pasukan ketenteraan yang berasaskan satu pasukan (force) atau a balance conventional force, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan kelengkapan yang mencukupi sama ada di bidang udara, laut ataupun darat.

Walaupun kita sudah memulakan pemodenan kita di bidang Tentera Udara, ianya dengan sendiri tidak dapat menjadi satu kekuatan yang boleh mempertahankan negara melainkan ia mempunyai sokongan daripada Tentera Laut dan juga Tentera Darat. Jadi, kita sekarang berharap bahawa kerajaan mengikut kemampuan dan kebolehan akan dapat memberikan peruntukan yang mencukupi bagi kita memajukan angkatan tentera kita. Ini juga perlu bahawa rakyat kita perlukan kepada kefahaman, kepada keprihatinan terhadap pembangunan angkatan tentera, pasal perbelanjaan kita besar. Kadangkala ada orang kompelin berkenaan dengan mengapa kita hendak bina patrol vessel misalnya dengan perbelanjaan yang begitu besar. Tetapi kalau kita tidak bina patrol vessel dengan kapal-kapal kita yang sudah usang dan lama dan kos untuk menyelenggarakan jadi lebih tinggi. Jadi, kita perlu kepada pemodenan yang secara berterusan.

Jadi, saya berharap apabila keadaan ekonomi kita lebih baik, kita dapat melaksanakan apa yang dapat menentukan pertahanan negara di dalam keadaan selamat. Alhamdulillah, kawasan kita ini tidak terjejas keselamatannya. Oleh itu, kedudukan kita terjamin, ia tidak menjadi sesuatu perkara yang menakutkan.

Mengenai kapal selam, Malaysia adalah salah sebuah negara maritim. Sebagai salah sebuah negara maritim, keperluan kapal selam tidak boleh dinafikan. Mengenai kapal selam kalau mengikut orang tentera beritahu saya, kebbaikannya ialah satu kapal selam dianggap sebagai mempunyai kemampuan tujuh kapal surface. Kerja-kerja pengintipan dan pergerakannya susah untuk dikesan. Jadi, kalau ada orang asing bergerak dalam kawasan kita menggunakan kapal selam memang susah untuk dikesan. Lebih-lebih lagi dengan keadaan kapal selam moden ini yang sunyi dan mempunyai peralatan dan kemampuan yang jauh lebih kuat daripada kapal-kapal surface ship, dengan izin, kalau tanya saya, memang saya katakan ianya kita memerlukan, tetapi buat masa ini kedudukan kewangan kita tidak mengizinkan. Kita kena mengambil satu tindakan yang praktikal dan pragmatik mengikut kemampuan dan kebolehan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya sudah menjawab soalan itu. Hanya saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bagi tahun 1998 misalnya, peruntukan penyelenggaraan yang telah diberikan ialah sebanyak RM284 juta. Berkenaan Al Gore saya fikir episod Al Gore tidak perlu kita kaitkan dengan kapal selam. Yang kita perlu faham ialah dia seorang manusia yang tidak mempunyai peradaban yang boleh kita pandang ataupun kita hormati. Oleh itu, kita tidak perlu bercakap berkenaan Al Gore, kita perlu mengatakan bahawa kalau orang datang ke rumah kita, dia mesti tahu adab, budaya dan adat sesuatu tempat. Orang yang tidak tahu adat ini biar kita senyapkan sahajalah, bahkan kapal selam dia pun tidak mendatangkan kemudatan buat masa ini kepada kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menjawab.

11.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan isu-isu pembangunan yang terletak di

bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1999. Segala komen dan ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan betapa prihatinnya komitmen serta sokongan padu Ahli-ahli Yang Berhormat bersama kementerian bagi menjayakan pembangunan kawasan luar bandar selaras dengan falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar .

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini isu-isu mengenai pembangunan dan pendirian infrastruktur luar bandar, program pembasmian kemiskinan, industri luar bandar, rancangan pembangunan tanah, program-program KEMAS telah menarik minat seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Senator Gapar bin Gurrohu, Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang dan Yang Berhormat Senator Datuk Christina Lorline Tibok Vanhouten membangkitkan berkenaan dengan masalah infrastruktur di luar bandar dan meminta supaya kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya. Kerajaan sememangnya sedar dan memberi sepenuh perhatian serta keutamaan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti dan mencukupi di kawasan luar bandar. Kerajaan juga tetap mempertahankan dan bersedia menambah peruntukan bagi keperluan penyediaan kemudahan asas di luar bandar.

Misalnya peruntukan untuk jalan luar bandar ditambah dari RM135 juta pada tahun 1998 kepada RM250 juta pada tahun 1999. Begitu juga projek jalan kampung ditambah daripada RM185 juta pada tahun 1998 kepada RM250 juta pada tahun 1999. Kementerian Pembangunan Luar Bandar bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan infrastruktur seperti menaik taraf jalan kampung, jalan luar bandar, bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik. Di dalam melaksanakan kemudahan tersebut, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mempunyai perancangan dan menetap sasaran pelaksanaan berdasarkan keutamaan, keperluan semasa dan juga jumlah peruntukan yang diluluskan. Dalam usaha memperkemas dan mempercepatkan pelaksanaan projek

infrastruktur di luar bandar KPLB telah menyemak semula serta memperkemaskan semula kaedah-kaedah pelaksanaan projek-projek di samping mengadakan sistem pemantauan yang lebih komprehensif dan berterusan agar semua projek yang dilaksanakan diterima oleh golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan program pembasmian kemiskinan, Yang Berhormat Senator Datuk Christina Lorline Tibok Vanhouten dan Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang berharap supaya usaha-usaha pembasmian kemiskinan di Sabah dan Sarawak ditingkatkan dan golongan sasaran ini dapat dikurangkan. Sememangnya menjadi matlamat kerajaan untuk mengurangkan masalah kemiskinan terutama di kalangan golongan termiskin di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Di negeri Sarawak Kementerian Pembangunan Luar Bandar bersama-sama dengan kerajaan negeri telah merancang strategi dan program yang khusus dan bersesuaian untuk negeri Sarawak.

Di antara strategi-strategi tersebut ialah dengan menggunakan kaedah penguatkuasaan melalui program pembangunan masyarakat setempat secara lebih meluas lagi, di samping program-program pembangunan manusia dan ekonomi yang lain. Selain dari itu, kementerian juga telah mewujudkan mekanisme penyelarasan, perancangan dan pelaksanaan dengan kerajaan negeri untuk memberi tumpuan kepada kekesan program ini. Kementerian yakin kadar kemiskinan di negeri Sarawak akan turun dengan ketara dengan pesatnya pembangunan tanah ladang kelapa sawit kepada pihak swasta termasuk usaha membangun tanah adat (NCR) di kawasan luar bandar disokong oleh pembangunan pusat pertumbuhan desa di bawah program pembangunan kerajaan negeri.

Begitu juga untuk negeri Sabah, jentera pelaksanaan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri digunakan sepenuhnya supaya keberkesanan pelaksanaan dapat ditingkatkan dan seterusnya membantu mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah. Kerajaan Barisan Nasional memang berusaha membasmi kemiskinan. Contohnya dari 11,000 ketua isi rumah termiskin pada tahun 1996 sehingga kini 5,000 telah berjaya dikeluarkan dari senarai

PPRT negeri. Kita yakin dengan kerjasama semua pihak termasuk ketua isi rumah keluarga termiskin, ramai lagi dapat dikeluarkan dari senarai di atas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa meminta supaya Skim Amanah Ikhtiar Malaysia di bawah program pembasmian kemiskinan dilonggarkan....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Mastika minta laluan.

Datuk Douglas Uggah Embas: ...syaratnya dengan menerima penyertaan dari bekas peladang.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat memberi laluan kepada saya. Saya ingin merujuk kepada program PPRT. Satu ketika dahulu memang kita telah pun membuat pendaftaran PPRT, alhamdulillah hari ini kita lihat bahawa bilangan mereka yang ada dalam PPRT telah pun berkurangan. Tetapi dengan adanya kegawatan ekonomi, saya percaya angka ataupun mereka yang dahulu tidak tersenarai dalam PPRT, kemungkinan dalam keadaan sekarang ini telah ada mereka yang dari segi pendapatan per head yang ditentukan oleh pihak kementerian telah pun masuk dalam PPRT. Setahu saya daftar PPRT buat satu ketika telah pun diberhentikan. Jadi, adakah sekarang ini pihak kementerian bercadang untuk membuat kajian dan menyemak semula mereka yang belum lagi berdaftar di dalam PPRT yang baru sahaja terjerumus dalam keadaan kemiskinan sekarang ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kita sedar bahawa akibat dari kegawatan ekonomi ada kemungkinan keluarga yang dahulu tidak termasuk dalam senarai PPRT mungkin masuk. Bukan oleh kerana itu juga, kerana banyak juga aduan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga masyarakat bahawa senarai PPRT ini perlu dikaji dari masa ke semasa. Oleh sebab itu, kementerian telah mengamalkan dasar terbuka, iaitu pendaftaran terbuka untuk PPRT. Jadi, kalau ada didapati oleh Yang Berhormat bahawa akibat dari kegawatan ini ada

keluarga-keluarga di kampung-kampung Yang Berhormat sekiranya layak masuk dalam senarai PPRT kita minta nama-nama itu dimajukan. Begitu juga kalau ada yang tertinggal oleh kerana kita juga faham bahawa sistem kita kadang-kadang mempunyai kepincangan, maka kita juga menerima aduan-aduan dan kita dari masa ke semasa memang mengkaji senarai ini supaya akhirnya kita dapat menentukan bahawa target group PPRT ini dapat manfaat dari program kerajaan dan masalah kemiskinan ini dapat kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Skim Pinjaman Ikhtiar di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, ini adalah terbuka kepada semua golongan dengan syarat mereka yang ingin menyertai Skim Pinjaman Ikhtiar adalah dari golongan termiskin. Di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, golongan termiskin ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai pendapatan separuh daripada paras garis kemiskinan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan industri luar bandar, Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang meminta supaya dibangunkan cottage industry dalam bidang kraftangan. Dalam usaha untuk membangunkan industri di luar bandar bukan hanya untuk industri kraftangan, kementerian ada menyediakan skim bagi tujuan untuk membeli mesin dan peralatan dikenali sebagai Skim Pinjaman Mudah Mesin dan Peralatan. Di antara tujuan utama skim ini ialah yang pertama, menyediakan kemudahan mesin dan peralatan kepada pengusaha luar bandar bagi membantu meningkatkan pembangunan automasi dan produktiviti luar bandar. Kedua, menyediakan Skim Pinjaman Mudah dengan kadar bayaran balik yang rendah. Ketiga, menggalakkan pembangunan usahawan luar bandar yang berdaya maju dan mempunyai komitmen yang tinggi. Keempat, menggalakkan penglibatan industri luar bandar dalam bidang-bidang yang lebih berpotensi.

Skim yang dikendalikan oleh kementerian ini dan dilaksanakan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad menawarkan 70% daripada pembiayaan dalam bentuk pinjaman, sementara 30% lagi dalam bentuk geran yang akan dibiayai oleh kerajaan. Di bawah skim ini had pinjaman yang dibenarkan ialah di antara RM20,000 kepada RM250,000 dan boleh dipertingkatkan ke paras RM500,000. Skim ini menjadikan industri luar bandar sebagai sasaran utama dalam kriteria-kriteria berikut dijadikan sebagai asas pertimbangan permohonan.

- (i) permohonan tidak melebihi 55 tahun;
- (ii) pernah menghadiri kursus prakeusahawanan;
- (iii) pernah bekerja atau menghadiri latihan usahawan dalam bidang yang sama;
- (iv) pengusaha perlu membuat sumbangan dalam bentuk tanah dan kilang yang sempurna; dan
- (v) dimiliki 100% oleh bumiputera.

Bagi tahun 1998 peruntukan sebanyak RM10 juta peruntukan telah diluluskan di bawah skim ini. Setakat 10 Disember 1998 sebanyak RM8.5 juta telah ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera. Untuk tempoh sepanjang tahun 1999 kementerian telah mencadangkan sebanyak RM45 juta lagi diperuntukkan untuk ini. Oleh itu, pengusaha-pengusaha bumiputera yang berminat termasuklah pengusaha-pengusaha kraftangan daripada negeri Sarawak bolehlah memohon melalui Bank Pembangunan bagi mendapatkan pinjaman di bawah skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perancangan dan pembangunan tanah luar bandar, Yang Berhormat Senator Hajah Khadijah Haji Awang meminta supaya ditingkatkan produktiviti pertanian luar bandar untuk menampung kekurangan bekalan makanan dan mengurangkan import makanan. Selaras dengan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara seperti terkandung dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, satu daripada penekanan kementerian ialah untuk meningkatkan produktiviti pertanian melalui peningkatan daya pengeluaran komoditi utama dan pengeluaran bahan-bahan makanan. Bagi meningkatkan komoditi utama iaitu getah dan kelapa sawit, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara antara lain melalui program pengestetan iaitu dengan mengelompokkan kebun-kebun kecil individu dan menguruskan secara komersial dengan mengutamakan klon yang boleh memberikan hasil latex dan balak yang tinggi, ke arah mengurangkan tenaga buruh dan mempertingkatkan produktiviti.

KPLB akan terus mengurangkan tenaga buruh dengan memberikan penekanan penggunaan teknologi terkini seperti pelaksanaan sistem torehan kekerapan rendah dan penggunaan jentera dalam pungutan hasil buah kelapa sawit. Manakala bagi program peningkatan pengeluaran makanan pula kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya telah berusaha dengan aktiviti penternakan integrasi lembu di ladang-ladang kelapa sawit, pembangunan akuakultur dan pengeluaran telur ayam.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu Yang Berhormat Senator Mustaffa Kamal Mohd. Nawi juga menyentuh berkenaan tanah terbiar luar bandar yang tidak diusahakan. Berhubung dengan perkara tersebut, Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui FELCRA Berhad akan meneruskan strategi pembangunan tanah melalui penyatuan Program Penyatuan Pemulihan Tanah Terbiar. Sehingga kini, 279,000 hektar tanah telah dimajukan. Dari jumlah tersebut seluas 106,000 hektar tanah melalui Program Pemulihan dan 170,000 hektar melalui Program Penyatuan Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang minta supaya Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar perlu mengambil kira sektor pelancongan di Sarawak. Sehubungan dengan ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah merancang untuk mengadakan pelan pembangunan peringkat desa yang meliputi maklumat-maklumat perancangan pembangunan serta keperluan di peringkat desa yang menyeluruh dan komprehensif. Kerajaan-kerajaan negeri termasuk negeri Sarawak telah dipohon mengemukakan maklumat-maklumat perancangan mengikut format Pelan Pembangunan Reringkat Desa. Taklimat khusus mengenai perkara tersebut telah diadakan kepada semua pegawai daerah di Sarawak dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Matlamat PPPD bukan sahaja untuk merancang pembangunan infrastruktur luar bandar untuk tujuan memberi kemudahan kepada penduduk, tetapi juga untuk menampung aktiviti ekonomi termasuk pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Janggu Anak Banyang juga berharap supaya kementerian dapat menambah bilangan tabika KEMAS luar bandar Sarawak. KEMAS telah melaksanakan dan merancang untuk menambah bilangan tabika di Sarawak dan juga memberi keutamaan ke kawasan luar bandar seperti berikut:

Pada tahun 1998 terdapat 562 buah tabika di Sarawak dengan kanak-kanak seramai 15,700 orang. Pada tahun tersebut juga KEMAS telah melatih seramai 41 orang pemaju masyarakat untuk mengisi kekosongan kelas tabika baru. Keutamaan adalah diberi kepada kawasan luar bandar. Pada tahun 1999 KEMAS merancang untuk melatih seramai lebih kurang 50 orang pemaju masyarakat dengan tumpuan juga diberi kepada kawasan luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bermula dari 1997 hingga tahun 2000 KEMAS telah merancang untuk membina 90 buah bangunan tabika di negeri Sarawak dan kebanyakannya adalah kawasan luar bandar. Dengan ini sebanyak 90 buah

tambahan kelas baru akan dibuka dan seramai lebih kurang 3,150 orang kanak-kanak berpeluang mendapat pendidikan awal.

Pada tahun 1999, 18 buah bangunan tabika baru akan mula beroperasi dan 95% darinya adalah dari luar bandar. Selain daripada penubuhan tabika di bangunan tabika yang dibina, KEMAS juga akan membuka tabika baru mengikut keperluan semasa setiap tahun berdasarkan kemudahan fizikal sedia ada seperti balai raya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincang mengenai kementerian ini. Kalau ada apa-apa perkara yang tidak disentuh, ianya akan diambil perhatian oleh kementerian dalam menjalankan tugasnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, tadi disebut adanya diwujudkan mekanisme penyelarasan keberkesanan projek-projek kementerian, tentu sekali banyak yang telah dikesan. Jadi, saya ingin penjelasan peningkatan keberkesanan projek tabika yang dilaksanakan oleh pihak KEMAS. Tadi telah disebutkan banyak tabika dibuka, banyak lagi sekolah-sekolah yang dibuka tetapi saya hendak tahu dari sudut kualiti pendidikan yang diberi dalam tabika-tabika KEMAS, apakah peningkatan yang boleh dikatakan atau dapat ditunjuk oleh pihak kementerian kerana saya rasa kita perlu banyak, tetapi juga dari segi kualiti pendidikan, dari segi kualiti untuk mempertingkatkan mental kanak-kanak ini terutama di luar bandar adalah sangat penting. Boleh minta pihak kementerian jelaskan. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kamilia yang telah mengemukakan soalan mengenai kualiti tabika. Memang kementerian sedar bahawa adalah perlu untuk pihak KEMAS mengadakan pendidikan tabika-tabika yang berkualiti kerana inilah satu-satunya agensi yang memberi pra-sekolah di kawasan luar bandar. Dalam perkara ini, yang pertamanya kementerian atau KEMAS telah menentukan bahawa guru-guru atau pemaju-pemaju masyarakat yang diambil mestilah mempunyai Sijil Pelajaran Menengah (SPM). Lepas itu mereka akan diberi latihan dan latihan

ini akan diadakan mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pendidikan kita. Maka, dari segi qualificationnya, mereka ini memang dianggap sebagai layak. Dan dari masa ke semasa mereka ini memang diberi kursus untuk meningkatkan kebolehan mereka untuk menjalankan tugas sebagai pemaju masyarakat di tabika-tabika di seluruh negara.

Baru-baru ini kementerian ataupun kerajaan telah memutuskan bahawa tangga gaji mereka ini juga diubah. Dulu gaji mereka ini tetap lebih kurang RM500 sebulan walaupun mereka bekerja sampai sepuluh tahun, dua puluh tahun. Jadi, dalam pandangan kementerian, cara ini mungkin menjadi masalah kerana tidak ada galakan untuk mereka terus berusaha sebagai guru kerana gaji yang demikian. Maka tahun lepas, satu skel gaji baru telah diberi kepada pengusaha masyarakat tabika itu. Oleh itu kita berharap mereka ini akan terus tetap mengajar di tabika dan bersedia untuk meningkatkan ilmu, kepakaran dan kemahiran mereka supaya dapat memberi sumbangan yang baik kepada anak-anak di luar bandar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu bagi pihak FELCRA, ia memulihkan tanah-tanah terbiar yang dipunyai oleh orang-orang kampung. Tetapi masalah yang timbul sekarang ini, FELCRA memberi imbuhan atau dividen setahun sekali, hujung tahun,. sedangkan tuan punya tanah dua tiga ekar berikan kepada FELCRA untuk diusahakan. Daripada tanam sampai hendak berbuah sudah tiga tahun lebih, empat tahun, kemudian dapat hasil setahun sekali. Kita dengar dalam surat khabar hari itu, radio pun ada beritahu, ini maknanya boleh jadi mengecewakan pekebun-pekebun kecil. Sepatutnya sekurang-kurangnya setahun dua, tiga kali supaya dia dapat membelanjakan untuk persekolahan anak-anak, pakaian anak-anak. Itu masalah yang timbul sekarang ini banyak cakapan daripada orang kampung setahun sekali, akhir tahun ia hendak beri. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dividen FELCRA ini, saya percaya beberapa tahun yang lepas FELCRA ada beri dua kali setahun tetapi mungkin atas sebab-sebab tertentu, diberi sekali setahun. Walau bagaimanapun, jumlah dividennya akan sama, sama ada beri dua kali setahun ataupun satu kali setahun, ia tidak akan bertambah kerana dividen itu dikira dalam tempoh setahun. Walau bagaimanapun, selain daripada menikmati dividen ini kita berharap tuan-tuan punyai tanah juga dapat bekerja di ladang-ladang FELCRA ini. Dari sini juga pendapatan mereka dapat ditambah dari gaji itu. Walau bagaimanapun, kita mengambil perhatian komen dari Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Mastika Junaidah binti Husin.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta laluan daripada Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat mengakhiri sesi belanjawan ini. Saya memang mengakui bahawa peranan KEMAS membantu pembangunan luar bandar dan juga peranan kementerian terutamanya KEMAS dalam membantu pembangunan luar bandar memang jelas kita lihat.

Sebenarnya agensi ini telah dapat memperlihatkan kepada penduduk-penduduk luar bandar menyedarkan mereka kepada apa yang telah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Mereka sebagai a tool of communication, dengan izin, untuk memperlihatkan secara jelas kepada rakyat apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan selain daripada media massa dan juga agensi-agensi yang lain. Tetapi sayangnya, dalam KEMAS ini kebanyakannya wanita sebab itu saya lihat di dalam pembangunan-pembangunan, dalam kegiatan-kegiatan di luar bandar, mudah untuk kita menjalankan kegiatan aktiviti-aktiviti di kalangan wanita. Tetapi di kalangan lelaki, jikalau kita hendak adakan kegiatan, kurang sambutan. Kemungkinan kurang sambutan ini juga kerana mereka tidak disedarkan, semangat tidak dipupuk, tidak ada agensi yang menjalankan peranan ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, tidakkah pihak kementerian bercadang untuk melantik pemaju-pemaju masyarakat yang terdiri

daripada lelaki. Sekarang ini saya lihat dalam KEMAS, 80% mungkin lebih terdiri daripada pegawai-pegawai wanita, pegawai lelakinya cuma dalam peratusan yang kecil dan makin lama semakin kecil peratusan ini. Saya berpendapat pihak KEMAS juga perlu melantik pemaju-pemaju masyarakat yang terdiri daripada kaum lelaki untuk kita menjaga dan juga meneruskan kefahaman di peringkat masyarakat di luar bandar kerana masyarakat luar bandar ini adalah merupakan akar umbi kepada mereka yang menentukan keutuhan kerajaan kita pada masa sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika. Memang kementerian sedar bahawa setiap kali aktiviti KEMAS diadakan khususnya apabila mesyuarat dengan pegawai-pegawai KEMAS, memang 80% adalah terdiri dari wanita-wanita. Kementerian juga sedar bahawa atas sumbangan wanita juga tidak dapat diperkecilkan. Mereka memang telah membantu kita menjalankan berbagai tugas kerana kebanyakan dari wanita-wanita ini adalah pemaju masyarakat di peringkat tabika. Walau bagaimanapun, kementerian telah mengambil tindakan bahawa kita akan menentukan pengambilan di masa-masa akan datang mungkin kita juga hendak menambah bukan hanya pegawai-pegawai di peringkat KEMAS diambil dari kaum lelaki tetapi juga pemaju masyarakat tabika juga mungkin diambil dari kaum lelaki. Saya harap kaum wanita tidak kompelin dalam Dewan ini kalau jumlah kaum wanita dalam KEMAS telah berkurangan sedikit. Tetapi memang perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi diambil perhatian oleh kementerian dan kita sedang berusaha bagaimana kita hendak mengubah corak bentuk pegawai-pegawai KEMAS di peringkat bawah kerana seperti yang disebut Yang Berhormat, KEMAS memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat luar bandar khususnya dengan program pembaharuan ke arah reformasi kedua kawasan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Siti Hawa binti Mohd. Noor.

Puan Siti Hawa binti Mohd. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada kementerian mengenai program skim

pinjaman ASB RM5,000 di bawah PPRT yang telah diadakan oleh kerajaan satu masa dulu dan sekarang telah dihentikan. Jadi soalan saya, apakah kerajaan bersedia untuk mengadakan semula skim pinjaman ASB di bawah PPRT tersebut dan saya kira ini adalah satu program yang wajar diadakan semula kerana skim ini bukan sahaja baik kepada penerima malah bagi pihak kerajaan juga dapat pulangan bayaran balik. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sebut tadi kita telah berhenti membahagikan projek ASB kepada keluarga PPRT kerana dalam pandangan kementerian adalah perlu kita mengambil pendekatan yang baru khususnya dalam usaha-usaha kita untuk meningkatkan pendapatan rakyat termiskin ini. Dalam usaha kita untuk membantu rakyat termiskin ini matlamat utama kita ialah untuk meningkatkan pendapatan mereka ini dengan secara sustainable.

Kita berharap bahawa apabila kita dapat mengeluarkan mereka dari senarai PPRT mereka tidak pusing balik kepada itu kerana pendapatan dia kurang. Oleh itu, kita telah mengambil berbagai-bagai pendekatan di antaranya ialah kita mengadakan sesuatu projek yang besar di mana rakyat PPRT ini diberi saham di dalam projek ini dengan jaminan bahawa pendapatan bulanan mereka akan lebih dari paras garis kemiskinan. Dengan cara ini kita berharap pendapatan mereka ini dapat ditingkatkan dan masalah kemiskinan dapat diselesaikan. Maka setakat sekarang kerajaan tidak berhasrat untuk menyambung program ASB kepada keluarga PPRT.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menjawab.

12.22 tgh.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian saya.

Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey membangkitkan isu mengenai pencerobohan tanah-tanah kerajaan bagi kegiatan pertanian, pembuangan sampah dan sebagainya. Kata beliau, kegiatan seperti ini telah

menyebabkan berlakunya hakisan sungai yang serius dan pencemaran kepada sumber air.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan bagi tanah-tanah kerajaan termasuk rizab kerajaan negeri dan Persekutuan adalah terletak di bawah bidang kuasa pentadbir tanah daerah. Untuk memberi keberkesanan kepada penguatkuasaan, beberapa arahan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah dikeluarkan termasuk menyatakan kaedah-kaedah menjalankan tindakan kuat kuasa. Isu ini juga telah dibawa ke Majlis Tanah Negara dan Mesyuarat Perdana Menteri dan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Sehubungan dengan ini kementerian melalui Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah menyarankan pihak berkuasa negeri dan daerah bagi menubuhkan jawatankuasa perancang dan jawatankuasa penguatkuasaan tanah haram negeri dan jawatankuasa petugas penguatkuasaan daerah bagi menangani isu pencerobohan tanah kerajaan termasuk rizab sungai. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin membangkitkan isu hak milik strata dan menyoal kenapa hak milik strata telah lambat dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melaporkan kepada Dewan Negara bahawa sehingga 30 September 1998 sebanyak 4,307 permohonan hak milik strata yang melibatkan 218,111 petak telah diterima di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri-negeri Semenanjung Malaysia. 276 permohonan yang melibatkan 9,229 petak telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat kelulusan. 2,265 permohonan yang melibatkan 137,779 petak telah diluluskan. Sebanyak 1,767 permohonan yang melibatkan 71,069 petak masih dalam proses. Angka-angka terperinci menunjukkan bahawa bukan terdapat kelambatan di semua pejabat tanah di negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di sesetengah tempat berlakunya kelambatan tetapi di beberapa tempat yang lain kadar pemprosesan permohonan hak milik strata adalah memuaskan. Antara sebab-sebab hak milik strata lambat dikeluarkan adalah seperti berikut:-

- (i) permohonan yang dikemukakan adalah tidak lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta Hak Milik Strata 1985;
- (ii) Juruukur Berlesen lambat menjawab pertanyaan Jabatan Ukur terhadap pelan-pelan strata yang didapati tidak teratur dan tidak mematuhi peraturan-peraturan Jabatan Ukur dan Pemetaan;
- (iii) pemaju tidak mematuhi kehendak-kehendak Akta Hak Milik Strata seperti mendapatkan pelan pindaan daripada pihak berkuasa tempatan jika terdapat apa-apa ubahsuaian kepada bangunan;
- (iv) pemaju gagal melepaskan gadaian dalam dokumen hak milik tanah;
- (v) pendaftar lambat dalam mendaftarkan hak milik strata disebabkan beban yang kian meningkat; dan
- (vi) Jabatan Ukur lambat dalam kerja-kerja semakan pelan strata dan penyediaan pelan strata akui disebabkan beban kerja yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga terdapat rumah-rumah pangsa yang telah siap tetapi pemaju-pemaju masih belum mengemukakan permohonan hak milik strata. Daripada penyiasatan yang dibuat oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian sebab-sebab permohonan belum dibuat adalah seperti berikut:

- (i) urusan tanah belum diselesaikan seperti proses penyatuan tanah-tanah, pecah sempadan tanah dan penyerahan serta pemberi milikan tanah;
- (ii) caveat persendirian belum ditarik balik, ia menjadi penghalang untuk urusan penyerahan balik sebahagian tanah;
- (iii) pelan bangunan telah hilang;
- (iv) tanah masih di bawah hak milik sementara dan pelan akui belum diluluskan; dan
- (v) syarikat pemaju dalam likwidasi.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kempen bagi mempercepatkan pengeluaran hak milik strata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memandangkan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Sukacita saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ramai pembeli rumah pangsa telah mengadu kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian berhubung dengan hal hak milik strata. Bagi maksud mempercepatkan pengeluaran hak milik strata, Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah pun melaksanakan sistem pemprosesan setempat (one stop processing center). Dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Ukur dan Pemetaan dan juga Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Pejabat Tanah Kuala Lumpur telah berjaya menambahkan permohonan hak milik strata yang sepatutnya dibuat oleh pemaju dan mengurangkan tunggakan pemprosesan permohonan hak milik strata.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur daripada jumlah permohonan sebanyak 1,378 yang melibatkan 60,697 petak pada 30 September, 1998 hanya 393 permohonan yang melibatkan 10,625 petak hanya ini sahaja masih dalam proses. Lain-lain negeri seperti Pulau Pinang dan Kedah telah juga mengamalkan sistem pemprosesan setempat sementara Selangor, Pahang dan Melaka akan turut melaksanakan sistem itu. Tuan Yang di Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya sebagaimana yang kita maklum bahawa satu jawatankuasa atau pegawai telah ditubuhkan di peringkat daerah-daerah untuk mengembangkan koperasi di peringkat daerah-daerah. Tetapi di akhir-akhir ini jawatan ini telah dilantik tidak sekian lama. Saya ingin tahu adakah jawatan pegawai pengembang koperasi ini telah dimansuhkan. Yang keduanya, dalam suasana

ekonomi yang suram ini ataupun yang gawat ini kita tahu koperasi boleh memainkan peranan yang penting, adakah kementerian menjalankan daya usaha untuk mengembangkan koperasi-koperasi di peringkat daerah.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara pengembangan koperasi, ini perkara dalam perhatian dan tindakan kementerian. Tentang soalan sama ada pergerakan koperasi patut dijalankan dalam peringkat akar umbi, ini memang digalakkan oleh kerajaan kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pergerakan koperasi peringkat akar umbi.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang koperasi. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan apakah peranan koperasi. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian adakah pihak kementerian sedar bahawa kebanyakan koperasi yang memang banyak ditubuh adalah koperasi-koperasi yang tidak bergerak dan tidak mampu mengadakan aktiviti-aktiviti yang pada hemat saya sepatutnya menjadi pemangkin kegiatan ekonomi mereka ahli-ahli koperasi terutamanya di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang diberi oleh Jabatan Pembangunan Koperasi terdapat banyak koperasi yang aktif, mereka menjalankan tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan mereka tanpa publisiti barangkali, itulah sebab orang ramai mendapat satu gambaran bahawa mereka tidak aktif, sebenarnya mereka cukup aktif, terutama sekali koperasi-koperasi yang dianggotai oleh kakitangan kerajaan dan aktiviti memberi pinjaman ini sangat-sangat luas, Maaf saya tidak bawa angka-angka hari ini tetapi yang saya dapat pastikan bahawa mereka memberi layanan yang cukup baik, dan perkhidmatan yang cukup baik, dan memanglah bukan sahaja bergantung kepada pegawai jabatan pembangunan koperasi. Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali tokoh-tokoh koperasi yang begitu berkaliber di Dewan yang mulia ini turut boleh membantu dan memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada koperasi terutamanya di peringkat akar umbi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Sairin.

Dato' Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin bertanya kepada kementerian atau kerajaan, sama ada kementerian ini berhasrat untuk menubuhkan koperasi di setiap gerakan desa wawasan yang mana telah diilhamkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kalau kita lihat gerakan desa wawasan ini cukup berkesan dan cukup bagus. Apakah kementerian berhasrat untuk mewajibkan koperasi ditubuhkan di setiap gerakan desa wawasan?. Yang kedua, pada satu ketika dahulu beberapa luas tanah telah diberikan kepada FELDA, di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Jadi apakah terjadi dengan tanah-tanah itu terutama yang di Keningau, Sabah dan kalau tidak silap saya di sebelah Kalabakan, Tawau. Saya difahamkan tanah tersebut telah dikembalikan kepada kerajaan negeri oleh FELDA, apakah sebab-sebab musababnya.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat kerajaan supaya koperasi diperluaskan terutama sekali di kawasan desa wawasan dan Jabatan Pembangunan Koperasi bekerja rapat dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mencapai tujuan ini.

Tentang perkara tanah di Keningau, saya mohon maaf kerana saya perlu rujuk balik kepada FELDA dan saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk memberi jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjawab.

12.35 tgh.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Belanjawan 1999 khususnya yang menyentuh Kementerian Pembangunan Masyarakat secara langsung dan tidak langsung.

Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok Vanhouten telah menyentuh mengenai peruntukan RM50 juta yang disalurkan bagi Program Pembangunan Wanita dan mengharapkan akan dapat melahirkan dan memberi

latihan kepada kaum wanita dalam bidang kemahiran dan teknikal. Terlebih dahulu, sukacita saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih terhadap komitmen yang diberikan oleh pihak kerajaan dengan memperuntukkan RM50 juta bagi pembangunan dan kemajuan wanita. Dengan komitmen tersebut Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat khususnya Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) sedang merancang dan mengenal pasti program-program latihan yang lebih berkesan untuk memastikan wanita mendapat kemahiran yang sesuai dengan permintaan pasaran buruh semasa dan pasaran buruh akan datang. Pertimbangan-pertimbangan khusus untuk menjalani peluang latihan akan diberikan kepada wanita yang telah dibuang kerja akibat krisis ekonomi.

Memandangkan bilangan wanita dalam bidang teknikal dan profesional masih lagi rendah berbanding dengan bilangan kaum lelaki, HAWA akan terus merancang untuk meningkatkan usaha untuk menyedarkan ibu bapa, guru-guru dan penuntut perempuan terhadap peri pentingnya wanita menerokai bidang-bidang tersebut. Bagi tujuan ini, latihan dalam bidang kaunseling dan kesedaran gender akan terus dipertingkatkan bagi menyedarkan semua lapisan masyarakat khususnya mereka yang bertanggungjawab akan perubahan yang sedang berlaku dan tuntutan-tuntutan baru dalam bidang pekerjaan dan pasaran buruh. Program-program khas bagi tujuan membimbing dan mendorong wanita untuk memilih bidang yang sesuai di pasaran buruh akan terus dipergiatkan sebagai asas kepada pembangunan kerjaya wanita sekarang dan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Long bin Jidin telah melahirkan kebimbangan ke atas pelajar-pelajar meminum samsu ubat di kalangan Orang Asli yang semakin berleluasa. Kementerian saya melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sememangnya sedar terhadap masalah sikap Orang Asli yang gemar meminum samsu sebagai minuman alternatif menggantikan minuman arak dan yang lain. Gejala diketahui akan membahayakan kesihatan di samping mewujudkan sikap ketagih kepada samsu. Pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa peka mengenai masalah

ini dan telah banyak mengadakan kempen dan sesi kaunseling di kalangan masyarakat Orang Asli supaya mereka menghindarkan diri dari gejala minuman samsu haram. Selain itu pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa peka mengenai masalah ini dan telah banyak mengadakan kempen dan sesi kaunseling di kalangan masyarakat Orang Asli supaya mereka menghindarkan diri dari gejala minuman samsu haram. Selain itu pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memperketatkan kawalan orang-orang yang memasuki kawasan rizab Orang Asli sekali gus dapat menghalang pembekal dari membawa samsu haram masuk ke kawasan-kawasan Orang Asli.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengucapkan terima kasih ke atas Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1999, khasnya yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sekiranya ada yang tidak dijawab akan diambil tindakan dengan sewajarnya oleh kementerian.

Terima kasih.

To' Puan Wan Asiah binti Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah dapat menubuhkan satu jabatan yang dinamakan Jabatan Hal Ehwal Wanita iaitu HAWA. Apa yang saya hendak sarankan iaitu Jabatan Hal Ehwal Wanita ini ada di peringkat pusat tetapi tidak diwujudkan di peringkat negeri, sekretariat dan pejabatnya. Saya ingin bertanya, bilakah Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) di negeri-negeri akan diwujudkan untuk memudahkan perjalanan HAWA dan dapat berfungsi di peringkat negeri dan daerah. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Jabatan Hal Ehwal Wanita, kita telah mengetahui iaitu bahagian ini baru dinaikkan tarafnya kepada jabatan. Memang dari awal kita mengadakan satu cadangan supaya pegawai-pegawai yang dikira patut berada di dalam jabatan ini, memang telah dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu iaitu bagi pihak wanita mungkin ada yang minta tetapi tidak sampai ke tahap yang diperlukan. Begitu juga pegawai-

pegawai HAWA yang di peringkat negeri ini pun akan diperluaskan tetapi pada masa kini begitulah keadaannya dan kita memang dari masa ke semasa lebih-lebih lagi dalam tahun-tahun yang akan datang, usaha pengambilan pegawai ini telah dipertingkatkan lagi supaya apa-apa aktiviti HAWA itu akan dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu mengikut peruntukkan Peraturan Mesyuarat 53(2) Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.45 ptg

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Kebanyakan pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1999 baru-baru ini.

Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini iaitu:

- (i) Fasal 1 dan 2 di bawah Bab 1 adalah permulaan yang menyebutkan nama Akta ini dan nama Akta-akta yang terlibat dengan pindaan yang dicadangkan iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990;
- (ii) Fasal 3 hingga 13 di bawah Bab II adalah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (iii) Fasal 14 dan 15 di bawah Bab III adalah pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; dan
- (iv) Fasal 16 hingga 18 di bawah Bab IV adalah pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini manfaat berupa barangan dengan izin, benefit in kind adalah dianggap sebagai pendapatan dan dikenakan cukai. Antara manfaat tersebut adalah perbelanjaan tambang perjalanan percutian kakitangan termasuk ahli keluarganya yang terdekat yang ditanggung oleh majikannya bagi tiga kali percutian di dalam negara dan sekali percutian di luar negara dalam suatu tahun kelendar. Namun begitu, pada masa ini Seksyen 13,

Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan manfaat tersebut adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi kakitangan yang menerimanya.

Sebagai langkah untuk mengawal pengaliran wang ke luar negara, Fasal 4 adalah merupakan pindaan kepada subperenggan (13)(1)(b)(ii) Akta Cukai Pendapatan 1967 supaya pengecualian cukai berhubung dengan tambang satu kali perjalanan percutian ke luar negara yang diterima oleh pekerja dihadkan pengecualian cukainya kepada paras maksimum RM3,000 sahaja.

Walau bagaimanapun bagi percutian di dalam negara pengecualian cukai ke atas perbelanjaan tambang tiga kali percutian di dalam negara masih dikekalkan kerana ia adalah selaras dengan dasar untuk meningkatkan pelancongan di dalam negara.

Fasal 5 adalah pindaan kepada perenggan (34)(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk memberi kuasa kepada menteri dan bukan lagi kepada pihak berkuasa yang berkenaan seperti kementerian yang bertanggungjawab dan mengawasi projek berkenaan. Majlis tempatan atau majlis daerah sebagai pihak berkuasa untuk memberi kelulusan bagi sesuatu potongan cukai di bawah perenggan tersebut yang melibatkan pemberian sumbangan kemudahan awam dan projek kebajikan atau kemasyarakatan berhubung dengan pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur. Pengekalan kuasa kepada menteri adalah lebih sesuai supaya potongan cukai yang diberi ke atas sumbangan berkenaan bagi kesemua tempat di negara ini dapat diselaraskan.

Seterusnya Fasal 6 bertujuan meminda Seksyen 44 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk membolehkan syarikat pengeluar makanan diberi galakan, group relief, dengan izin di mana kerugian syarikat pengeluar makanan dibenarkan ditolak daripada pendapatan syarikat dalam kumpulan yang sama.

Fasal 7 adalah pindaan kepada Seksyen 54A Akta Cukai Pendapatan 1967 yang bertujuan untuk memperluaskan pengecualian cukai ke atas pendapatan perniagaan perkapalan menggunakan kapal Malaysia supaya meliputi pendapatan sewa yang diperolehi oleh pemastautin daripada carta masa dan carta perjalanan sebagai langkah untuk terus membangunkan industri

perkapalan negara, memandangkan kedua-dua jenis carta berkenaan adalah merupakan aktiviti penting syarikat perkapalan.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta Cukai Pendapatan supaya pendapatan kumpulan wang pemegang saham sesuatu syarikat insurans hayat hendaklah termasuk amaun lebih aktuari yang sebenarnya dipindahkan daripada kumpulan wang hayat kepada kumpulan wang pemegang saham dan bukan amaun lebih aktuari yang boleh dipindahkan atau boleh diagihkan mengikut formula yang ditetapkan. Langkah ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pemegang saham mengekalkan lebih aktuari di dalam Kumpulan Wang Hayat untuk memperteguhkan lagi kedudukan kewangan industri insurans hayat demi perkembangannya dalam jangka masa panjang. Dari segi layanan cukai hanya lebih aktuari yang benar-benar dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pemegang Saham sahaja yang akan tertakluk kepada cukai pendapatan dan dengan itu pindaan kepada seksyen ini akan dapat mendorong pemegang saham mengekalkan lebih banyak lagi aktuari di dalam Kumpulan Wang Hayat.

Fasal 9 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 130 Akta Cukai Pendapatan supaya pelepasan cukai yang layak diberi kepada individu bukan pemastautin adalah dihadkan kepada individu yang merupakan seorang warganegara Malaysia yang berkhidmat di dalam perkhidmatan awam atau perkhidmatan satu pihak berkuasa berkanun dan individu itu menjadi bukan pemastautin disebabkan oleh penggajian tersebut.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan jadual baru 4C dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk membolehkan sesuatu syarikat menyerahkan kerugian terlarasnya, berkenaan dengan projek pengeluaran makanan yang diluluskan kepada sesuatu syarikat yang berkaitan. Kerugian terlaras yang diserahkan itu akan boleh dipotong daripada pendapatan agregat syarikat yang berkaitan menurut seksyen 44 Akta Cukai Pendapatan. Apa-apa kerugian terlaras yang tidak diserahkan dalam satu tahun taksiran akan dibawa ke hadapan dan tidak boleh diserahkan dalam tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan di mana perenggan 30 kepada Jadual tersebut dipinda supaya pencen yang diterima oleh seorang individu sama ada pemastautin atau tidak adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Perenggan 35A kepada Jadual 6 pula dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan faedah yang diterima oleh unit amanah juga dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Seterusnya Fasal 13 pula bertujuan untuk meminda Jadual 7A dalam Akta Cukai Pendapatan di mana subperenggan 1(c) dipotong supaya kriteria berhubung dengan kenaikan produktiviti tidak lagi menjadi prasyarat bagi satu syarikat untuk layak mendapat elaun pelaburan semula. Pindaan ini akan disifatkan telah berkuatkuasa dari tahun taksiran 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda perenggan 53(2)(a) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah yang memperuntukkan cara bagaimana penyampaian notis ke atas syarikat perkongsian atau komponen orang yang mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia akan dilaksanakan. Dengan pindaan ini, notis dianggapkan boleh diterima oleh pihak-pihak tersebut sekiranya notis berkenaan telah dialamatkan

kepada alamat berdaftar atau alamat terakhir yang diketahui oleh seseorang yang diberi kuasa oleh pihak-pihak tersebut untuk menerima notis berkenaan.

Bab IV adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Fasal 17 adalah pindaan yang bertujuan untuk mempergiatkan lagi aktiviti perniagaan luar pesisir di Labuan. Pindaan ini menyediakan proviso baru kepada takrif “aktiviti perniagaan luar pesisir” supaya skop aktiviti tersebut yang boleh dilakukan oleh sesebuah syarikat luar pesisir Labuan dengan pemastautin termasuk perniagaan money-brokering dan offshore leasing yang masing-masing telah dibenarkan untuk dijalankan oleh syarikat-syarikat luar pesisir di bawah seksyen 7(3)(a) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

Subperenggan baru iaitu subperenggan (f) telah dimasukkan untuk memberi kuasa kepada menteri meluluskan aktiviti perdagangan luar pesisir atau bukan perdagangan luar pesisir yang boleh dijalankan dengan pemastautin atau transaksi boleh dijalankan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

Dengan demikian, satu syarikat luar pesisir yang menjalankan, sama ada perniagaan pembrokeran wang atau pemajakan boleh menjalankan perniagaan-perniagaan tersebut dengan pemastautin dan langkah ini diambil selaras dengan hasrat untuk mempergiatkan lagi pembangunan di Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa luar pesisir.

Fasal 18 pula bertujuan untuk memotong seksyen 10A kepada Akta Cukai Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Ini kerana syarikat luar pesisir tidak lagi mempunyai pilihan sebagai gantian cukai untuk membayar kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan suatu fee yang ditetapkan iaitu sebanyak RM20,000 setahun memandangkan pilihan tersebut di bawah seksyen 151 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 telah pun dimansuhkan.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika.
12.56 tgh.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1998 iaitu pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah pun meneliti kelemahan-kelemahan dan juga kekurangan-kekurangan yang ada dalam akta-akta kita dalam usaha kita untuk memulihkan keadaan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang mana merupakan satu kementerian yang penting di dalam Kerajaan Malaysia hari ini yang telah bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia mengambil langkah-langkah untuk kita memulihkan dan menggiatkan kembali ekonomi negara kita. Tindakan yang telah pun diambil oleh pihak kementerian dengan membuat selective capital control yang diadakan baru-baru ini telah dapat memperlihatkan dengan jelas bahawa ekonomi negara kita telah dapat dipulihkan sedikit demi sedikit. Keyakinan pelabur, terutamanya pelabur-pelabur dalam negeri, kita lihat telah pun meningkat dan usaha pihak kementerian menutup perniagaan CLOB telah pun dapat menyelamatkan pasaran saham dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya daripada awal lagi telah pun merasakan bahawa kelemahan pasaran saham kita adalah kerana pasaran saham kita dapat ditembusi oleh penyerang-penyerang ataupun peniaga-peniaga spekulasi wang asing terutamanya George Soros dan konco-konconya tetapi kita memang tidak tahu daripada mana mereka dapat menyerang kita. Kita berterima kasih kepada pihak kementerian dan saya juga minta maaf, sebenarnya saya telah membuat beberapa kenyataan sama ada dalam Perhimpunan Agung UMNO menuduh bahawa pengurus-pengurus dana tempatan tidak cekap. Memang pada pandangan saya bahawa tentu ada di mana-mana ruang yang menyebabkan keadaan ekonomi ne gara kita terutamanya pasaran saham dapat ditembusi oleh pihak luar. Mereka tidak akan dapat masuk menembusi pasaran saham kita tanpa ada lubang atau tanpa ada pintu yang terbuka yang memberi ruang dan peluang kepada mereka.

Jadi, dalam Dewan yang mulia ini, sebelum saya masuk kepada perbincangan rang undang-undang ini, saya mohon maaf kepada pengurus-pengurus dana tempatan di atas tuduhan-tuduhan yang mungkin sebelum ini pernah saya keluarkan. Rupa-rupanya yang menembusi, yang memberi ruang dan peluang kepada pihak spekulator asing untuk masuk menyerang saham-saham di negara kita adalah melalui CLOB yang beroperasi di Singapura. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana kerajaan dengan begitu cekap dapat meneliti dan melihat kelemahan ini dan hari ini pasaran saham kita telah pun berjaya diselamatkan. Kita berdoa kepada Allah S.W.T supaya keadaan ini dapat kekal dan kita menyeru kepada rakyat Malaysia terutamanya kepada pengurus-pengurus dana tempatan jangka pendek ataupun jangka panjang supaya mereka menyakini keadaan-keadaan pasaran saham

dalam negara kita dan mereka dapat memasuki pasaran saham supaya pasaran saham kita dapat dipulihkan.

Sebenarnya kalau kita lihat dari segi pelaburan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita menyeru supaya rakyat Malaysia melabur dalam jangka masa yang panjang. Memang dalam satu ketika, dalam satu keadaan tertentu nampaknya seruan ini ada setback dan ramai, pada waktu saham telah pun menurun mengatakan kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta kita labur dalam saham, tiba-tiba saham jatuh, sebenarnya saya merasakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang melihat pelaburan saham ini sebagai satu perniagaan dan perniagaan kalau kita lihat dalam konsep yang baik.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, sambung petang ini ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Ya, sambung petang.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang
[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin diminta sambung.

2.30 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun takut hendak pegang microphone ini, apabila dipegang sahaja ia menjerit. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya memberhentikan ucapan saya
.....

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana hendak buat tidak beri menjerit ini?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tidak tahu pula, ia sensitif, bila dipegang ia menjerit. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya dalam Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1998. Pagi tadi saya memberhentikan

ucapan saya semasa saya menyebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru supaya kita rakyat Malaysia menabung dan juga melabur di dalam pasaran saham dengan kita membeli saham-saham dan membiarkan saham-saham kita dalam jangka waktu yang panjang, kerana dengan itu kita boleh mendapat pulangan dan dalam masa yang sama juga kita membantu syarikat-syarikat yang berkenaan dalam mengisi dana modal mereka di samping kita juga turut melabur di dalam kegiatan-kegiatan ekonomi di negara kita. Tetapi malangnya saya rasa bukan saranan itu yang tidak betul, sistem pasaran saham di negara malah di dunia yang kita lihat tidak betul kerana kalau mengikut pemahaman saya, kita melabur dalam saham konsepnya adalah untuk kita berniaga kerana kita berniaga bukan sahaja kita mengeluarkan modal dan selepas itu menubuhkan syarikat, kemudian kita menjalankan perniagaan dan kita mendapat keuntungan daripada perniagaan. Ini memang baik kalau dapat kita buat tetapi berapa orang di kalangan kita dapat menubuhkan syarikat, menjalankan perniagaan dan mendapat keuntungan daripada syarikat yang ditubuhkan.

Salah satu peluang dan cara untuk kita berniaga walaupun kita sebagai Ahli Yang Berhormat, sebagai Senator, sebagai pegawai kerajaan, kita melaburkan wang kita di dalam pasaran saham di mana wang kita akan dijadikan modal oleh syarikat yang berkenaan, menjalankan perniagaan, selepas itu kita mendapat keuntungan daripada syarikat-syarikat yang tersebut tetapi realitinya saham ini kadang-kadang kita lihat semacam pasaran bursa perjudian dan harga turun naik menyebabkan ada setengah-setengah pihak apabila membeli saham itu dia predict, dengan izin, mengagak akan naik ataupun akan turun. Tambahan pula dengan spekulator asing yang berlaku sekarang ini saham telah pun merudum dengan begitu hebatnya. Kita berharap konsep pelaburan dalam saham ini dengan sistem yang kita ada dalam negara kita dan dalam usaha-usaha kita menerapkan nilai-nilai Islam juga menjalankan perniagaan ini secara satu konsep yang memberi keadilan kepada seluruh ummah, harapan kita melaburkan wang dalam saham untuk mendapat keuntungan ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun sedikit sebanyak kena apabila kita bersusah payah simpan dalam akaun Amanah Saham Nasional, apabila ada keuntungan, kita ingat hendak melabur jangka panjang, tiba-tiba saham semua merudum. Sebenarnya bukan niat kita tidak betul, sistem itu yang menyebabkan kita yang melabur menyebabkan sebahagian besar daripada wang kita telah pun hilang di dalam sistem itu, di dalam urus niaga alam yang dibuat oleh manusia sebenarnya yang menyebabkan sistem keadilan itu tidak berlaku. Saya selalu sebut, dalam akaun mesti balance, trial balance mesti balance, kalau kita rugi maknanya ada orang yang untung, kalau rakyat Malaysia rugi, George Soros yang untung, tetap keuntungan itu akan pergi kepada beliau kerana sistem kewangan dan ekologi dunia pun begitu. Kalau berlaku sesuatu di sebelah kiri, maknanya adalah sesuatu berlaku di sebelah kanan, maknanya adalah pihak yang untung daripada kerugian yang kita alami.

Tuan Yang di-Pertua, semasa waktu rehat tadi saya melihat di dalam surat khabar, ada satu berita yang menggembirakan kita, saya lihat bahawa Menteri Kewangan Jepun, Kiichi Miyazawa dan juga Presiden Bank Rizab Persekutuan New York, William McDonough telah menyarankan supaya Dana Lindungan Nilai dapat dikawal selia. Kegiatan Dana Lindungan Nilai ini telah pun disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tetapi nampaknya selama ini dunia memandang sepi seolah-olah sistem perjalanan kewangan itu boleh dibiarkan begitu sahaja. Jika sistem yang sedia ada dilaksanakan dengan tanggungjawab moral yang tinggi, sudah tentu kita tidak menghadapi masalah. Apa-apa juga sistem dalam dunia ini harus diimbangi dengan tanggungjawab moral tetapi kita lihat sekarang ini memang insan yang dilahirkan ini kadang-kadang ada yang begitu mementingkan diri sendiri, begitu mengikut kepentingan diri, puak dan kumpulan. Jadi kita dapati ada setengah-setengah pihak yang mana mereka memberikan pelaburan tetapi menarik pelaburan itu dengan segera yang menyebabkan pelbagai akibat yang berlaku, melanda negara dan sebagainya. Jadi kita berharap dengan adanya kefahaman yang baru yang melihatkan bahawa Dana Lindungan Nilai ini perlu

dikawal selia, kita harap ada satu perubahan yang besar kepada sistem kewangan dunia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada bil yang akan kita bincangkan pada petang ini, saya berterima kasih kepada pihak kementerian kerana saya lihat dalam bil ini ada memberikan perhatian kepada industri perkapalan dan memberikan perhatian kepada pelabuhan. Dalam ini ada disebut, kalau tidak salah saya disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dan juga industri makanan, galakan kepada industri makanan termasuk galakan kepada LOFSA di Labuan.

Ketiga-tiga sektor ini adalah merupakan sektor yang boleh memberikan pulangan ekonomi yang besar kepada negara, kita melihatkan sejak negara kita menubuhkan LOFSA di Labuan, kalau kita membaca laporan daripada Laporan Anggaran Belanjawan Hasil, saya bersyukur kerana LOFSA ini diluluskan semasa saya masih berada di dalam Dewan. Saya masih ingat lagi dua Akta LOFSA telah pun dibawa di dalam Dewan ini dan kita telah melihat hasilnya. Saya cari memang tidak jumpa tetapi saya sudah baca, ada pendapatan ataupun income daripada pelaburan yang pulangan daripada pelaburan LOFSA yang telah diterima oleh Kerajaan Persekutuan melalui hasil negara dan boleh di'distribute', dengan izin kepada rakyat seluruh negara melalui pelbagai program yang dianjurkan. Jadi usaha-usaha untuk mengadakan undang-undang dan juga peraturan untuk meningkatkan dan memajukan LOFSA yang ada di negara kita, yang satu-satunya ada di Labuan memang kita amat hargai.

Begitu juga dengan industri makanan, saya kira di negara kita ini mereka yang pakar dalam menyediakan makanan, sama ada makanan ringan, makanan kering, makanan basah dan pelbagai jenis makanan. Memang kita merupakan rakyat yang berbilang bangsa, kita kaya dengan budaya, malahan kita kaya dengan pelbagai jenis makanan dan makanan-makanan ini dapat kita industrian, dapat kita majukan secara pengeluaran besar-besaran dalam negara kita dan juga di luar negara.

Saya percaya melalui tanda halal kita dapat eksloit pemasaran bagi negara-negara terutamanya negara-negara yang ramai penduduknya yang

terdiri dari orang-orang Islam. Bagi wanita-wanita di luar bandar sekarang ini, sungguhpun di luar bandar kita tahu bahawa sektor ekonomi yang penting yang menjana kehidupan penduduk luar bandar adalah sektor pertanian tetapi sekarang ini sektor pertanian telah mula menuju ke arah bertani secara lebih maju di mana kita mahukan sebilangan petani-petani itu bilangan yang kurang menjalankan pertanian dalam ladang yang lebih luas dan menggunakan teknologi yang lebih maju seperti menggunakan jentera, penggunaan-penggunaan chemical dan sebagainya.

Ini mengakibatkan bahawa tenaga-tenaga yang ada di luar bandar itu tidak kita gunakan sepenuhnya melalui kepakaran yang mereka ada. Saya percaya jika usaha-usaha dapat dijalankan melalui industri kampung, melalui program-program memajukan desa dan sebagainya, mereka yang berkepakaran ini dapat kita kumpulkan untuk mengeluarkan makanan-makanan yang jika dibuat kajian secara terperinci melalui MARDI ataupun melalui R&D daripada universiti-universiti yang terlibat dalam food technology kita dapat mengeluarkan snek dan sebagainya yang dapat dimajukan sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Sekarang ini kita lihat anak-anak kita di sekolah, mungkin sekarang ini agak berkurangan berbanding dengan masa yang lalu, kebanyakan anak-anak kita pergi ke sekolah dan kita sebagai ibu-ibu yang ada di Dewan ini, mungkin ada di pejabat, anak kita makan junk food yang mana junk food ini bukan merupakan satu makanan yang baik bagi anak-anak kita. Pada hal kita ada banyak makanan yang berzat yang boleh dimajukan, yang boleh diindustrikan di negara kita. Jadi dengan adanya rang undang-undang yang membantu ke arah itu kita berharap supaya industri makanan yang baru sahaja hendak diterokai ini akan mendapat galakan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sendiri pun cuba membuat pusat pengumpulan makanan dengan menggembelngkan pengeluar-pengeluar industri desa dan saya tahu salah satu daripada negeri kita di Johor telah pun masuk dalam industri makanan ini menyetengahkan makanan-makanan tradisional kita, yang kita anggap mungkin makanan ini tidak diminati tetapi

sebenarnya dapat dipasarkan dengan begitu banyak dan meluasnya di Singapura, diusahakan oleh salah seorang daripada rakan Ahli Yang Berhormat wanita kita di Pontian. Kalau agensi-agensi kerajaan, saya rasa patut melihat dan diperkembangkan lagi program-program ini ke kawasan-kawasan dan juga ke daerah-daerah yang lain.

Begitu juga dengan pelabuhan. Tuan Yang di-Pertua, menjadi hasrat kepada kerajaan dan juga menjadi hasrat kepada kita untuk melihat pelabuhan di negara kita dapat kita majukan. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi sejarah, sejarah negara kita semasa kerajaan Melayu Melaka kita adalah merupakan masyarakat pedagang dan juga masyarakat peniaga yang maju di serantau negara kita ini, malahan kita telah pun menjalankan perniagaan kita sampai ke negeri China sehingga China telah pun menghadihkan Puteri Hang Li Poh kepada Raja Negeri Melaka dan rakyat di negara kita juga pada zaman itu merupakan pelaut yang hebat kerana apabila pergi ke South Africa, saya jumpa orang Melayu di South Africa, semasa pergi kursus saya jumpa orang Maldives, orang Maldives memanggil grandmother kepada saya, saya kata kenapa panggil grandmother, sebenarnya mereka adalah berketurunan Melayu yang dulu belayar dan orang-orang Melayu ini belayar dan kadang-kadang balik ke kepulauan Melayu, kadang-kadang berhenti di kepulauan-kepulauan Pasifik, berkahwin dan mereka ada zuriat-zuriat orang Melayu di serata kepulauan-kepulauan mungkin ada di tempat lain, yang saya tahu di South Africa, Bouake, Maldives dan sebagainya. Ini bangsa Melayu di zaman kehebatan pemerintahan Melaka.

Hari ini saya kira, kita juga tidak ketinggalan, kita harus menebus semula maruah kita selepas kita dibebaskan daripada penjajah, selepas 446 tahun kita dijajah, 41 tahun kita merdeka. Kita harus berusaha untuk kembali kepada zaman kegemilangan kita dan pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu adalah pelabuhan-pelabuhan yang pada waktu itu merupakan pelabuhan-pelabuhan yang terkenal di dunia.

Oleh itu, hasrat untuk kita melihat pelabuhan-pelabuhan di negara kita dapat dimajukan, tambahan pula dapat memberikan pulangan kepada negara ini

adalah merupakan satu hasrat yang menjadi idaman seluruh rakyat Malaysia dan saya percaya negara Singapura juga akan faham apa sebenarnya hasrat kita, bukan kita hendak menjejaskan pendapatan daripada negara jiran kerana kita sebagai negara yang memang menghormati negara jiran, kita memang faham kepentingan masing-masing tetapi bagi kita kerana Semenanjung Tanah Melayu dikelilingi oleh perairan, kita merasakan bahawa urusan niaga di dalam negara kita perlu diuruskan melalui pelabuhan-pelabuhan yang ada di negara kita.

Dengan itu kita juga menggesa supaya pihak kementerian yang terlibat untuk mengkaji, meneliti, menyediakan kemudahan-kemudahan yang mencukupi supaya pelabuhan-pelabuhan ini dapat digunakan dan dapat menarik peniaga-peniaga untuk mereka menggunakan pelabuhan kita. Di samping ahli-ahli perniagaan di negara kita juga terutamanya ahli-ahli perniagaan yang banyak terlibat dalam soal ini adalah daripada bangsa Tionghua dan ahli-ahli perniagaan daripada bangsa China. Kita berharap dewan-dewan perniagaan akan dapat bersama-sama kerajaan untuk kita memberikan extension ataupun kefahaman, kesedaran supaya ahli-ahli perniagaan kita menggunakan pelabuhan kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita berbincang soal Rang Undang-undang Kewangan, saya ingin menyentuh dari segi pendapatan hasil daripada pelaburan-pelaburan kerajaan. Saya menyemak buku Anggaran Hasil Persekutuan bagi tahun 1999, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita memang sedar bahawa negara kita telah berubah daripada negara pertanian kepada negara industri dan juga pembuatan, malah kita telah pun masuk dalam bidang pelaburan dan kerajaan telah pun melabur sebahagian daripada dana-dana kerajaan untuk mendapat pulangan daripada pelaburan tersebut. Ternyata usaha-usaha kerajaan ini memang telah pun berjaya dan hasil pulangan daripada pelaburan-pelaburan yang telah pun kita lakukan amat menggalakkan.

Kalau saya hendak sebutkan satu persatu dan ingin mengulasnya satu persatu tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua, ada dua tiga pelaburan yang kita

laksanakan, satunya perolehan daripada pelaburan dalam perusahaan kewangan, RM2.7 juta hasil yang kita dapat, yang itu saya pun tidak dapat hendak melihat apa sebenarnya yang kita usahakan daripada pelaburan kewangan. Mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menerangkan.

Yang keduanya, hasil dan faedah dari pelaburan dalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad - kosong. Ini dalam anggaran hasil yang disebutkan, bila saya melihat anggaran ini merasa satu tanda tanya timbul, Bank Bumiputra ini betullah Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang kita nampak gambar dan memang terkenal dan kebanyakan daripada kita menyimpan dalam Bank Bumiputra. Bank Bumiputra ini telah lama wujud, saya ingat kalau tidak silap selepas kongres ekonomi yang dijalankan oleh bumiputera dan saya lupa tahun berapa dan salah satu daripada resolusinya mewujudkan Bank Bumiputra.

Ini adalah satu usaha yang dijalankan oleh kerajaan tetapi kenapa hasil daripada Bank Bumiputra dianggarkan dalam tahun 1999 ini kosong. Ini yang saya hendak tanya kepada pihak kementerian. Kita rasa agak sedih kerana sepanjang sejarah Bank Bumiputra ini sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan dan kawan-kawan di dalam Dewan ini, kita melihat beberapa kali Bank Bumiputra telah pun menghadapi keadaan-keadaan di luar dugaan.

Jadi kalau letak pelaburan kosong ini kita pun ada satu tanda tanya yang besarlah dan saya hendak tanya pihak kementerian berapa banyak sebenarnya pelaburan kita di dalam Bank Bumiputra. Itu yang pertama. Yang keduanya, mengapa pendapatan daripada Bank Bumiputra ini kosong. Dan yang ketiganya, saya ingin tahu siapakah ahli-ahli Lembaga Pengarah di dalam Bank Bumiputra ini kerana dalam keadaan kita telah empat puluh satu tahun merdeka kita telah melalui berbagai-bagai krisis, berbagai-bagai kejayaan malahan banyak kejayaan yang kita capai dan dalam konsep kita ingin mewujudkan satu masyarakat yang beradaban, bertanggungjawab dan juga masyarakat sebagaimana masyarakat Jepun. Jepun ini yang saya faham syarikat-syarikat perniagaan mereka kebanyakannya dijalankan oleh Samurai, dan Samurai ini

dia sanggup mati, di peringkat awal Jepun ingin maju di dalam perniagaan. Kalau dia buat salah, dia bunuh diri.

Tetapi bagi kita dalam masyarakat Malaysia, kita tidaklah hendak suruh orang-orang yang membuat kesilapan atau kesalahan ini membunuh diri, sekurang-kurangnya kita saanggup berdiri, mengakui kesalahan dan kelemahan kita, memohon maaf kepada seluruh rakyat yang juga kalau wang kerajaan dilaburkan, maknanya wang rakyat juga, hak rakyat ada di situ, memohon maaf dan harus menerima tanggungjawab dan kalaulah kata Bank Bumiputra ini ada menghadapi masalah, kita hendak dengar dari pihak kementerian dan kita perlu ada satu tindakan dan resolusi-resolusi yang boleh menentukan supaya bank yang diharapkan terutamanya oleh masyarakat bumiputera ini akan dapat memenuhi hasrat penubuhannya. Saya sebenarnya bercakap, sepatutnya dengar dahulu apa penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atau wakil-wakil dari Kementerian Kewangan. Saya memang suspicious apabila kosong angka yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kod hasil 75103, hasil faedah daripada bank pelaburan dalam Bank Pembangunan Berhad memberi pulangan kepada kerajaan RM2.18 million, jadi kalau Bank Bumiputra, Bank Pembangunan ini kita pun kenal, Bank Pembangunan, kita pun hendak tahu berapa banyak pelaburan hendak bandingkan, berapa banyak pelaburan kerajaan dalam Bank Pembangunan dan berapa banyak pelaburan kerajaan dalam Bank Bumiputra. Bank Pembangunan boleh beri pulangan RM2.1 million tetapi Bank Bumiputra tidak dapat.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Bank Pembangunan kerana dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini, setiap sen yang dapat dihasilkan oleh mana-mana sektor ataupun mana-mana punca pendapatan harus kita hargai untuk menyelamatkan negara kita. Begitu juga dengan hasil faedah daripada pelaburan dalam Malaysia Kuwaity Investment Corporation. Kuwaity ini, nama macam Kuwait. Saya juga harap pihak kementerian dapat menjelaskan kepada kita, adakah pelaburan Kuwaity

Investment, tetapi walau bagaimanapun, alhamdulillah ia memberi keuntungan ataupun anggaran pendapatan hasil sebanyak RM553,000.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi hasil dan faedah pada pelaburan daripada Keretapi Tanah Melayu, kosong. Jadi tahu, Keretapi Tanah Melayu ini tiap-tiap tahun kadang-kadang bukan sahaja ia tidak memberi pulangan tetapi kita terpaksa pula meluluskan peruntukan tambahan kepada Keretapi Tanah Melayu kerana ia sering rugi. Jadi kita berharap mungkin dalam kegawatan ini tidak sesuaih bagi kita untuk mencadangkan kepada kerajaan tetapi walau bagaimanapun, pada pandangan saya, pengangkutan dalam negara selain daripada pengangkutan jalan biasa dan juga jalan-jalan lebuhraya yang telah disediakan, kita harus meningkatkan pengangkutan melalui jalan kereta api untuk memudahkan perdagangan dan juga mengelakkan kemalangan. Tetapi mungkin perkara ini bukanlah sesuai untuk saya cadangkan pada masa sekarang ini.

Kod 75209, hasil daripada faedah pelaburan Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Berhad memberi pulangan RM2.9 juta. Kita dengar dalam penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bahawa Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Berhad ini

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Pandangan saya sedikit kepada Yang Berhormat, bahawa akta kita sekarang ini ialah Akta Kewangan, Rang Undang-undang Kewangan, pindaannya bercakup Akta Cukai Pendapatan, Cukai Keuntungan Harta Tanah, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir dan pindaan mengikut cara-cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bab II, III dan IV. Ini merupakan consequential kepada Belanjawan. Jadi kalau dapat Yang Berhormat tumpukan kepada perkara ini, kalau tidak nanti saya kena menjawab secara bertulis kerana banyak yang dibangkitkan. Saya tidak ada data-data buat masa ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi saya kalau Yang Berhormat dapat menjawab secara bertulis pun tidak mengapa. Untuk hendak meringkaskan masa, saya pun tidak hendak

sebut benda-benda yang tidak penting, cuma saya hendak sebut perkara-perkara yang penting sahaja Yang Berhormat, walaupun dapat jawapan bertulis kerana semasa Belanjawan, saya tidak berpeluang untuk membahaskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam peringkat Jawatankuasa boleh? Tidak boleh juga?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Cuma satu sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sentuh lagi dalam ini. Saya faham kerana kita hendak menjimatkan masa, cuma satu sahaja, saya minta Kementerian Kewangan dapat memberikan penjelasan mengenai pendapatan hasil daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana ini juga merupakan satu syarikat conglomerate yang ada di negara kita, satu syarikat yang besar menjadi harapan kepada negara untuk mencerahkan masa depan negara tetapi bagi saya, saya melihatkan dari segi hasil yang kita terima dari segi pelaburan di dalam TNB, hasilnya tidak sebagaimana yang kita harapkan. Jadi saya ingin tanya pihak kementerian, adakah pihak kementerian berpuas hati dengan anggaran hasil yang ditunjukkan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin memohon pada pihak Kementerian Kewangan, di dalam kita mencadangkan dan juga meluluskan berbagai-bagai dana, bukan sahaja melalui Kementerian Kewangan, dana-dana ini, kita juga ada dana yang diberi untuk kepentingan pertanian dan keusahawanan. Sekarang ini saya rasa, kebanyakan daripada kita menyebutkan soal bagaimana kita dapat meningkatkan peratusan kredit, saya bersetuju untuk kita menggalakkan dan juga untuk kita hendak menggiatkan ekonomi, kita perlu menyuntik dana kewangan kepada syarikat-syarikat dan juga menggalakkan syarikat-syarikat dalam perniagaan dengan memberi kemudahan pinjaman kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Dalam masa yang sama saya juga suka mengingatkan pihak kementerian, kita bukan sahaja hendak beri pinjam tetapi pemantauan dan menentukan supaya pinjaman itu dapat dikutip balik. Saya rasa ini sepanjang persidangan, kita, tidak ada dengar cerita ini, jadi kita berharap supaya kita

tidak mahu pisang berbuah dua kali sebagaimana pinjaman-pinjaman MARA yang pernah kita keluarkan satu ketika dahulu, walaupun dalam keadaan sekarang ini kritikal untuk kita mempergiatkan ekonomi dengan memberi ruang dan juga peluang pinjaman yang begitu luas tetapi biarlah pemberian itu mempunyai integriti ataupun pemberian itu diberikan kepada pihak-pihak yang benar-benar memerlukan dan pihak-pihak yang benar-benar boleh menggunakan dana ini untuk mempergiatkan ekonomi dan mereka mampu seboleh-bolehnya, kita tidak kata seratus peratus mesti boleh bayar, tetapi seboleh-bolehnya kutipan balik dapat dilaksanakan nanti. Jangan sampai masa kita hendak kutip balik, baru kita sedar semasa pemberian dana, kita buka seluas-luasnya tanpa sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahajalah perkara-perkara yang dapat saya sampaikan dalam membahaskan Akta Kewangan ini dan saya juga turut menyokong akta yang dibentangkan sebentar tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Kamilia.

2.59 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan sekejap tadi dan seperti yang kita maklum, ini adalah satu rang undang-undang yang bersambung dengan Belanjawan yang telah dibentangkan dan rang undang-undang ini memang kita persetujui bahawa ianya adalah perlu dan juga untuk membolehkan mempercepatkan lagi tindakan-tindakan selaras dengan tindakan-tindakan cadangan yang telah dicadangkan di dalam Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat perkara-perkara yang telah dikemukakan adalah merupakan tax relief dan tax incentive, dengan izin, untuk menggalakkan lima cabang aktiviti ekonomi yang harus kita berikan galakan. Pertamanya ialah mengenai kuasa Menteri yang kini diberi untuk menentukan cukai yang dahulunya perlu diberikan kepada pihak berkuasa majlis tempatan. Pada hemat saya ini sangatlah bersesuaian kerana kuasa ini diberikan seperti mana yang diperkatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi ialah untuk tujuan

penyelarasan dan saya pastilah dengan kuasa yang diberi kepada menteri ini, penjelasan yang sewajarnya akan dapat dilaksanakan dan kita mengharapkan bahawa dengan adanya kuasa Menteri ini maka aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang perlu dilaksanakan bagi tujuan cukai akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan tepat.

Saya juga ingin memberi tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan telah memberi group relief kepada pengeluaran makanan mengikut Fasal 10. Ini adalah satu tindakan yang sesuai dengan apa yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertanian untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Cumanya saya ingin mencadangkan bahawa makanan ini bukan sahaja dari segi production ataupun pengeluaran tetapi juga pihak kerajaan perlu memberikan insentif cukai kepada teknologi pemprosesan makanan yang perlu dilihat sebagai satu service ataupun perkhidmatan yang juga perlu kita berikan ia pengiktirafan yang dijadikan sebagai satu bahan atau produk untuk dieksport ke luar negara kerana teknologi pemprosesan makanan ini adalah satu teknologi yang saya rasa MARDI banyak telah mempertingkatkan, membuat kajian dan penyelidikan. Saya mencadangkan ini kerana baru-baru ini kami kumpulan Senator ada berjumpa dengan ahli-ahli Parlimen dari Kazakhstan yang telah menyatakan bahawa mereka berminat untuk mendapatkan perkhidmatan ataupun kemahiran tentang teknologi pemprosesan makanan. Jadi ini kita perlulah juga jadikan satu produk yang boleh dieksportkan dan mungkin kalau kita dapat memberi tax incentive mungkin peningkatan untuk terus mengkaji dan memperbaiki dan menjadikan ianya satu pakej produk yang dapat dilaksanakan oleh pihak dan agensi yang berkenaan dan ianya boleh dipertingkatkan kerana adanya intensif-intensif daripada pihak kerajaan terutamanya daripada aspek cukai, jika pun tidak daripada agensi-agensi kerajaan, mungkin daripada pihak-pihak syarikat yang menjalankan penyelidikan dapat menggunakan insentif ini untuk meningkatkan lagi eksport ke luar negara.

Saya juga lihat bahawa mengikut Fasal 8 dan 7 – insurans dan perkapalan, ianya juga dalam bidang perkhidmatan juga diberikan tax incentive untuk menggalakkan pemegang saham dan insurans dan juga dari segi charter perkapalan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan pihak kerajaan sekali lagi memberikan satu ruang untuk memikirkan tentang tax relief dan tax incentive, dengan izin, bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang saya kira boleh juga dijadikan produk-produk untuk dieksport .

Selain daripada teknologi pemprosesan makanan, saya berpendapat bahawa skill ataupun kemahiran dan profesionalisme yang ada di negara ini juga dapat kita eksportkan. Contoh satunya ialah saya berpendapat perkhidmatan kesihatan, apa yang telah diberitahu oleh pihak Kementerian Kesihatan bahawa perkhidmatan kesihatan kita dalam apa sekali kepakaran – sebenarnya saya tanya apakah dia kepakaran kita dari segi perkhidmatan kesihatan yang boleh mendapat pengiktirafan antarabangsa, jadi mengikut Dato' Mahalingam bahawa semuanya adalah bertaraf antarabangsa.

Jadi saya mencadangkan pihak kerajaan memikirkan tax relief dan tax incentive untuk membolehkan pakar-pakar di hospital swasta terutamanya supaya mereka dapat mempromosikan kepakaran kesihatan mereka sama ada jantung atau psychiatrist dan sebagainya untuk kita pasarkan kepada negara-negara, kalau tidak pun ke negara Barat mungkin di rantau ini, kerana kalau Barat pun mungkin dapat pasaran kerana kos kita adalah lebih murah dan memandangkan exchange rates kita juga rendah, besar kemungkinan perkhidmatan kesihatan yang merupakan salah satu daripada isu yang besar contohnya, di Amerika di bawah pentadbiran Clinton, boleh mendapat pasaran. Jadi kalau kita ada insentif-insentif daripada pihak Kementerian Kewangan, besar kemungkinan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan telemedicine sekalipun dapat kita perluaskan.

Saya juga ingin mencadangkan tax incentive dan tax relief ini juga dilihat dari segi service education. Kita tahu, pendidikan juga kita telah

membuat satu visi dan misi menjadikan kita satu pusat pendidikan bertaraf dunia. Ini juga adalah satu daripada perkhidmatan yang saya rasa juga boleh kita jadikan satu produk untuk dapat dieksport ke luar negara, iaitu service, apakah education skill yang kita ada, kaedah-kaedah dan sebagainya.

Yang ketiganya saya juga lihat dari perkhidmatan guaman (legal service) legal firm yang mana perkhidmatan kita juga mungkin ada yang bertaraf antarabangsa juga dapat dipasarkan dan juga sistem perakaunan. Kalau kita lihat, saya baca dalam majalah-majalah yang menyatakan dalam tahun 1998 lebih banyak merges untuk legal firms, accounting firms yang boleh juga merupakan satu perkhidmatan yang boleh juga kita eksportkan ke luar. Tetapi perlulah kita melihat juga daripada aspek tax sebab kita tahu profesional ini dari segi tax kita telah naikkan saya rasa baru-baru ini terutama bagi peguam-peguam atau firma-firma guaman.

Sekarang ini memang banyak merges yang saya terbaca contohnya di France, England, Australia banyak gabungan telah dilaksanakan. Kita tahu bahawa dalam Belanjawan baru-baru ini telah ada beberapa insentif untuk merges tetapi kita tidak masukkan tentang professional group, samalah juga saya harap insentif-insentif tax ini juga dapat digunakan oleh kita kerana sekarang ini ramai antara kita yang telah berjaya untuk menjadi organisers bagi exhibitions yang bertaraf antarabangsa contohnya LIMA dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa kita perlu melihat kepada kepakaran kita dari segi sistem kewangan Islam ini mungkin ada baiknya jika dapat kita pakejkan dan dijadikan produk untuk juga kita jadikan bahan produk yang boleh dieksport satu kemahiran, jika tidak kita menjadikan negara kita sebenarnya pusat sistem kewangan Islam. Ini saya rasa kalau kita ada cukup tax relief, cukup tax incentivenya, besar kemungkinan kepakaran-kepakaran profesional ini dapat terus dipertingkatkan. Jika tidak daripada relief dan dari segi insentif, kalau dapat pihak Kementerian Kewangan memikirkan cara mana kita dapat sebenarnya mengumpulkan kepakaran-kepakaran dari segi otak atau brain ini yang boleh kita gunakan

sebagai bahan eksport kita kerana kita tahu kalau dari segi human resource sumber kepakaran ini ianya yang ada kita boleh gunakan dan saya rasa ini tidaklah perlu kita mengeluarkan banyak modal untuk mendapatkan penghasilan atau pengeluaran. Kita telah ada ramai kepakaran ini, cumanya sekarang cara mana kita dapat membangunkan kepakaran ini agar dapat kita gunakan untuk menambahkan ekonomi negara. Saya rasa tax relief dan tax incentive ini memanglah satu cara yang paling sesuai yang dapat memberikan galakan terutamanya kepada profesional-profesional.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang hartanah iaitu mengenai pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta. Mungkin dalam ini hanya disebutkan tentang notis, tetapi saya inginlah menyuarakan rasa bimbang saya tentang cukai keuntungan hartanah ini yang mana melibatkan juga tentang penjualan harta-harta atau hartanah-hartanah iaitu rumah-rumah. Kita baru-baru ini ada kempen untuk jualan rumah-rumah yang banyak telah membebaskan penjualan hartanah ini daripada syarat-syarat yang dahulunya dikenakan, contohnya FIC.

Saya inginlah mendapat penjelasan kalau boleh oleh pihak kementerian tentang apa peraturan-peraturan FIC yang telah dibubarkan bagi tujuan kempen penjualan rumah. Saya juga ingin tahu apakah incentive ataupun relief yang diberikan oleh pihak kementerian bagi kuota 30% bumiputera, adakah masih dikekalkan dan bagaimana caranya pihak Kementerian Kewangan terutamanya dari segi cukai dapat memastikan bahawa 30% hak bumiputera itu dapat dikekalkan. Adakah mungkin pihak Kementerian Kewangan akan dapat memberikan tax relief dan tax incentive untuk agensi-agensi kerajaan untuk membeli rumah-rumah yang dijual murah ini untuk dipegang sementara sehingga bumiputera dapat membeli rumah-rumah tersebut, Tabung Haji dan sebagainya.

Seperkara lagi, ini perkara teknikal ialah tentang cukai keuntungan hartanah ini juga ada kait mengait saya rasa dengan pembelian atau penjualan rumah yang akan terbuka luas, bagaimana pembelian yang dibeli oleh orang asing. Adakah cukai keuntungan hartanah itu, saya tahu ada beberapa pindaan

yang telah dilaksanakan dan bagaimanakah pihak kementerian hendak memastikan bahawa sekurang-kurangnya ada peraturan yang kekal dipegang oleh rakyat negara ini. Tentulah kita, walaupun memerlukan wang tidak semestinya kita melelong atau menjual apa yang kita ada sehinggakan saya rasa mungkin akhirnya kita terpaksa membeli balik rumah-rumah itu dengan harga yang mahal yang mungkin tidak menguntungkan kita.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bercakap tentang cukai duti setem sebab ia juga ada kena mengena dengan hartanah. Memanglah kita tahu dalam apa yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengatakan satu syaratnya ialah pembeli rumah tidak perlu bayar duti setem. Jadi ini saya ingat adalah juga satu insentif atau relief dan saya ingin hendak tahu apakah rasional pihak Kementerian Kewangan memberi relief itu kerana Dato' Haji Mohd. Zuki dan saya telah berbincang dan kami berpendapat bahawa kerajaan akan kerugian banyak ribu ringgit sebab sebagai peguam kita tahu kebanyakan wang yang dikutip oleh pihak kerajaan ialah sebenarnya daripada duti setem dan kalau duti setem itu dihapuskan tentu sekali ia tidak mendapatkan pendapatan untuk kerajaan apatah lagi kita telah banyak kurangkan berbagai-bagai cukai melainkan cukai judi, arak dan rokok.

Satu perkara yang saya ingin pihak kementerian untuk mengkaji ialah dalam duti setem ini, masa kita membayar duti setem, dia ada prosedur di mana duti setem itu perlu dihantar, dokumen dihantar ke pejabat duti setem dan selalunya ianya lambat diberikan penilaian dan apabila sampai kepada peguam, apabila dokumen itu hendak didaftarkan di pejabat tanah kita dapati kena denda kerana pejabat duti setem lambat memberi penilaian kepada dokumen tersebut, iaitu borang No. 14.

Jadi saya ingin tahu daripada pihak kementerian, adakah sekarang ini komputer digunakan, dan bagaimana computerization itu dapat mempertingkatkan dan mempercepatkan lagi proses-proses dokumentasi pendaftaran dan juga pembayaran duti setem.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan, apakah elemen spekulasi dalam hartanah. Sebenarnya dengan adanya galakan-galakan menjual beli rumah ini

akan menjadi satu kenyataan balik dan kita akan terus mengikut services cycle dalam hal ehwal hartanah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah komen-komen saya dan cadangan-cadangan mengenai Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Saya amat berharaplah bahawa pihak Kementerian Kewangan memberikan penumpuan tentang penguatkuasaan undang-undang dengan sepenuhnya sebab Menteri Kewangan II dalam menjawab perbincangan belanjawan telah mengakui bahawa ada tiga perkara penting yang sangat diperlukan di dalam menentukan ekonomi akan terus meningkat iaitu satunya, kedaulatan undang-undang, (rule of law) dapat dilaksanakan; peraturan akaun (rule of accountancy) dapat dilaksanakan dan yang ketiganya, wujudnya “corporate governance, good governance” seperti kata beliau hari itu.

Jadi saya berpendapat bahawa apa pun yang dapat kita laksanakan ianya sangat berteraskan kepada penguatkuasaan undang-undang walaupun beliau berkata sikap pegawai-pegawai atau sikap kita melaksanakan itu yang penting. Tetapi saya juga mengatakan bahawa sikap itu tidak dapat dibentuk jikalau tidak ada disiplin dan tidak berteraskan undang-undang. Jadi undang-undang begitu penting dan saya ingin mengambil kesempatan ini memandangkan isu-isu undang-undang begitu menjadi ketara dan begitu menjadi isu-isu yang banyak dipercakapkan.

Kita tidak mempunyai satu suara yang mutlak dari pihak kerajaan iaitu seorang menteri untuk menjawab tentang undang-undang dan seterusnya kita tidak juga wujud satu kementerian khas untuk undang-undang untuk menyelidik, untuk mengkaji agar undang-undang baru dapat diwujudkan dengan cara lebih comprehensive bukan hanya apabila satu-satu kementerian itu memerlukan tetapi perlulah satu kementerian diwujudkan di mana ianya hanya memikirkan tentang sistem perundangan, tentang undang-undang yang berkaitan dan bagaimanakah kita dapat mengubah undang-undang jika tidak kita melihat kepada perlembagaan itu sendiri yang perlu juga disemak dan seterusnya kita mengadakan penyelidikan dan kajian dan seterusnya juga saya berpendapat dengan adanya kementerian yang khusus, penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Ramai juga yang berpendapat, saya rasa di Dewan Rakyat juga ada menyuarakan adalah baiknya jikalau dapat

dipulihkan balik Kementerian Kehakiman untuk dapat kita manfaatkan bagi tujuan-tujuan pengkhususan dan tujuan memperkukuhkan sistem perundangan, penyebaran undang-undang, penyelidikan dan kajian dan juga penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang ingin saya sampaikan dan saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

3.20 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk hendak mengambil bahagian sedikit sahaja berkenaan dengan rang undang-undang yang dibawa oleh pihak kerajaan iaitu Rang undang-undang Kewangan (No.2) 1998.

Rata-rata kita nampak pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dan juga pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 serta pindaan berkenaan dengan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 bertujuan untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti perekonomian di negara kita ini. Saya tertarik dengan Fasal 10 yang menceritakan untuk pihak kerajaan mengecualikan cukai kepada syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan pengeluaran bahan-bahan pertanian yang berunsurkan makanan.

Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kajian dibuat berasaskan cadangan rang undang-undang ini, berapa banyakkah jumlah kecairan (liquidity) pihak kerajaan yang mungkin tidak dapat dikutip kerana ianya diberikan relief kepada syarikat-syarikat. Memanglah elok kalau syarikat-syarikat gergasi seperti Sime Darby, Guthrie, selain daripada menjalankan usaha-usaha hartanah dan lain-lain, mereka berkecimpung juga di dalam bidang pertanian khususnya pengeluaran makanan dan berasaskan kepada itu mendapat relief cukai. Kita hendak tahulah adakah pihak kerajaan menggambarkan sejauh mana dari segi hasil pengeluaran bahan-bahan makanan ini dapat dipertingkatkan menerusi relief yang akan diberi kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Ia juga mungkin akan menggalakkan dari segi pembangunan dan penyelidikan atau research and development (R&D) dalam bidang-bidang pertanian, terutama sekali menyokong dan melaksanakan apa sahaja penyelidikan yang dibuat oleh MARDI dan sebagainya, kerana saya dapati peruntukan daripada pihak kerajaan untuk menjalankan research and development ini agak terhad dan juga apa yang dihasilkan oleh MARDI misalnya, berkemungkinan ia diterima atau diguna pakai oleh syarikat-syarikat conglomerate ini tetapi jangka waktu hasil penyelidikan dan pengimplementasian kegunaannya mungkin mengambil masa yang begitu panjang.

Mungkin dengan adanya pengecualian cukai ini kita dapat mempercepatkan lagi proses mengusahakan, meng'implement'kan research and development hasil-hasil penyelidikan yang dibuat oleh MARDI dan pusat-pusat lain, dapat kita pasaran (commercialize) dengan izin, dengan secepat mungkin dan ini akan meningkatkan lagi tahap pengeluaran terutama makanan di negara kita dan sekali gus mengurangkan content import dari segi makanan daripada luar negara. Saya perhatikan kita ini masih banyak sangat mengimport daripada India, misalnya bawang, lembu dan sebagainya. Adakah dengan adanya peruntukan seperti ini dapatkah pihak kerajaan membayangkan sejauh mana ianya

memberikan keberkesanan yang meningkat kepada syarikat-syarikat kita, kepada MARDI dan sebagainya untuk memperhebatkan lagi hasil pengeluaran makanan.

Saya juga ingin menyentuh Fasal 11 kerana kita dapati di sini saya mohon untuk membacanya, “Perenggan 35A dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan bunga.....”, Saya memang tidak tertarik dengan perkataan ‘bunga’ ini. Bunga ini equivalence dalam bahasa Inggerisnya mungkin ‘interest’, jadi apabila kita sebut ‘bunga’, ia terbayang kepada kita usury satu perkataan mungkin tidak seimbang dengan tuntutan Islam. ‘Bunga’ ini seperti faedah, lebih teruk daripada faedah, seperti riba, ia ada connotation, dengan izin.

Jadi saya mohon mencadangkan kepada pihak kerajaan menggunakan perkataan-perkataan istilah yang tidak mempunyai implikasi yang boleh menjejaskan dari segi spirit of the law, menjejaskan maknanya. Jadi kalau perkataan ‘bunga’ digunakan dan ianya ada mempunyai konotasi dengan perkataan ‘riba’ saya minta perkara ini kita elakkanlah. Kalau dalam bahasa Inggerisnya kita lihat ‘interest’ and it is ‘faedah’, maka kita gunakanlah faedah atau perkataan yang lebih canggih lagi.

Saya perhatikan dalam Belanjawan tahun-tahun yang lepas, Menteri Kewangan dahulu, setiap belanjawan sekurang-kurangnya ada 40 perkataan baru. Perkataan-perkataan baru yang kita terpaksa menggunakan kamus, istilah-istilah yang klasik dan canggih tetapi kali ini syukur alhamdulillah, Belanjawan kali ini, simple sahaja. Jadi saya hendak mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan. Tidak payahlah kita gunakan perkataan-perkataan klasik dan kuno, Jawa kuno dan sebagainya, sehinggakan menenggelamkan semangat belanjawan kerana ianya menggunakan bahasa-bahasa yang mengelirukan pengertiannya terpaksa rujuk kepada kamus, kena bercerita pula asal usul sesuatu perkataan. Jadi perkataan ‘bunga’ ini, saya rasa elok kita cari jalan lain untuk menggunakan perkataan lain supaya tidak ada mempunyai konotasi yang bercanggah.

Saya hendak bertanya juga kepada kerajaan terutama sekali dari segi pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Dahulu saya pernah bertanya adakah kawalan kita dari segi tindakan untuk hendak mengasingkan, dengan izin, ‘decoupling’, mengasingkan spekulasi kepada mata wang kita, Ringgit dan spekulasi terhadap dari segi pelaburan jangka pendek kepada saham-saham kita yang telah kita asingkan. Apabila kita tutup CLOB, apabila kita adakan kawalan terpilih dari segi mata wang dan modal, adakah dengan mewujudkan Fasal 17 ini ianya membocorkan dari segi kewangan. Saya lihat aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan ini dapat juga kita menjelaskan usaha dengan mereka yang bermastautin di negara kita. Resident, saya tidak tahu adakah ianya resident dari segi status, adakah ianya mengaitkan orang yang tinggal di Kuala Lumpur boleh berniaga luar pesisir ini, selepas itu dapat pengecualian daripada cukai ataupun dari segi apa, saya tidak faham. Adakah mereka terpaksa tinggal di Labuan, non-resident di situ sebagai menjalankan aktiviti-aktiviti dan transaksi perniagaan luar pesisirnya dan juga penggunaan mata wang kita sendiri, Ringgit.

Saya dahulu difahamkan Ringgit ini hendak diantarabangsakan, to internationalize, kalau kita mengantarabangsakan mata wang Ringgit kita, ini juga akan membocorkan kawalan kita. Adakah ini maksudnya? Saya lihat di situ “Menteri boleh meluluskan aktiviti perdagangan luar pesisir, transaksi .dijalankan dalam mata wang Malaysia”. Saya tidak faham adakah ianya bercanggah dengan modal yang kita hendak kawal ataupun ianya merupakan transaksi-transaksi pengeluaran pesisir tetapi dapat

dikawal. Bagaimana cara kita hendak kawal? Saya tidak faham dengan Fasal 17 maksud dan spiritnya.

Jadi kalau dapat pihak kerajaan memberitahu kita daripada pindaan-pindaan ini termasuklah pindaan yang saya ucapkan syabas, mereka yang mendapat pencen pun tidak kena cukai, saya tidak tahu adakah sekarang ini kita terpaksa membayar cukai. Saya difahamkan cukai kepada pencen kecuali mereka seperti Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dapat pencen Speaker di Pahang, selepas itu mungkin dapat pencen sebagai bekas ahli Senat, kemungkinan satu sahaja dikenakan cukai. Kalau sekiranya sebagai Speaker negeri Pahang dia dapat lebih tinggi lagi pencennya daripada pendapatan pencen bekas ahli Senat, kemungkinan yang di Pahang dikenakan cukai, yang bekas ahli Senator ini mungkin tidak dikenakan cukai, saya tidak tahu.

Adakah ia bermaksud mengecualikan penafsiran cukai kepada semua pencen-pencen dan sekali gus meningkatkan kecairan kewangan dan juga dari segi, dengan izin, consumption level di negara kita atau apakah maksudnya? Kerana rata-rata pengecualian ini seolah-oleh hendak meningkatkan dari segi perbelanjaan oleh mereka yang dahulunya kena cukai dan sekarang tidak kena cukai. Meningkatkan dari segi pelaburan, kalau dahulu terpaksa membayar cukai dari segi pengeluaran makanan dan sebagainya, sekarang mungkin dapat group relief dari segi mengintegrasikan dengan aktiviti-aktiviti perniagaan lain oleh syarikat-syarikat besar.

Jadi kemungkinan juga kalau kita kaji fasal demi fasal kepada tiga kumpulan pindaan ini, berapakah peningkatan kecairan atau liquidity dalam sistem kecairan kewangan kita yang dapat kita hasilkan dan apakah pula pendorong, berapa banyakkah pelaburan (investment) yang dapat didorong oleh relief yang kita beri ini. Ini boleh memberikan kita sedikit sebanyak dari segi mikro ekonominya, impak kepada pemulihan ekonomi yang kini sedang dijalankan oleh kerajaan. Saya ucapkan syabas yang saya ingin tahu sekarang apakah implikasi dan impaknya kepada sistem perekonomian dalam kita mengatasi masalah krisis ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

3.28 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya keizinan untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1998. Kemungkinan perbahasan saya pendek sahaja kerana kebanyakannya telah pun ditekankan dan dihuraikan oleh sahabat saya iaitu Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Timbalan Menteri Besar Pahang dahulu dan saya tidak tahu adakah cukai Timbalan Menteri Besar itu boleh disamakan dengan cukai pencen Senator nanti.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang kita hendak bahaskan di sini ialah kita hendak meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar

Pesisir Labuan 1990. Ketiga akta ini yang ada kaitannya dengan kewangan, oleh itu disebutlah Rang Undang-undang Kewangan (No. 2), 1998.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Fasal 4 “faedah yang terdiri daripada tambang cuti antara Malaysia dengan mana-mana tempat di luar Malaysia adalah dihadkan kepada RM3,000 sahaja.” Kita berasa bangga pada masa sekarang ramai rakyat Malaysia yang telah pun pergi melancong bukan sahaja di dalam negara ini tetapi juga di luar negara. Ini adalah satu petanda yang amat baik. Bagaimana pula kita hendak menggalakkan ramai lagi rakyat Malaysia pergi melancong di dalam negeri dan luar negeri. Kepada rakyat di luar negara, di negara-negara asing seperti di negara Eropah, di England menjadi satu kemegahan apabila mereka pergi bercuti dan balik daripada cuti. Kalau di pejabat dalam sehari, dua hari itu dia bercerita bukannya hal pejabat, tetapi menceritakan hal dia bercuti. Sahabat dia akan bertanya ‘awak nampaknya kulit sudah hitam-merah’. ‘Oh, ya, saya telah pun pergi bercuti ke negeri Perancis selama dua minggu dan saya telah belanja sekian banyak. Habis separuh daripada simpanan saya pada tahun ini saya telah belanjakan untuk cuti.’

Tetapi ini tidak bermakna bahawa saya hendak menggalakkan atau menyeru rakyat berbelanja untuk cuti sampai habis, tidak ada simpanan. Tetapi yang saya suka merayu kepada kerajaan iaitu untuk menggalakkan lagi ramai rakyat Malaysia pergi bercuti di dalam negeri dan di luar negeri. Saya mencadangkan supaya tiap-tiap tahun cukai pendapatan dipotong sebanyak RM3,000 jikalau dia pergi bercuti di dalam negeri dan sebanyak RM6,000 di luar negeri. Faedahnya amat banyak kepada rakyat kita jikalau mereka pergi bercuti. Bermakna mereka akan balik daripada cuti akan bekerja lebih kuat lagi dan produktiviti akan meningkat.

Yang kedua, kalau kita bercuti ke luar negara kita dapat mengetahui apa yang berlaku di luar negara bukan sahaja melalui peti kaca televisyen, tetapi kita tengok dengan mata kita sendiri. Sekarang ini sudah ramai orang Malaysia pergi ke luar negara saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ke Australia.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ke Australia khususnya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ke Australia, New Zealand khususnya termasuk Tuan Yang di-Pertua telah pun pergi ke Australia empat bulan dahulu. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua merasa sangat gembira dapat berjumpa dengan Speaker-speaker di Dewan Undangan di Australia.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin. Saya tidaklah mengatakan Tuan Yang di-Pertua pergi bercuti waktu itu. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua mengetuai satu rombongan di mana saya difahamkan juga entah macam mana tiap-tiap kali pergi luar negara Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki lekat sama. *[Ketawa]* Maknanya dia mengekori sahaja. Jadi, saya ingin mengatakan di sini kalau sekiranya pada masa yang akan datang Tuan Yang di-Pertua pergi mengetuai satu rombongan bawalah yang lain-lain juga, tidak perlu orang yang sama sahaja. Tetapi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki kerana bertujuan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya baru sekali itu sahaja.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya pun faham. Tetapi orang lain lebih kerap daripada itu. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Zuki adakah kita ini hendak menggalakkan, kerana relief yang disebutkan RM6,000 untuk luar negara, RM3,000 untuk percutian dalam negeri. Adakah dengan sedemikian rupa kita menggalakkan pelancong-pelancong daripada Malaysia untuk melancong ke luar negara kerana ini akan mengakibatkan dari segi imbalan akaun semasa kita terumbang-ambing, kerana ramai esok pergi dengan relief RM6,000 setahun ini. Jadi, adakah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bersetuju kalau saya cadangkan kepada pihak kerajaan bahawasanya tidak payahlah kita bekerja hari Sabtu. Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan seramai 850,000 itu lewat sedikit bekerja sampai pukul 5.30 petang daripada sekarang ini. Selepas itu hari Sabtu tidak bekerja. Maknanya pada weekend, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pada waktu itu dia boleh pergi sama ada hendak pergi ke Genting atau ke Tioman

dan sebagainya. Jadi, ini hendak memberikan peningkatan mereka melancong di dalam negara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya duduk tadi saya ingatkan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz sedang berbahas. Jadi, saya pun duduk lama sedikitlah. Saya ingat dia membahas, rupanya dia hendak buat penjelasan dan bertanya kepada saya. Panjang sangat dia minta penjelasan tadi. Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Dato' Abdul Aziz belum - tunggu lagi. Yang Berhormat kena tunggu sekejap dahulu baru saya sampai ke tempat itu. Yang sebenarnya Dato' Aziz baru balik dari Bangkok. Dia pergi bercutikah ataupun dia pergi atas rombongankah atau atas satu usaha kerja....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu adalah hal bola, Asian Football Association.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dia pergi melancong sekejap ke Bangkok sehari-dua itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan saranan Yang Berhormat Dato' Aziz, sahabat saya. Sungguhpun saya bertikam lidah dalam perbahasan ini, walau bagaimanapun, dia adalah sahabat saya yang kekal. *[Ketawa]* Dalam politik tidak ada permanent enemy dan permanent friend. Tetapi bagi saya dari segi sahabat ada permanent friend. *[Tepuk]* Saya memang bersetuju kalau kita adakan cuti hari Sabtu. Hari minggu dua hari dan kita bekerja lebih sedikit setengah jam untuk mengganti hari Sabtu. Saya memang sokong benar semoga dapatlah rakyat kita melancong selain daripada bersama-sama dengan keluarga yang disayangi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu keadaan negara kita sekarang ini ekonomi kita tidak menentu. Insya-Allah, ianya akan pulih kembali. Tujuan saya satu daripada sebabnya kita menggalakkan ramai orang melancong ke luar negara supaya rakyat Malaysia yang keluar itu sambil melancong boleh mencerita kepada rakyat luar negara dan kepada kerajaan mereka apa yang berlaku di negara kita ini. Sekarang ini dari segi perkembangan berita berkenaan negara kita ini di luar negara amat kurang. Ini satu daripada cara

untuk mengatasi dakyah yang dilempar oleh negara-negara Barat khususnya kepada negara ini. Jadi, kalau kita pergi sudah tentu kita bertemu dengan rakyat British misalnya di Marble Arch, London. Orang Putih, kalau dia tegur sahaja 'good evening sir, how's the weather?' Jadi, kita start conversation. Bila dia tanya 'how's the weather today?', dengan izin. 'Oh it's very nice' kita pun terus cakap. 'Have you been to Malaysia?' 'Awak sudah pergi ke Malaysia atau tidak?' 'Oh, saya tidak tahu di mana Malaysia, is it near Singapore?' Itu jam kita pun beritahu dia betul-betul. Jangan tidak tahulah, negara Malaysia terletak antara Bangkok dan Singapura.

Jadi, kita hebohkan, kita cerita panjang sedikit sambil kita pergi melancong. Itulah gunanya kita pergi ke luar negara untuk melancong. Jadi, dari segi kewangan memang ada masalah. Tetapi apabila kita perbetulkan keadaan dalam negara kita di luar negara, insya-Allah, kegawatan ekonomi akan kurang. Sebab sekarang ini kalau saya cerita itu ialah berkenaan dengan masalah keyakinan pelaburan untuk melabur di negara kita ini, sebab mereka tidak yakin. Mereka memang nampak ada reformasi, pergaduhan, pukul-memukul. Rupanya benda ini berlaku di Jakarta, Indonesia, bukan di Kuala Lumpur sangat.

Tetapi tafsiran orang luar, inilah Kuala Lumpur. Sepertimana yang saya cerita, pergi ke New Zealand ada New Zealand couple hendak datang ke sini yang saya cerita kelmarin dulu itu, dia tidak mahu singgah di sini kerana takut. Saya kata, tidak ada apa-apa masalah, mari, saya kata, saya gerenti memang tidak ada apa yang akan berlaku di sana. Dia kata, kalau begitu saya akan singgah di Kuala Lumpur. Itu sebabnya saya hadir di New Zealand jadi dapatlah dia melancong ke Kuala Lumpur dan duit luar masuk, dengan ini negara kita akan menjadi lebih baik dari segi kewangan.

Inilah sebabnya saya hendak mencadangkan supaya kita pergi melancong ke luar negara dan RM6,000 dikecualikan daripada cukai pendapatan. Kalau Datuk Michael Chen pergi dua kali, dapat sekali sahaja, setahun sahaja dapat, tidak boleh dua kali, Tuan Yang di-Pertua. Itu berkenaan dengan percutian dan dapat pelepasan daripada cukai.

Berkenaan dengan cukai pendapatan, saya ucapkan terima kasih dan saya sanjung tinggi dari segi pegawai-pegawai dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri ini sebab mereka sekarang ini adalah menggambarkan satu friendly tax people, dengan izin, jadi ini memudahkan mendapat cukai, di mana orang berani pergi ke pejabat-pejabat cukai di merata negara kita ini, menceritakan masalah-masalah cukai, tidak macam dulu. Masa dulu itu hendak cari salah sahaja, awak tidak bayar cukai, kami akan denda, kami akan tangkap, jadi orang takut. Bila sebut sahaja cukai pendapatan, tax office, orang takut. Sekarang ini kita jangan adakan itu, kita jadikan orang suka, kalau misalannya kita dapat RM50,000 kita hendak bayar cukai seperti juga kita bayar zakat.

Satu lagi cadangan saya supaya zakat ini menjadikan satu tempat kita membayar cukai. Bermakna, kalau orang Islam dia bayar cukai, dia bayar zakat, bermaknanya cukai tidak perlu bayar. Masalah untuk mengatasi macam mana perbelanjaan negara, pembangunan, itu adalah pihak kerajaan untuk mengkajikannya. Bermaknanya, kita boleh pilih untuk bayar zakat kalau cukai kita kena bayar RM50,000 setahun, zakat kita lebih kurang dalam RM50,000 juga, jadi kita tidak perlu bayar cukai pendapatan, kita bayar zakat sahaja. Kalau kita bayar zakat RM30,000, RM20,000 lebih lagi kita bayar kepada cukai pendapatan.

Jadi saya mencadangkan bolehlah pihak kerajaan memikirkan bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Dari segi banyak kelonggaran-kelonggaran, pengecualian-pengecualian yang kita beri dalam rang undang-undang baru-baru ini, kita haraplah pihak Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri akan dapat mengadakan pegawai-pegawai untuk memastikan bahawa cukai-cukai yang lain dapat dikutip.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua lagi, saya hendak sentuh sekali lagi berkenaan cukai keuntungan hartanah. Dalam keadaan sekarang kita tahu banyak sangat rumah-rumah banglo, kedai yang tidak terjual. Tetapi dalam kempen yang sebulan ini, baru-baru ini di Johor Bahru sahaja sejumlah RM15 juta telah dapat dijual. Dahulunya semasa ekonomi kita tengah meningkat sangat, cukai hartanah ini tidak ada, jadi orang beli rumah, beli tanah, jual.

Beli bulan ini, empat bulan akan datang, jual. Jadi maknanya pembelian, penjualan itu berlaku setiap masa. Jadi apakah salahnya pihak kerajaan memikirkan bahawa cukai hartanah ini kita tangguhkan buat sementara supaya orang ramai banyak membeli rumah untuk hendak duduk dan juga untuk hendak jual.

Sekarang ini kalau kita beli rumah ataupun tanah, kita kena bayar cukai. Tahun pertama, sekian banyak, tahun yang kedua, sekian banyak, tahun ketiga sekian banyak. Saya rasa selepas lima tahun barulah tidak ada cukai. Jadi maknanya pegangan terhadap harta itu lama sangat. Oleh itu duit itu tidak bergerak. Sekarang ini kita hendakkan lebih sedikit kecairan duit itu, maknanya duit itu bergerak dalam negara kita ini. Beli jual, beli jual. Untung simpan, beli lagi, jual lagi, beli lagi. Jadi perkara-perkara ini akan berlaku jikalau kita tidak ada cukai hartanah yang mana kalau kita beli harta keuntungan itu kena cukai.

Tuan Yang di-Pertua: Cukai tanah seksyen berapa?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, cukai tanah adalah Bab 3 Fasal 11. Tuan Yang di-Pertua teringin hendak membeli rumah itu sebab

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, sebab saya ingat saya bayar cukai tanah setahun sekali bukan?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ini cukai hartanah. Hartanah kalau kita membeli bangunan - Real Gain Property Act, dengan izin, jadi dengan itu dapatlah pergerakan wang itu berlaku di negara kita ini. Yang sebenarnya masalah kita ini ialah, dengan izin, the engine of growth kurang sedikit, duit itu tidak berpusing. Kebanyakan orang yang takut sekarang ini simpan, sebab dia tidak tahu ekonomi pada 1999 apa akan jadi, ekonomi akan naikkah atau akan turun dan oleh itu orang-orang yang ada duit dia takut. Dia takut pergi melancong, dia takut membeli rumah, dia takut rumah akan turun lagi, dia takut main saham, sebab saham akan turun lagi. Oleh itu bila semua orang memikirkan begitu sudah tentu saham akan turun. Sebab kalau kita tengok dari segi pelaburan saham sekalipun 21% sahaja adalah pelaburan

daripada luar negara, yang selain itu adalah pelaburan-pelaburan tempatan. Oleh itu kita hendak lagi pergerakan kewangan ini dilakukan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya tidak ada apa lagi hendak dikatakan. Saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1998 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

Dato' Dr. Haji Mohd. Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah, Yang Berhormat Puan Kamalia Ibrahim, Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz bin Mohd. Yassin dan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan No. 2 1998 ini.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah telah pun menyatakan kebimbangan beliau mengenai kelemahan-kelemahan yang patut kita kenal pasti dalam pasaran saham. Krisis ekonomi yang melanda negara kita telah menunjukkan pelbagai kelemahan dan kekurangan dalam industri sekuriti yang memerlukan langkah-langkah untuk mengatasinya bagi memulihkan kembali keyakinan terhadap pasaran modal di Malaysia ini. Di antara kelemahan-kelemahan ini yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:-

- (i) dengan regangan saham tanpa dizahirkan, identiti pemunya, beneficial yang utama dijalankan dengan begitu mudah dan dalam masa yang sama jadi sebab kenapa naik turun harga saham dan kegiatan manipulasi harga-harga saham secara artificial yang dibangkitkan oleh Puan Mastika Junaidah tadi. Kekurangan ketelusan dalam dagangan saham melalui nominee adalah disebabkan identiti pembeli dan penjual tidak dizahirkan kepada pasaran atau dizahirkan melalui dagangan luar pasaran yang tidak dibenarkan sama ada dagangan domestik atau luar pesisir terutamanya yang dikatakan tadi ialah melalui CLOB;

- (ii) kekurangan tentang keperluan penzahiran di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Dalam rang undang-undang tersebut kategori orang yang perlu dizahirkan, nilai ambang bagi penzahiran itu dan masa bagi membuat laporan telah menyukarkan pihak-pihak berkuasa untuk menyiasat dan mengambil langkah-langkah wajar bagi transaksi-transaksi yang menjejaskan aktiviti pasaran saham.
- (iii) kekurangan keupayaan oleh semua badan pengawal selia yang terlibat untuk menguatkuasakan dan mengambil tindakan-tindakan serta merta ke atas mereka yang melanggar kaedah-kaedah dan undang-undang mentadbirkan industri sekuriti ini. Ini termasuklah Suruhanjaya Sekuriti mengenai kuasa menyelia dan menyiasat BSKL, pusat penyelarasan yang diiktiraf iaitu Security Clearing Automated Network Services (SCAN) dan Depositori Pusat Malaysia (MCD) yang merupakan industri kawal selia sendiri untuk mengambil tindakan yang efektif terhadap pelanggaran kaedah-kaedah mereka itu.

Jadi untuk tujuan itu seperti mana kata Yang Berhormat Puan Hajah Mastika tadi, selaras dengan objektif pelan pemulihan ekonomi negara dan keperluan mengembalikan keyakinan ke atas pasaran, tindakan-tindakan secara pentadbiran dan undang-undang telah pun diambil dengan serta merta. Tindakan secara pentadbiran telah pun diambil dengan meminda kaedah-kaedah BSKL, MCD dan SCAN yang mula berkuat kuasa 1 September 1998 yang lalu. Tindakan undang-undang pula adalah perlu bagi memastikan tindakan yang diambil itu adalah sah dari segi undang-undang.

Jadi undang-undang yang telah dipinda ialah Akta Penyelarasan Sekuriti, Depositori Pusat 1991, Akta Penyelarasan Sekuriti 1983 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada. Ini telah pun sama-sama kita bincangkan sesi lepas dan telah pun kita luluskan untuk mengemaskinikan lagi pasaran saham kita.

Yang keduanya, mengenai group relief bagi pengeluaran makanan ataupun jenis makanan yang diberi galakan. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika telah pun mengatakan bahawa dengan adanya group relief ini maka dapat kita menyemarakkan lagi hasil pemakanan untuk mengurangkan import. Pada peringkat permulaannya, beberapa jenis makanan telah dikenal pasti layak untuk mendapat insentif ini iaitu jagung untuk makanan haiwan, ternakan lembu, ternakan ikan atau cage-culture dan perikanan laut dalam, lain-lain jenis makanan akan dikenal pasti dan akan ditambah dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika juga telah menyatakan mengenai industri perkapalan dan beliau telah mengatakan bahawa orang-orang Melayu dahulu rajin pergi belayar ke negara-negara di seluruh pelosok dunia dan telah ternama dengan ahli pelayaran. Kalau kita lihat sekarang kajian yang terperinci sedang dijalankan oleh agensi-agensi pusat dan juga Kementerian Pengangkutan memandangkan masih banyak lagi muatan barangan eksport dan import Malaysia masih diangkut menggunakan kapal asing ini. Kementerian yakin Malaysia mempunyai kapasiti untuk meningkatkan perkembangan dalam industri perkapalan. Dengan ini pengecualian cukai pendapatan terus diberi untuk membantu memperteguhkan kedudukan kewangan Syarikat Perkapalan Malaysia supaya ia dapat berkembang meningkatkan freight kapal Malaysia. Di sini juga ada masalah-masalah yang dibangkitkan dahulu mengenai pekerja-pekerja tempatan dalam industri perkapalan ini dan kita berharap dari masa ke semasa dengan adanya akademi laut kita di Melaka dapat kita berusaha dan meramaikan lagi pekerja-pekerja tempatan dalam industri perkapalan ini.

Yang Berhormat Puan Kamilia telah pun mengatakan bahawa mengikut Fasal 5 pindaan kepada perenggan (34)(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1977 untuk memberi kuasa kepada Menteri dan bukan lagi kuasa pihak berkuasa yang berkenaan bagi sesebuah daerah sebagai pihak berkuasa untuk memberi kelulusan bagi sesuatu potongan cukai di bawah perenggan tersebut yang melebatkan pemberian sumbangan kumpulan awam dan projek kebajikan atau kemasyarakatan berhubung dengan pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur. Dengan adanya menteri sahaja yang boleh meluluskannya maka

dapat kita memantau perkara ini. Setakat ini untuk pengetahuan Yang Berhormat hanya ada satu permohonan sahaja selepas insentif ini diperkenalkan sejak tiga tahun lalu kerana bilangan pemohon yang sedikit, Kementerian Kewangan mempunyai keupayaan untuk proses permohonan-permohonan ini dan oleh kerana itu kita beri kuasa kepada Menteri sahaja dan bukan kepada jawatankuasa-jawatankuasa ataupun jabatan-jabatan yang lain di peringkat local untuk memberi kuasa tentang perkara ini.

Yang Berhormat Puan Kamelia juga telah mencadangkan insentif cukai kepada teknologi pemprosesan makanan sebagai satu perkhidmatan yang dapat meningkatkan potensi eksport, begitu juga dengan kepakaran kesihatan dan juga pendidikan. Mengenai cadangan itu untuk memberi galakan kepada perkhidmatan teknologi pemprosesan makanan, kementerian akan mengkaji cadangan ini untuk memaklumkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini telah terdapat galakan cukai bagi approve service projects dalam perkhidmatan pengangkutan, telekomunikasi dan utiliti iaitu elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan.

Di samping itu syarikat yang terlibat dalam pengeksportan perkhidmatan, perundangan (legal), perakaunan, kejuruteraan, seni bina, pemasaran, urusan pembinaan dan juga perkhidmatan pengurusan kesihatan dan pendidikan adalah layak mendapat pengecualian cukai yang bersamaan dengan 10% daripada peningkatan dalam nilai eksport yang berkenaan. Kalau kita lihat tahun 1985 apabila kita telah diserang oleh kegawatan ekonomi, kita telah pun meminda balik segala pelepasan dan segala cukai yang ada untuk membolehkan pelabur-pelabur asing datang balik ke negara kita.

Selepas itu apabila economic cake atau kuih ekonomi itu semakin melebar dan melebar baru kita pecahkan balik mengikut rakyat kita, Melayu, Cina, India dan lain-lain dan selepas itu barulah kita ketatkan balik perundangan yang ada. Tetapi walau bagaimanapun, dalam keadaan sekarang seperti mana yang saya katakan tadi perkhidmatan misalnya MSC kita bagi ekuiti 100% kepada orang luar, insurans 90% dan sebagainya.

Mengenai cukai keuntungan hartanah, kadar cukai yang lebih tinggi dikenakan kepada individu yang bukan warganegara atau penduduk tetap (permanent resident). Kadar ini ialah seperti berikut:

- (i) pelupusan dalam tempoh lima tahun ialah 30% dari tarikh perolehan; dan
- (ii) pelupusan dalam tahun keenam ialah 5%.

Ini kita galakkan kerana kita tahu bahawa dalam industri perumahan ini kebanyakan orang tempatan akan cuba membeli rumah RM250,000 ke bawah. Jadi di situlah kita dapat melihat bahawa banyak permintaan dari orang tempatan tetapi kondominium-kondominium harga tinggi tidak dibeli oleh kebanyakan orang tempatan, jadi kondominium yang harga tinggi ini RM250,000 ke atas dilepaskan kepada orang-orang luar permanent resident dan sebagainya.

Apakah rasional menjual rumah di bawah kempen pembelian rumah kerajaan kerana kita tahu dalam perumahan seperti mana kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi banyak rumah yang terdiri tetapi tidak dapat dijual. Jadi dengan adanya kempen ini dapat kita cuba balik memulihkan industri pembinaan dan perumahan ini. Kempen ini terhad selama satu bulan sahaja dan ia bertujuan untuk memulihkan pasaran hartanah supaya bangunan yang sedang dibina mendapat pembelinya. Langkah ini dijangka akan dapat membantu memulihkan dalam pasaran hartanah dan seterusnya dapat membantu memulihkan sektor yang berkenaan seperti dengan adanya pembinaan perumahan ini, besi keluli pun naik balik, simen naik balik dan berbagai-bagai lagi perkhidmatan akan naik balik hasil daripada pembinaan rumah ini. Jadi ini secara keseluruhannya dapat membantu pemulihan ekonomi yang akan tercetus daripada pemulihan sektor hartanah ini.

Yang Berhormat Puan Kamelia juga telah menanyakan mengenai pengecualian duti setem, mungkin akan melibatkan dokumen lambat hantar kepada Pejabat Penilaian, untuk nilai dan ini bagaimana kita hendak mengatasinya. Pejabat Duti Setem pada masa sekarang ini mengikut satu masa ataupun standard untuk menghantar dokumen ke Pejabat Penilaian iaitu dalam

tempoh lima hari kerja (5 working days) daripada tarikh dokumen diterima. Denda akan hanya dikenakan jika duit setem dibayar selepas 30 hari daripada tarikh notis yang dikeluarkan dan sebelum itu denda tidak dikeluarkan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah pun menyatakan Fasal 11 perkataan 'bunga' ini. Jadi perkataan bunga ini telah digunakan kerana ini adalah istilah undang-undang untuk perkataan faedah dan kita akan memberitahu pandangan Yang Berhormat kepada Accountant General nanti supaya perkataan bunga ini banyak connotation daripada segi agama dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah menanyakan Fasal 17 adakah pindaan ini akan membocorkan pengasingan Labuan dengan Kuala Lumpur. Jadi tujuan pindaan ini adalah semata-mata untuk membenarkan sesetengah aktiviti luar pesisir yang dijalankan dengan pemastautin Malaysia dicukai di bawah rang undang-undang yang dibentangkan, tiada kebocoran kerana peserta luar pesisir ini masih tidak boleh menjalankan perniagaannya dengan pemastautin melainkan ianya mematuhi garis panduan yang telah kita tetapkan iaitu yang dikeluarkan oleh LOFSA mengenai kebenaran berurusan dengan pemastautin.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki telah menyatakan mengenai pilihan untuk membayar sama ada cukai pendapatan zakat ini. Pada masa ini bagi individu bayaran zakat dibenarkan sebagai rebate, contohnya cukai pendapatan ialah RM10,000 dan bayaran zakat ialah RM6,000 cukai pendapatan yang perlu dibayar ialah RM4,000. Walau bagaimanapun, rebate ini tidak diberi kepada syarikat-syarikat, jadi perkara ini telah dibangkitkan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki sesi yang lepas, saya ingat lagi dan inilah jawapannya.

Cadangan supaya potongan cukai diberi sebanyak RM3,000 bercuti dalam negeri dan RM6,000 bercuti di luar, cadangan ini sukar untuk dipertimbangkan...

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Maknanya kita boleh dapatkan dengan izin rebate, tetapi kalau

kita hendak bayar lebih daripada dua setengah peratus, seperti mana yang kita bayar zakat bolehkah itu dikecualikan, sebab bukan hendak mengelak membayar cukai yang biasa ini, tetapi rasanya kita hendak dapat pahala lebih sedikit, maknanya kalau pendapatan lebih sedikit, kita bayar cukai lebih daripada dua setengah peratus, Tuan Yang di-Pertua, katakanlah kita bayar 10 peratus, adakah gangguan daripada segi ini, daripada segi cukai pendapatan biasa.

Dato' Dr. Haji Shafie b. Mohd. Salleh: Perkara ini sedang dikaji dan kita berharap nanti selalunya seperti mana kata Yang Berhormat Senator Dato' Zuki dua setengah peratus, itu yang dikenakan kalau kita bayar lebih. Tetapi contohnya tadi, yang saya berikan kalau misalnya tadi RM10,000 yang dibayar dan bayar zakat RM6,000 maknanya, lebih. Jadi kalau misalnya,...

Tuan Yang di Pertua: Cukai pendapatan RM4,000 sahajalah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya, RM4,000 rebate sahaja tetapi Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin hendak bayar lebih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bayar semua kepada zakat, tidak mahu bayar kepada cukai biasa. Itu maksud saya tadi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita perlu ialah melihat balik dari segi tatacara industri swasta yang berkenaan dan selalunya kita lihat bahawa perkara ini kita tengok balik semua dari segi by laws yang ada. Walau bagaimanapun, baru-baru ini kita telah berbincang dengan Yusuf al Qardhawi mengenai kebolehan sama ada zakat ini boleh dibayar sepenuhnya oleh pihak swasta kepada pihak zakat dan ini sedang dibincangkan di antara JAKIM dengan LHDN. Mengenai supaya pembayaran cukai RM3,000 dan RM6,000 tadi, cadangan ini sukar hendak dipertimbangkan oleh kerana ia akan mengakibatkan hasil yang besar kepada negara. Jadi langkah yang perlu diambil ialah untuk mengurangkan pengaliran wang keluar negara dengan tidak menggalakkan pelancongan ke luar negara sebaliknya berusaha untuk meningkatkan aktiviti pelancongan dalam negara ini. Jadi selaras dengan syarat ini kerajaan akan memberi satu hari Sabtu sepertimana yang dikatakan Yang Berhormat Dato Haji Mohd. Zuki tadi sebagai hari cuti

dalam sebulan pada tahun hadapan bagi menggalakkan pelancongan dalam negeri.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Cadangan supaya pembayaran cukai potongan hartanah ditangguhkan. Jadi cukai keuntungan hartanah adalah bertujuan untuk membendung masalah spekulasi dan hartanah. Dengan ini cukai ini tidak wajar untuk ditangguhkan bagi memastikan akta ini berkesan untuk mencapai matlamat asal.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya, mana-mana yang tidak sempat saya jawab mengenai perbahasan tadi saya akan menjawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemukakan untuk diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Majlis dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 18

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Ada apa Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak bertanya Jawatankuasa ini berkenaan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan tadi kalau mengikut ini Fasal 17, 18, iaitu saya hendak tahu Tuan Pengerusi berkenaan dengan kedudukan bank-bank tempatan yang berniaga di Pesisiran Labuan, berapa bank yang sekarang ini ada lagi berniaga dan bagaimana kedudukan perniagaan mereka di sana dan dari segi keuntungan dan ruginya disebabkan kegawatan ekonomi ini, kedudukan bank-bank tempatan yang berniaga di sana, kita ada tiga, empat bank di sana, adakah untung ataupun rugi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita katakan bahawa selain daripada Pulau Langkawi, Pulau Labuan adalah merupakan satu lagi pulau yang telahpun kita isytiharkan sebagai Pulau Pesisir, dan di sini kita cuba hendak memajukan pulau ini dari berbagai segi kerana "threshold" nya terlalu rendah dan hasil daripada itu apa yang kita lakukan daripada permohonan-permohonan yang telah dibincangkan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini, kita akan mengadakan satu fakulti di

Universiti Malaysia Sabah di sana, dalam bidang International Money Market dan sebagainya, dan hasil daripada itu nanti, ramai daripada penduduk Labuan akan dapat berkumpul di sana daripada negara-negara yang lain dan juga pelajar-pelajar kita akan berada di sana untuk memajukan Sabah ini.

Tentang bank -bank tempatan yang ada di sana hanya akan menjalankan perkhidmatan luaran pesisiran sahaja dan selain daripada itu kita ada banyak bank luar pesisir yang berkhidmat di sana. Jadi untuk bank yang mutakhir tentang kedudukan bank tempatan ini masih lagi menunggu jawapan daripada pegawai berkenaan dan saya jawab secara bertulis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan rang undang-undang ini iaitu berkenaan dengan cukai keuntungan hartanah. Saya ada membaca satu rencana dalam majalah yang menyebut *Insentif Milik Rumah Untuk Siapa*. Saya bimbang kalau sekiranya pihak kerajaan tidak berhati-hati akan ada pihak-pihak yang akan menggunakan kesempatan ini untuk mencari keuntungan dan akhirnya pihak yang sepatutnya mendapat rumah rugi begitu sahaja. Misalnya, tanah-tanah, kuota-kuota, tiap-tiap projek yang diberi kepada bumiputera mengikut jenis-jenis rumah, rumah kos rendah, rumah kos sederhana, dan sebagainya. Kalau faktor-faktor ini tidak diambil kira dan diberi kelonggaran saya bimbang kuota-kuota ini akan terlepas kepada orang-orang yang akan speculate mencari keuntungan dan akhirnya hak milik kepada pihak rakyat yang betul-betul patut dapat, tidak dapat.

Yang keduanya kita juga kena ambil kira kedudukan tanah-tanah rizab Melayu, tanah-tanah yang pada satu masa dahulu rizab Melayu yang banyak belum diganti balik dan selepas itu dibenar untuk dimajukan dan akhirnya luput begitu sahaja. Pemilik-pemilik bumiputera yang patut dapat, tidak dapat.

Yang ketiganya, kita hendaklah berhati-hati dengan insentif-insentif yang diberi ini sebab kita tahu orang yang mempunyai wang, sama ada daripada wang yang dipinjam ataupun kumpulan wang yang kita tak tahu sumbernya, mereka boleh gunakan ini macam saham juga, dia beli waktu murah waktu dapat potongan, besok bila harga meningkat ataupun ada pembeli daripada mana-mana pihak dia jual, dia akan dapat untung, dia bukan beli rumah itu untuk dia atau keluarga dia, tetapi untuk speculate. Inilah perkara-

perkara yang saya tidak tahu kerajaan hendak buat macam mana untuk hendak jaga supaya tidak berlaku.

Kemudiannya saya juga ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan keuntungan daripada saham amanah. Kita memang menyokong penuh kerajaan hendak kecualikan cukai sebab kita tahu kebanyakan pelabur-pelabur dalam amanah saham ini adalah pelabur-pelabur kecil. Orang-orang luar bandar yang memang tidak tahu menahu berkenaan permainan saham dibursa saham, macam ASB tahun ini kerajaan beri 10.5% dividen, jadi dividen yang dapat itu dikecualikan daripada cukai tetapi sepatutnya saham amanah jangka panjang begini kerajaan seboleh-bolehnya mencari jalan beri peratus dividen tinggi sedikit. Kalau lepas ini dividen ASN dapat lebih daripada ASB nampaknya orang yang cerdik, yang ada duit, dia beli masa ASN rendah dan simpan tidak sampai dua bulan, dividen yang dia bagi di antara 11% atau 12%, maknanya dia untung dua kali, untung dapat dividen banyak, lepas itu kenaikan daripada ASN itu pun dia dapat untung lagi. Pada hal orang ASB yang simpan hampir setahun cuma dapat 10.5% sahaja. Sebab itulah kerajaan harus ambil kira, simpanan amanah saham seperti ASB yang memakan masa jangka panjang ini bagi orang-orang yang menyimpan duit sedikit-sedikit ini patut diberi pertimbangan supaya diberi dividen yang lebih tinggi.

Itulah pandangan yang saya harap pihak kerajaan akan beri perhatian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, saya setuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi dan ini pun yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia bahawa kalau tidak betul, kita akan pergi ke basic circle, maknanya dahulu kita tidak hendak orang buat hartanah ini seperti aktiviti spekulasi di mana mereka membeli satu baris kedai dengan bayar 10%, 10% sampai 10 kedai, lepas itu menjual dengan harga yang tinggi.

Tetapi dalam keadaan sekarang ini oleh kerana kedai-kedai dan rumah-rumah tersebut tidak ada penghuninya, daripada tidak ada penghuninya baik ada penghuni yang boleh membeli rumah-rumah tersebut. Seperti yang saya katakan tadi ini pun cuma satu bulan sahaja galakan yang diberi dan lepas itu

kita tengok bagaimana perkembangannya yang akan berlaku. Seperti juga yang telah saya perkatakan tadi dalam tahun 1985, FIC pun kita longgarkan supaya dapat pelabur-pelabur asing datang untuk merancakkan lagi ekonomi kita.

Apabila ekonomi kita rancak, economic equity kita besar, barulah dapat kita agihkan balik. Ini untuk sementara waktu sahaja dalam keadaan kegawatan ekonomi untuk kita merancakkan ekonomi kita.

Yang keduanya, tentang tanah rizab Melayu ini tadi belum lagi diganti

...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya minta laluan. Apa yang saya harapkan supaya pihak kerajaan tidak membiarkan kuasa membeli berterusan dalam tempoh ini, sepatutnya kerajaan menubuhkan suatu dana untuk beli kuota untuk bumiputera itu. Kalau kita hendak biarkan begitu sahaja dan bagi alasan tidak ada bumiputera yang sanggup membeli, kemudian biarkan orang beli, maknanya perkara ini boleh berlaku. Orang yang ada duit banyak yang boleh beli, ini yang kita mahu. Kerajaan tubuh agensi tiap-tiap negeri seperti UDA, perbadanan yang ada dan sebagainya beli kuota itu dan yang lain-lain kita benarkan dia jual.

Itu yang kita mahu. Kalau kita biarkan begitu sahaja maknanya kuota itu tetap akan habis dalam masa sebulan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebagaimana yang dianjurkan oleh Yang Berhormat bahawa hendak adakan dana untuk kuota bumiputera ini, yang saya tahu kerajaan-kerajaan seperti negeri Selangor telah pun membuat dana tersebut, Perak telah pun membuat dana tersebut dan Pahang telah pun membuat dana tersebut di mana jika ada bangunan-bangunan yang hendak dibeli oleh orang-orang bumiputera, boleh melaporkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan daripada situ mereka akan dapat bayaran daripada duit dana itu dan kemudian sama ada sewa beli ataupun disewakan dahulu, kemudian dibayar. Ini adalah

cara untuk mengatasi masalah Yang terhormat katakan tadi. Terima kasih kerana memberi peringatan kepada saya.

Tentang tanah rizab Melayu yang belum diganti, kerajaan sedang mengkaji masalah ini negeri demi negeri tetapi dengan adanya pindaan-pindaan yang mutakhir ini tanah-tanah rizab Melayu hanya boleh diganti dan diambil untuk pembangunan awam sahaja. Kalau hendak buat sekolah, klinik dan sebagainya boleh diambil dari tanah rizab Melayu tetapi hendaklah diganti.

Begitu juga dengan akta tanah yang telah pun diluluskan, bahawa tanah-tanah yang diambil balik oleh kerajaan untuk swasta tidak boleh digalakkan lagi kerana ini telah pun ada misuse of that provision, dengan izin. Tentang keuntungan dalam pelaburan ini ASN dan ASB yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi, sesi yang lepas saya telah mengatakan sesiapa orang bumiputera yang tidak mahu rancak melabur dalam saham atau main saham dan sebagainya, dia hendaklah keluarkan duitnya dari ASN kepada ASB kerana ASB ini diletak di situ, itulah dia. Kalau ASN ada turun naik dan sebagainya.

Keuntungan dalam pelaburan dan ada kerugian itu biasalah dari segi perniagaan tetapi untuk potongan pelaburan ASB ini ditinggikan lagi, mengenai bonusnya, ini terpulang kepada potongan dalam pelaburan-pelaburan berkenaan tetapi setahu saya ASB sungguh berhati-hati melabur hanya kepada syarikat-syarikat yang teguh supaya dapat memberi pulangan yang menguntungkan kepada pemegang-pemegang saham.

Yang terhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi telah menanya tentang bank tempatan yang ada di Labuan, adalah lebih kurang lima bank kesemuanya dan kesan kegawatan ekonomi memang ada kesan terhadap bank berkenaan. Mana-mana bank yang menghadapi masalah ini, Danaharta sedang berbincang untuk mengambil alih NPL yang berkenaan. Di pesisir Labuan pun ada bank tempatan kita sebanyak lima bank dan mereka juga menghadapi masalah yang sama.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak tanya, pasal lima bank, perniagaan dia, urusan dia bukan dalam ringgit, di dalam duit luar. Bagaimana penetapan paging duit-duit luar ini tadi. Adakah dia mengikut

tafsiran antarabangsa nilainya ataupun kita pergi kepada paging lagi sebab saya tahu bank-bank yang lima buah tadi yang mempunyai RM100 juta, berapa ke minimum capital baru boleh membuka perniagaan di situ, dia kena berurus dalam duit dolar.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, oleh kerana segala transaksi urus niaga itu dalam bentuk dolar dan bukan dalam bentuk ringgit maka paging itu tidak relevan, tidak apply. Sekian.

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 bertujuan untuk membolehkan kerajaan mengutip levi atas keuntungan luar biasa yang diperolehi daripada pengeluaran barang-barang yang ditetapkan. Tarikh kuat kuasa akta adalah pada 1 Januari 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menghuraikan beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

- (i) Fasal 3 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mengawas semua perkara berhubung dengan levi tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri Kewangan.
- (ii) Fasal 4 dan 5 memperuntukkan kuasa pegawai kastam bagi menguatkuasakan peruntukan Akta ini dan merupakan kuasa

tambahan selain daripada yang diberi di bawah Akta Kastam 1967.

- (iii) Fasal 6 memberi kuasa pengenaan levi keuntungan luar biasa dan amaunnya ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui perintah, dan Fasal 7 memperuntukkan supaya perintah berkenaan dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- (iv) Fasal 8 menghendaki supaya pengeluar-pengeluar barang yang ditetapkan berkewajipan mendaftar dengan Jabatan Kastam.
- (v) Fasal 9 menetapkan levi yang lambat dibayar dikenakan penalti, sementara Fasal 10 memperuntukkan levi yang kena dibayar dan penalti yang terakru boleh dituntut sebagai hutang sivil.
- (vi) Fasal 11 adalah mengenai peruntukan supaya pengeluar-pengeluar barang yang ditetapkan berkewajipan mengemukakan penyata kepada Jabatan Kastam, dan Fasal 12 memberi kuasa pegawai kastam untuk menaksirkan levi yang sepatutnya dibayar.
- (vii) Fasal 13 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan pembayaran balik levi yang telah dibayar sementara Fasal 14 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah mengarahkan pembayaran balik levi yang terlebih bayar atau tersilap bayar. Fasal 15 pula menghendaki mereka yang tersilap kurang bayar levi atau penalti membayar balik levi atau penalti itu.
- (viii) Fasal 16 hingga Fasal 24 adalah berkaitan dengan peruntukan yang memberi kuasa pegawai kastam untuk menguatkuasakan undang-undang ini dengan lebih efektif seperti menghendaki pengeluar barangan yang akan dikenakan levi menyimpan rekod, orang yang berkaitan dikehendaki memberi maklumat, pegawai kastam mempunyai akses kepada premis pengeluar barang-barang ditetapkan dan boleh mengenakan penalti dan kompaun.

- (ix) Fasal 25 memperuntukkan yang permulaan pendakwaan berhubung dengan apa-apa kesalahan hendaklah dengan izin pendakwa raya.
- (x) Fasal 26 memperuntukkan orang yang subahat adalah melakukan kesalahan dan boleh didenda.
- (xi) Fasal 27 memberi kuasa Menteri Kewangan menetapkan mana-mana peruntukan dalam Akta Kastam 1967 menjadi peruntukan yang terpakai bagi maksud Akta ini dan Fasal 28 memberi kuasa Menteri Kewangan untuk membuat peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan Rang Undang-undang ini adalah untuk membolehkan levi keuntungan luar biasa dikenakan ke atas minyak kelapa sawit mentah dan minyak isirung kelapa sawit mentah yang telah diumumkan dalam Belanjawan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi pengenaan levi atas keuntungan luar biasa yang diperoleh daripada pengeluaran barang-barang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat Dato' Charern.

4.24 ptg.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1999.

Di dalam keadaan kegawatan ekonomi, kerajaan sememangnya hendaklah mencari sumber kewangan yang tidak membebankan rakyat dan saya percaya ini adalah satu-satunya punca yang membolehkan kerajaan mendapat hasil kira-kira RM450 juta. Rang undang-undang ini telah digubalkan dengan tujuan memungut levi ini pada mulanya daripada pengeluar minyak sawit. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengapakah tugas ini diberikan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, bukankah lebih sesuai jika pungutan levi ini dilakukan oleh agensi-agensi dalam Kementerian Perusahaan Utama yang bertanggungjawab tentang pengeluaran dan pendapatan daripada minyak kelapa sawit. Mungkin ada rasionalnya yang pihak kementerian dapat menjelaskan kepada Dewan ini.

Perkara ini saya bangkitkan kerana nampaknya levi ini dipungut sekiranya terdapat keuntungan luar biasa iaitu bukanlah satu keadaan yang boleh berlaku selama-lamanya atau permanent, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dengan tugas ini diberi kepada Jabatan Kastam, saya percaya satu cawangan baru hendaklah ditubuhkan di jabatan ini yang mungkin melibatkan perbelanjaan yang tidak setimpal dengan hasil yang diperolehi pada masa yang panjang memandangkan levi ini hanya boleh dipungut buat sementara waktu sahaja.

Saya pohon penerangan daripada pihak kementerian tentang beberapa peruntukan di dalam rang undang-undang ini. Mengikut Fasal 8 di dalam Rang Undang-undang ini, tiap-tiap pengeluar minyak sawit hendaklah mendaftar dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Dari kajian yang telah dibuat, berapakah jumlah pengeluar minyak sawit yang terdapat di negara kita sekarang ini? Adakah kerajaan bertujuan memungut levi ini daripada semua pengeluar minyak sawit tidak kira jika pengeluar atau pengilang minyak ini kecil atau besar.

Di bawah Fasal 15, jika pembayaran hasil atau penalti yang terkurang bayar atau tersilap bayar hanya boleh dituntut balik sekiranya tuntutan dibuat di dalam tempoh tiga tahun tetapi di bawah Fasal 16(2) pengeluar barang-barang ditetapkan dikehendaki menyimpan buku akaun dan rekod selama enam tahun.

Selepas tiga tahun tidak ada tuntutan yang boleh lagi dibuat tetapi kenapa pula rekod-rekod dikehendaki disimpan melebihi tiga tahun sehingga enam tahun?

Diperhatikan tidak ada peruntukan di dalam rang undang-undang ini bagi membolehkan menteri mengecualikan sesiapa dari dikenakan levi ini. Lazimnya di dalam undang-undang berkaitan dengan pungutan hasil, peruntukan seperti ini hendaklah diadakan. Bagaimana pula dengan pengeluar minyak sawit di tempat di mana tidak ada pejabat kastam. Adakah mereka ini boleh membayar cukai melalui pos. Tidak ada peruntukan di dalam rang undang-undang ini bagi membolehkan mereka berbuat demikian. Di bawah Fasal 27 pula mengenai kuasa Menteri untuk memakai Akta Kastam 1967, adakah pindaan dibuat kepada Akta Kastam untuk membolehkan Menteri berbuat demikian?

Saya berpendapat Rang Undang-undang ini tidaklah begitu kemas tetapi oleh kerana ia akan berkuat kuasa pada 1 Januari 1999 iaitu dua minggu lagi, maka biarlah diterima dahulu dan pindaan-pindaan sekiranya diperlukan boleh dibuat kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan walaupun ini tidak kena-mengena dengan undang-undang ini, satu cadangan untuk pihak kerajaan mendapat sumber kewangan dalam bentuk cukai kastam dan di dalam masa yang sama boleh membantu sektor yang tertentu bagi memulihkan ekonomi negara. Sepatutnya saya mengemukakan perkara ini di dalam perbahasan Belanjawan 1999 tetapi kerana tidak berkesempatan untuk berucap.

Saya difahamkan, terdapat banyak kereta tersadai di Pulau Langkawi kerana tidak dapat diimport semula ke tanah besar disebabkan cukai import yang terlalu tinggi iaitu sehingga melebihi daripada 200% pun ada. Ada dua kategori kenderaan ini, pertamanya kenderaan-kenderaan yang diimport dari luar negara dan satu lagi kenderaan-kenderaan yang dibuat atau dipasang di Malaysia yang telah dibawa masuk ke Pulau Langkawi.

Saya berpendapat jika kerajaan dapat memberi kelonggaran dan mengurangkan cukai import bagi kereta-kereta yang diimport dari luar negara dan mengenakan kadar cukai import yang sama sahaja dengan kadar cukai

eksais yang dikenakan kepada kenderaan-kenderaan buatan tempatan yang hendak dibawa masuk semula ke tanah besar dari Pulau Langkawi, maka saya percaya kerajaan boleh memungut cukai yang banyak dan di masa yang sama boleh membantu syarikat-syarikat jual kereta dan pemilik-pemilik kereta di Pulau Langkawi. Sekiranya langkah ini tidak diambil, oleh kerana cukai import terlalu tinggi, maka kenderaan-kenderaan ini akan dibiarkan sahaja di Pulau Langkawi selama-lamanya sehingga rosak dan terbengkalai, dengan syarikat-syarikat yang terlibat menggulung tikar dan pihak kerajaan tidak mendapat sebarang hasil.

Tuan Yang di-Pertua, jadi setakat itu sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Memandang ke arah Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]* Yang Berhormat, sila menjawab.

4.33 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini kajian menunjukkan perbezaan antara kos pengeluaran dan harga jualan minyak sawit mentah atau minyak isirung kelapa sawit adalah terlalu besar. Keadaan ini adalah disebabkan terutamanya oleh kerana sebahagian besar keluaran minyak sawit mentah atau minyak isirung kelapa sawit dieksport dan kejatuhan nilai Ringgit yang berlaku semenjak tahun 1997, dengan sendirinya membuat nilai jualan eksport minyak sawit mentah atau minyak isirung kelapa sawit telah meningkat dengan banyaknya. Dengan demikian, industri ini tidak akan terlalu terbeban jika dikehendaki memberi sumbangan bagi membantu kerajaan mengatasi masalah defisit kewangan negara sekarang ini.

Berdasarkan pertimbangan tersebut adalah dicadangkan levi keuntungan berlebihan sebanyak RM50 setan dikenakan ke atas pengeluar minyak sawit mentah atau minyak isirung kelapa sawit apabila purata harganya melebihi

RM2,050 setan, manakala jika purata harga berada di paras kurang daripada RM2,050 setan dan melebihi RM2,000 setan, levi dikenakan berdasarkan perbezaan antara harga purata dan RM2,000, maknanya jika purata harga adalah RM2,030 setan, maka levi yang dikenakan adalah RM30 setan. Levi yang tidak akan dikenakan apabila harganya di paras RM2,000 atau lebih rendah.

Mengikut kajian, pada paras harga RM2,000 setan, pengeluar minyak sawit mentah atau minyak isirung kelapa sawit dan juga penanam kelapa sawit masih berupaya menerima pulangan yang berpatutan. Levi tersebut dikenakan secara bulanan jika purata harga jualan bagi bulan itu melebihi RM2,000 setan. Pembayaran levi hendaklah dibuat oleh pengeluar minyak sawit mentah atau minyak isirung kelapa sawit selewat-lewatnya pada akhir minggu kedua pada bulan berikutnya. Bagi maksud ini, pengeluar hendaklah mengemukakan penyata jualan kepada stesen kastam yang telah ditetapkan. Levi keuntungan yang berlebihan akan dipungut di bawah satu undang-undang baru dan tarikhnya berkuat kuasa akan ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan melalui gazet nanti.

Jadi mengenai anggaran hasil daripada pengutipan ini adalah sebanyak RM450 juta setahun kepada kadar levi RM50 setan dan harga melebihi RM2,050 setan dan pengeluaran sebanyak 9 juta tan setahun. Harga purata bulan November 1998 untuk minyak kelapa sawit ialah RM2,300 dan minyak isirung kelapa sawit adalah RM2,600.

Jadi untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat tadi, terdapat 368 kilang kelapa sawit yang berlesen iaitu 244 di Semenanjung Malaysia dan 83 di Sabah dan Sarawak. Untuk kilang isirung kelapa sawit terdapat 48 buah kilang iaitu 31 buah kilang di Semenanjung Malaysia dan tujuh di Sabah dan Sarawak dan kita telah menetapkan bahawa kastam akan mengutip levi-levi ini, bukan Kementerian Perusahaan Utama dan oleh itu kita berharap bahawa kerja-kerja ini akan dapat dibereskan di masa yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 28 –

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. [*Memandang ke arah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin*]

4.37 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, izinkan saya mengulas fasal-fasal ini. Sebenarnya saya hendak berucap tadi tetapi saya keluar sekejap sahaja, to answer the called nature, dengan izin. [*Ketawa*] Sudah balik, rupanya sudah selesai.

Tuan Pengerusi, Rang Undang-undang ini yang dikemukakan oleh kerajaan ke dalam Dewan Negara yang mulia ini iaitu Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 ini iaitu levi 'durian runtuh'. Jadi tidak tahu berapa banyak durian yang runtuh dan dalam akta ini tidak ada menyebut, ia tidak pergi kepada apa yang kita hendak cukaikan ini....

Tuan Pengerusi: Tidak ada spesifik.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak 'specific', dengan izin, terlalu umum, terlalu general, saya kalau tidak memikirkan ini bill consequential ataupun urutan bill kewangan, di mana pihak Dewan Negara tidak ada hak atau peluang untuk menahannya, saya teringin hendak

mencadangkan supaya diangkat balik kepada Dewan Rakyat, sebab bill ini tidak memberi kepastian yang benar, walaupun di dalamnya ada peruntukan 6(1) di mana menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* boleh menyatakan apa dia yang telah pun memberi keuntungan tadi. Tetapi saya rasa ini meliputi, adakah kicap yang kita buat nanti, dikenakan levi. Kalau mengikut pada peruntukan ini iaitu ada diberi berkenaan dengan ‘barang-barang’, ertinya segala jenis harta alih dan harta tak alih, dengan izin, movable property dan immovable property. Jadi maknanya, barang-barang ini bukan sahaja kepada pemikiran saya, kelapa sawit tetapi lebih daripada kelapa sawit termasuk kuih yang dibuat daripada gandum, termasuk kicap, termasuk chili sauce, dengan izin, kalau untung berlebihan esok, boleh. Maknanya segala pengeluaran di Malaysia ini boleh dicukaikan dan dikenakan levi, termasuk ‘durian runtuh’ sekali, makna ‘durian runtuh’ apabila banyak sangat durian keluar.

Tuan Pengerusi, ini makna yang sebetulnya. ‘Durian runtuh’ ini maknanya, sesuatu benda yang kita tidak sangka, dapat bonus lima bulan, misalannya kakitangan kerajaan. Itu durian runtuhlah tetapi pada saya ‘durian runtuh’ ini adalah durian betul, ‘durian runtuh’ yang saya hendak berikan makna ini ialah durian banyak gugur, daripada situlah mulanya perkataan ‘durian runtuh’ ini.

Jadi, bermaknanya tidak dipastikan. Kami di sini tidak tahu apa yang hendak dilevikan ini, hingga sekarang ini pun apa barang yang hendak dilevikan, hendak cukai apa ini. Tuan Pengerusi, pihak kerajaan cuba nyatakan apa yang hendak dicukaikan, adakah benda ini menunggu sahaja apabila ada sesuatu produk daripada barang itu dikeluarkan esok, boleh dicukai bila untung

lebih kepada tiap-tiap tan. Jadi, saya tidak faham, orang Putih kata not clear. Juga dengan adanya rang undang-undang ini bila diluluskan bermakna pihak-pihak kastam akan bekerja lebih kuat lagi. Berapa banyak barang kena cukai, berapa banyak pegawai kastam dan pekerja-pekerja kastam yang kita hendak adakan.

Ini ikut fasal ini Tuan Pengerusi, saya harap saya diberi peluang untuk membahaskan dalam Jawatankuasa ini, sebab biasanya Tuan Pengerusi, dalam Jawatankuasa ini, dengan izin, kita relax sedikit. Banyak masa boleh diberi, saya hendak duduk, saya hendak tanya pihak kerajaan, saya hendak tengok note dan sebagainya, saya hendak menunggu pihak kerajaan meminta bekalan daripada pegawai-pegawai, pun saya boleh Tuan Pengerusi. Jadi, oleh itu saya hendak mengambil masa panjang sedikit di dalam Jawatankuasa ini supaya kita pergi satu-persatu rang undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, ini bermaknanya, banyak lagi pegawai kastam akan diambil untuk mengambil perhatian dan melaksanakan dan cuba mencegah sesiapa juga yang cuba mengelak daripada kena levi ini. Adakah kita cukup pegawai-pegawai kastam, bagaimana dengan pegawai-pegawai kastam dan kakitangan-kakitangan kastam yang ada sekarang ini? Adakah mereka mencukupi, bolehkah kita dengan izin, 'implement'kan rang undang-undang ini, ini persoalan yang saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan.

Lagi satu Tuan Pengerusi, Fasal 1(2) ini akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1999. Macam nampak tergesa-gesa sangat, hendak dikuatkuasakan. Undang-undang belum diluluskan lagi, dia tahu Dewan Negara tidak ada kuasa untuk menolak bil ini, adakah sebab itu dia bubuh macam ini. Adakah sebabnya Dewan Rakyat boleh memutuskan dengan secepat mungkin akta ini. Biasanya kita sebut dalam rang undang-undang akan dikuatkuasa yang tarikhnya akan ditetapkan oleh Menteri dalam pemberitahu *Warta*, biasa. Tuan Pengerusi, biasa cakap begitu, jadi kalau kita hendak kuat kuasakan 1 Januari 1999, bolehlah Menteri ada kuasa. Kita sudah beri kuasa. Ini kita bubuh haribulan dia, dengan izin, terlalu rigid. Kuat kuasa ini terlalu rigid. Biasanya kita tidak bubuh, mengapa ini dibubuhkan. Adakah

disebabkan kegawatan ekonomi ini kita hendak levi ini cepat sangat, supaya kerajaan dapat duit cepat sangat. Ini satu persoalan yang hendak dikemukakan kepada pihak kerajaan.

Fasal 18 (4). Kalau kita tengok Fasal 18(4) ini Tuan Pengerusi, saya hendak tengok perlahan-lahan 18(4) ini, iaitu Fasal 18(4) mengatakan panjang ini, kalau saya baca betul-betul lama ini tetapi tidak payah Tuan Pengerusi, tidak payah bacalah. Kalau mengikut fasal ini, ada sedikit saya hendak baca. *“18(1) Bagi maksud Akta ini, mana-mana pegawai kanan kastam hendaklah setiap masa mempunyai akses ke mana-mana tempat atau premis di mana seseorang pengeluar barang-barang ditetapkan menjalankan perniagaannya.”* Maknanya dia boleh pergi ke mana-mana bangunan apabila dia memikirkan ada barang yang keluar dari situ yang telah pun dikenakan levi. Pendek kata 18(4) ini ada mengatakan bahawa,

- “18(4) Jika - (a) mana-mana barang ditetapkan dijumpai di mana-mana premis dimasuki di bawah seksyen ini;*
- (b) barang ditetapkan itu dikeluarkan oleh pengeluar yang bertanggung membayar levi; dan*
- (c) levi itu perlu dibayar, barang itu boleh disita dan boleh dilucuthakkan.”*

Bermakna ini memberi kuasa kepada pihak kastam pergi masuk ambil keluar di mana dia fikirkan berkenaan.

Jadi pada saya ini satu perkara yang bercanggah sedikit dengan kehendak akta. Biasanya kita hendak pergi menyelongkar di rumah-rumah dan hendak mengeluarkan sesuatu benda biasanya kita mesti ada kebenaran daripada mahkamah. Kita mesti ada waran, warrant of search tapi di sini saya tidak nampak, melainkan Tuan Pengerusi, pihak kerajaan akan memberitahu saya sekarang juga, saya akan senyap membahaskan perkara ini. Kalau tidak saya hendak tanya manakah perkataan yang menyatakan perintah mahkamah mesti diambil dahulu, bermaknanya kastam boleh pergi ke rumah siapa-siapa sahaja juga yang difikirkan ada mengeluarkan barang-barang seperti yang patut

dinyatakan di dalam akta ini. Not necessary for you to get warrant of search. Ini saya rasa agak berlebihan.

Jadi saya hendak tanya kerajaan mengapa perkara ini berlaku begini ataupun benda ini disengajakan, saya tidak tahulah, ataupun tertinggal di dalam akta ini. Jadi saya rasa search warrant yang diambil daripada majistret mestilah dilakukan sebelum pergi mengambil barang-barang, menyita barang-barang, menyelongkar barang-barang dan memecah pintu dan sebagainya. Ini satu undang-undang yang kita biasa ikut.

Tuan Pengerusi, Fasal 25, iaitu berkenaan dengan permulaan pendakwaan. Kita hendak dakwa kita ambil "*Fasal 25. Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.*" Tuan Pengerusi, kalau saya tidak salah Public Prosecutor, betul Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Betul. Maknanya Public Prosecutor, biasanya kita minta kebenaran hanyalah untuk kes-kes jenayah sahaja. Di sini dari segi pengutipan duit yang tidak dibayar adalah satu kes civil. Adakah kes-kes yang tidak bayar duit levi ini, kita kena minta kepada pendakwa raya. Ini satu soalan yang hendak saya tanya juga kerana biasanya kes jenayah sahaja, kes civil tidak payahlah kita pergi ke pendakwa raya sepatutnyalah. Jadi saya hendak tanya kerajaan, bagaimana dengan Fasal 25 ini?

Kemudian Tuan Pengerusi, Fasal 27. Fasal 27 ini saya tengok sekali lagi iaitu ia memberi kuasa kepada Menteri yang amat luas. "*27(1) Menteri boleh menetapkan mana-mana peruntukan dalam Akta Kastam 1967 menjadi suatu peruntukan yang hendaklah terpakai bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.*" Jadi maknanya, semua di dalam Akta Kastam itu boleh digunakan. Dalam menetapkan peruntukan Akta Kastam 1967 di bawah subseksyen 1 Menteri boleh membubuatkan apa-apa ubahsuai juga yang perlu dan suai manfaat bagi maksud memastikan perjalanan wajar dan cekap. Pendek kata banyak kuasa di bawah Fasal 27 ini diberi kepada Menteri.

Adakah ini melebihi sedikit kuasa yang patut diberi ataupun perkara ini perkara biasa yang kita buat di dalam akta-akta ini.

Tuan Pengerusi, Fasal 28, yang ini pun terlalu luas maknanya Fasal 28(1) *“Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan atau memberikan kuat kuasa kepada peruntukan Akta ini.”* Ini pun termasuk dalam fasal yang saya sebutkan tadi iaitu kuasa ini luas sedikit daripada biasa.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, sambil saya membahaskan fasal-fasal tadi, saya hendak sebut sedikit di sini, jikalau akta ini adalah berkenaan dengan kelapa sawit, saya tidak tahu, saya buat andaian sahaja ini. Kalau kelapa sawit, saya hendak beritahu bahawa syarikat-syarikat yang berdaftar di Kuala Lumpur, syarikat-syarikat milik persendirian, syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan, yang ada mengusahakan ladang kelapa sawit di Sarawak, telah pun dikenakan bayaran 5% cukai penjualan oleh Kerajaan Sarawak bukannya keuntungan, tetapi ke atas keseluruhan pengeluaran kelapa sawit itu. Jadi perkara ini berlaku kepada syarikat-syarikat yang ada buat perniagaan kelapa sawit ataupun mengeluarkan kelapa sawit di Sarawak, bermakna dengan izin, tax twice. Jadi adakah pihak kerajaan memikirkan untuk berunding dengan Kerajaan Sarawak supaya cukai 5% itu tidak dikenakan tetapi hanya dikenakan kepada kelapa sawit yang harganya lebih daripada RM2,000 per metrik tan yang dikenakan levi tadi. Dengan duit itu, diberi kepada Kerajaan Sarawak untuk cuba mengelakkan pembayaran dua kali ini. Perkara ini berlaku, saya tidak tahu di negeri Sabah tetapi yang saya tahu ada berlaku di negeri Sarawak dari segi bayaran cukai penjualan.

Berkenaan dengan kelapa sawit ini, Tuan Pengerusi, adalah satu buahan emas pada masa ini, bermakna satu perusahaan yang telah pun memberi keuntungan besar kepada negara kita, dalam kita menghadapi kegawatan ekonomi sekarang ini. Nasib baik benarlah yang kita ini ada banyak kelapa sawit dan kita mengucapkan syukur dan terima kasih, khususnya kepada Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu, yang telah pun membuka banyak kawasan FELDA Tuan Pengerusi, khususnya di Pahang. Kalau tidak adalah

Tun memikirkan pada masa dahulu, itu sebab kita ini, kena berfikir dahulu, masa senang, jadi nasib baiklah, kemudian kerajaan hari ini mengikut membuka ladang-ladang kelapa sawit. Kalau tidak ada kelapa sawit, negara kita lagi teruk dari segi kewangan dan ekonomi.

Oleh itu, saya meminta kerajaan iaitu di negeri-negeri sekarang ini, saya dengar tanam kelapa sawit sudah tidak boleh. Mengapa tidak diberi peluang untuk membuka lebih sedikit lagi kawasan-kawasan tanah yang mana boleh digunakan untuk kelapa sawit sebabnya kalau ada banyak kawasan kita tanam kelapa sawit, ini kemungkinan akan menstabilkan harga kelapa sawit.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendak harga kelapa sawit naik sangat tinggi, tidak tahulah pemikiran orang lain, dengan saya lain barangkali, sebabnya kalau harga kelapa sawit naik lebih pada RM2,600 per metrik tan, akhir-akhirnya pembeli-pembeli akan memikirkan yang harganya terlalu tinggi dan memikirkan untuk mencari alternatif daripada minyak kelapa sawit. Alternafinya apa dia, soya bean, ground nut, jadi jangan ingatkan kita ini suka harga naik sampai RM3,000 per metrik tan, tidak munasabah. Jadi kalau negara-negara lain seperti China, India, Pakistan yang membeli banyak kelapa sawit kita, mereka akan berfikir tidak guna beli minyak kelapa sawit dari Malaysia sebab harganya terlalu tinggi. Oleh itu harganya tidak bolehlah naik lebih, pada pendapat saya lebih dari RM2,600. Oleh itu, maknanya harga mestilah di antara RM2,000 ke RM2,400 habis tingginya RM2,400. Jadi kerajaan sekarang ini memikir hendak cukai sahaja. Lain kali kerajaan fikir biar sampai RM3,000 lagi banyak cukai, pada saya salah pemikiran itu. Jadi kita hendak pertahankan perniagaan kelapa sawit ini supaya tidak menjejaskan pengeluaran dan harganya kepada pengusaha-pengusaha kelapa sawit sekarang ini.

Tuan Pengerusi sekarang ini kita ambil berat sangat berkenaan dengan kolesterol, darah tinggi, banyak yang makan super garlic, lecithin maknanya belanja lebih di situ untuk mencairkan darah supaya kolesterol berkurangan sedikit, tetapi kalau kolesterol kurang sangat pun tidak boleh juga, jadi

semuanya sederhana. We needs cholestorol Dato' Chet Singh, to certain extent but not too much of its.

Tuan Pengerusi, oleh itu adakah pihak kerajaan sekarang ini telah membuat satu research ataupun kajian berkenaan pengeluaran minyak kelapa sawit ini yang sepenuhnya tidak ada kolesterol, kalau kita gunakan minyak itu, sebab saya tahu, sudah banyak ada tetapi bolehkah di Malaysia ini, siapa menggunakan minyak kelapa sawit sahaja, tidak ada kolesterol, 'crisco' misalnya, keluar dari Australia, adalah dua, tiga jenis saya pun sudah lupa nama dia, saya pernah membeli minyak-minyak ini, completely free of cholesterol. Jadi adakah pihak kerajaan boleh menyarankan kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan minyak kelapa sawit, pada masa akan datang ini, minyak kelapa sawit, guna sahaja tidak ada kolesterol. Ini satu petanda yang amat baik kalau kita boleh berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, mengikut fasal ini pun tidak ada disebut berkenaan dengan selain daripada keuntungan minyak kelapa sawit tadi seperti yang saya per katakan, adakah buah yang kita gunakan sebagai minyak ini diperkenakan, adakah batang-batang, dahan-dahan kelapa sawit yang kita tukarkan menjadi makanan binatang ternakan dikenakan juga levi? Adakah perkara ini dikaji oleh kerajaan sebabnya kita sekarang ini hendak menggalakkan ternakan lembu di kawasan-kawasan kelapa sawit di FELDA misalnya. Jadi makanan-makanan lembu dan juga binatang-binatang lain ini boleh kita gunakan hampas-hampas kelapa sawit juga dahan-dahan kelapa sawit itu untuk dijadikan bahan makanan binatang dan juga bahan kelapa sawit ini boleh juga digunakan untuk membuat batu bata. Kalau kita galakan pengeluaran ini, adakah pihak kerajaan akan mengenakan levi juga?

Jadi, Tuan Pengerusi, patutnya kerajaan memberitahu lebih awal kepada pengusaha-pengusaha yang kena levinya hanyalah minyak keluaran kelapa sawit adakah minyak yang telah pun diproses ataupun minyak yang belum diproses untuk makanan, yang kena levi ini. Saya pun tidak tahu ataupun buah kelapa sawit itu sendiri yang kena levi. Ditimbang buah kelapa sawit dapat

RM2,000 atas buahnya sahaja, kena levi. Kita tidak tahu. Levi ini untuk apa pun kita tidak tahu. Sekarang saya berucap ini pun saya tidak tahu apa yang hendak dilevi ini. Barang-barang apa saya tidak tahu. Jadi tumpuan saya kepada kelapa sawit sebab saya dengar-dengar bunyi kelapa sawit. Inilah masalahnya. Kalau tahu betul-betul barangan itu boleh kita kaji satu per satu. Itu sebablah barangkali ramai sahabat saya tidak dapat berbahas berkenaan dengan bil ini sebab mereka tidak tahu apa yang hendak dilevikan. Kalau misalnya kita hendak mengkahwinkan anak kita, kalau anak kita perempuan, yang bakal pasangan atau suaminya tentulah lelaki, kalau anak kita lelaki, bakal pasangannya atau isterinya tentulah perempuan, namanya kita tahu, tetapi ini kita tidak tahu langsung.

Tuan Pengerusi, nampaknya panjang jugalah saya berbahas berkenaan dengan akta ini. Kalau saya teruskan lagi saya rasa bagus juga tetapi kalau hendak bercakap sebab hendak bercakap sahaja pun tidak bagus juga, jadi huraian-huraian yang saya beri tadi saya rasa sudah mencukupi berkenaan dengan rang undang-undang ini, hanya yang saya harap, pihak kerajaan akan menjawab lebih panjang sedikit.

Tuan Pengerusi, kita beri masa selama 25 minit untuk menjawabnya. Bolehkah pihak kerajaan menjawab lebih daripada 20 atau 25 minit untuk memberi penerangan supaya kami betul-betul tahu apa yang akan berlaku. Kita pun sampai pukul 5.30 petang Tuan Pengerusi. Saya tidak hendak mengambil masa ini sebab saya hendak beri kepada pihak kerajaan. Kalau pihak kerajaan tidak dapat menghabiskan betul-betul tepat pukul 5.30, itu adalah masalah kerajaan untuk menanggung Dewan lebih awal lagi. Terima kasih

Timbalan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Dato' Charern Intachat.

5.02 ptg.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi dari jawapan yang saya dengar daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan saya rasa beberapa perkara yang saya bangkitkan tadi masih belum dijawab. Seperti berkenaan dengan adakah kerajaan bertujuan memungut levi

ini dari semua pengeluaran minyak kelapa sawit tidak kira jika pengeluaran minyak kelapa sawit ini kecil ataupun besar dan tidak ada peruntukan di dalam rang undang-undang ini bagi membolehkan Menteri mengecualikan sesiapa dari dikenakan levi ini dan juga Fasal 15 . Di bawah Fasal 15 jika pembayaran hasil ataupun penalti yang terkurang bayar atau tersilap dibayar hanya boleh dituntut balik sekiranya tuntutan dibuat dalam tempoh tiga tahun. Tetapi di dalam Fasal 16(2) pengeluar barang-barang ditetapkan dikehendaki menyimpan buku akaun dan rekod selama enam tahun, selepas tiga tahun tidak ada tuntutan yang boleh lagi dibuat. Mengapa pula rekod-rekod dikehendaki disimpan melebihi tiga tahun, sehingga enam tahun.

Di bawah Fasal 27 yang dibangkitkan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin tadi mengenai Fasal kuasa Menteri untuk memakai Akta Kastam 1967. Adakah pindaan dibuat kepada Akta Kastam untuk membolehkan menteri berbuat demikian. Kalau tidak ada pindaan dalam Akta Kastam, saya rasa tidak boleh menteri membuat tindakan ini. Itulah saya harap dapat dalam Jawatankuasa ini pihak kementerian memberi jawapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit sahaja sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun menjawab. Tidak payah jawab seorang-seorang, dia boleh jawab semua, kejap lagi habis, habis cepat pun bagus juga, kawan-kawan lain yang duduk tunggu pun , boleh balik, saya pun boleh balik juga. Esok kita mula cerita lain.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dalam banyak hal, yang pertama sekali dari segi huraian bagi menjelaskan perkara-perkara yang lebih spesifik sebab ini adalah rang undang-undang walaupun kuasa ini akan diwartakan mengikut satu akta di bawah seksyen 6 dan ini adalah kuasa menteri dan pihak-pihak yang

bertanggungjawab untuk menyenaraikan, saya berpendapat mungkin kerajaan bagi fleksibel dari segi barang-barang ini bukan dihadkan kepada kelapa sawit sahaja mungkin ada bahan-bahan lain yang mendapat keuntungan yang luar biasa yang akan dikenakan dan saya sendiri percaya rang undang-undang ini dibuat semata-mata dengan keadaan kegawatan ekonomi sekarang dan perkara yang kerajaan nampak sekarang ini kelapa sawit yang mendapat keuntungan besar akibat daripada penurunan nilai mata wang kita berbanding pertukaran wang asing negara-negara yang hendak beli itu. Itulah menjadikan kita untung luar biasa maka dikenakan levi. Tetapi kalau itu maksudnya saya berpendapat adalah lebih baik kerajaan mengecualikan atau ada flexibility di mana syarikat-syarikat yang mengeluarkan minyak kelapa sawit yang akan dieksport ini jika sekiranya ia ada satu tabung yang boleh diberi kepada pekerja-pekerja sebab kita kena pentingkan pekerja yang mengeluarkan kelapa sawit untuk dikecualikan daripada levi ini. Sekian-sekian banyak boleh dikecualikan. Jadi kerajaan tidak ambil ke semua. Kita galakkan company itu buat kebajikan kepada orang yang membantu dia untuk mendapatkan keuntungan. Ini menggalakkan lagi pengusaha-pengusaha untuk menambahkan lagi pengeluaran minyak kelapa sawit. Kalau kita kena semua levi atas keuntungan bermakna kita galakkan insentif kepada pengusaha tidak ada langsung. Ini satu cara yang saya agak jumud yang tidak memberi galakan kepada orang.

Jadi kita mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula kalau-kalau boleh diberi kelonggaran kepada keuntungan luar biasa itu dimasukkan dalam satu tabung dia boleh beri kepada orang yang terlibat dengan kerja-kerja itu dikecualikan dan flexibility ini perlu. Daripada kita kenakan begitu banyak levi ini dan dari segi-segi lain saya tidak nampak benda yang hendak saya bercakap. Kita dengar dulu apa yang Setiausaha Parlimen hendak jawab dan saya percaya apabila Setiausaha Parlimen menjawab ini, hendaklah kita habis setakat ini, dan benda-benda yang timbul kemudian tentulah kerajaan mempunyai mekanisma untuk hendak cari jalan menetapkan cara yang lebih terperinci lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila menjawab.

5.10 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa.

Pertamanya, mengenai teguran Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi tentang sama ada ini mengenai kelapa sawit ataupun mengenai apa. Jadi rang undang-undang ini dibuat sedemikian rupa supaya ia dapat meliputi apa-apa sahaja komoditi atau barang lain yang kemudian hari nanti mungkin menikmati keuntungan luar biasa. Walau bagaimanapun, buat ketika ini hanya untung daripada pengeluaran minyak kelapa sawit sahaja akan dikenakan levi. Jadi ini umum, tidak khusus kepada kelapa sawit supaya bila ada barang-barang lain yang dapat keuntungan lebih nanti boleh kita mendapatkan levi daripadanya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya minta maaf, saya hendak minta laluan banyak kali. Tuan Pengerusi, kalau betul hajat untuk hendak levi kelapa sawit, mengapa tidak bubuh kelapa sawit dan barang-barang lain yang akan ditentukan oleh menteri dalam Warta kerajaan yang akan disiarkan pada masa yang ditentukan nanti.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ia tidak menyebut minyak kelapa sawit, jika levi yang dikenakan ialah levi atas minyak kelapa sawit secara khusus kerana seperti yang saya katakan tadi bahawa ia meliputi apa-apa sahaja komoditi. Minyak kelapa sawit akan ditetapkan melalui peraturan-peraturan dibuat oleh Menteri, Warta sebagai barang yang dikenakan levi luar biasa. Ini kalau Yang Berhormat tengok dalam Fasal 6(1) '..... pengeluaran barang-barang ditetapkan.' Dan Fasal 2 dalam Akta ini "ditetapkan", 'ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 28.' Saya tidaklah berapa risau kerana Yang Berhormat menanyakan masalah itu tadi kerana Yang Berhormat sendiri kata tadi Yang Berhormat keluar kerana cause of nature, dengan izin. Semasa itu saya telah pun menerangkan latar belakang levi keuntungan berlebihan ini ke atas minyak kelapa sawit mentah atau isirung kelapa sawit. Jadi telah pun saya bentangkan mengenai RM2,000; RM2,500 dan RM2,030 dan sebagainya.

Satu lagi perkara sebelum saya terlupa, Yang Berhormat Dato' Charern Intachat juga ada menyatakan levi ini dikutip tidak kira pengeluar kecil atau besar dan tidak ada pengecualian diberi untuk memberi keadilan kepada semua pihak. Jadi kalau yang besar sahaja kita kutip, yang kecil tidak dikutip, ini merupakan tidak adil kepada semua pengusaha berkenaan.

Menjawab pertanyaan Dato' Haji Mohd. Zuki, memang akta ini adalah umum tadi dan keuntungan luar biasa bukan berpunca daripada syarikat itu sendiri seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Haji Abu Bakar tadi tetapi puncanya tanpa usaha syarikat. Dengan kenyataan melalui pertukaran wang dan kejatuhan Ringgit maka dengan sendirinya apabila kita eksport komoditi kita, kita dapat harga yang lebih tinggi daripada harga biasa.

Jadi tiada pertambahan jawatan akan diwujudkan oleh kerana Jabatan Kastam diminta untuk mengutip levi-levi ini kerana saya rasakan Jabatan Kastam buat masa ini mampu untuk mengutip levi ini dan pelaksanaan ini dibantu oleh Kementerian Perusahaan Utama terutamanya PORLA tentang perkara ini. Tarikh kuat kuasa yang dikatakan tadi kenapa diberi terus tarikh yang berkenaan, ini kerana tarikh kuat kuasa telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I dalam Belanjawan tempoh hari. Jadi di situ telah pun diberikan kenyataan yang berkenaan.

Kuasa menteri untuk menggunakan Akta Kastam 1967 adalah terlalu luas, kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan juga Yang Berhormat Dato' Charern Intachat dan tidak memerlukan waran geledah untuk akses premis yang berkenaan. Mengikut Seksyen 2 rang undang-undang ini, pegawai kastam yang berhak hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang terdapat dalam Akta Kastam 1967. Oleh yang demikian bagi maksud akta ini mana-mana pegawai kanan kastam diberikan kuasa untuk mempunyai akses ke mana-mana premis ataupun tempat di mana seseorang pengeluar barang atau barang yang ditetapkan menjalankan perniagaan bagi maksud menjalankan kuasa-kuasa di bawah rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah pun menanyakan mengapa diminta izin kepada pendakwa raya apabila kita hendak menjalankan sesuatu pendakwaan. Menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kuasa untuk memulakan atau menjalankan atau menangguhkan prosiding atau discontinue proceeding, dengan izin, ialah kuasa pendakwa raya dan oleh itu hendaklah mendapat keizinan secara bertulis daripada pendakwa raya sama ada untuk memulakan prosiding atau menangguhkan atau menghentikan prosiding.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Adakah ini termasuk juga kes civil?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Jadi oleh kerana kita katakan Perlembagaan Persekutuan adalah lebih utama daripada peraturan-peraturan lain, saya mengatakan kita gunakan Perlembagaan Persekutuan dalam kes ini.

Mengenai Fasal 18(4) Akta Kastam 1967 digunakan untuk memberi akses tadi kepada premis yang didaftarkan. Mengenai Fasal 25, fasal ini telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara peruntukannya dan mengenai Fasal 27 Akta Kastam 1967 adalah digunakan supaya menjadikan akta ini lebih efektif dan berkesan untuk memungut hasil.

Mengenai soalan syarikat pengeluar di Sarawak dikenakan 5% oleh kerajaan negeri Sarawak tentang sales tax, dengan izin, adakah kerajaan berunding dengan Sarawak supaya cukai 5% itu tidak dikenakan supaya tidak ada double taxation atau cukai bergandaan ataupun cukai itu diberikan sahaja kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak menurut Perlembagaan Malaysia mempunyai klausa untuk cukai jualan, levi yang akan dikenakan merupakan isu yang berlainan. Walau bagaimanapun, kerajaan pusat akan berbincang dengan kerajaan negeri berhubung dengan perkara ini tidak lama lagi oleh kerana kita akan mulakan secara efektif pungutan levi ini pada tahun hadapan.

Harga barang-barang yang dikutip keuntungannya luar biasa akan dikenakan levi, ini yang telah saya katakan tadi dan kerajaan akan meneliti secukupnya sebelum mengenakan levi ke atas barang-barang yang lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:Tuan Pengerusi, boleh saya minta penjelasan sedikit. Tuan Pengerusi, saya hendak minta kerajaan menjawab berkenaan dengan pengeluaran minyak kelapa sawit. Adakah satu masa kita dapat minyak 'free of cholesterol' dan apakah usaha-usaha kerajaan untuk memajukan lagi perniagaan ataupun perusahaan kelapa sawit di negara kita ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Satu perang yang hebat telah pun berlaku pada waktu dahulu di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat mengenai keluaran minyak kelapa sawit berbanding dengan pengeluaran minyak kacang soya dan Menteri yang berkenaan telah pun membuat satu

kajian yang hebat. Daripada kajian-kajian berkenaan dapat dipastikan bahawa minyak kelapa sawit itu kalau dibandingkan dengan kacang soya adalah lebih bagus penggunaannya kerana kurang kolesterol. Tetapi Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah menanyakan sama ada kita boleh buat refine secara halus supaya minyak kelapa sawit ini 'free of cholesterol', tidak ada kolesterol seterusnya.

Cadangan ini akan kita ambil perhatian dan kita akan minta Kementerian Perusahaan Utama, terutamanya PORLA, mengkaji semula. Kajian-kajian yang telah dibuat sama ada dalam negeri ataupun dikomisyenkan kepada kajian-kajian yang dibuat di luar negara untuk memastikan sama ada boleh kita menghalusi lagi kajian-kajian yang sedia ada supaya dapat minyak kelapa sawit ini 'free of cholesterol'.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sedikit. Kolesterol itu saya faham tetapi dari segi minyak kelapa sawit, saya difahamkan kita memberikan credit facility kepada negara-negara tertentu dengan kemudahan yang amat rendah dari segi faedahnya. Jadi saya hendak tahu pada masa yang sama kita menentukan levi kepada mereka yang mengeluarkan kelapa sawit ini di mana harganya lebih daripada RM2,050 setan.

Jadi dari segi pengimbangan, berapakah subsidi yang kita beri menerusi credit facility kepada negara-negara ini. Kalau sekiranya faedah pasaran di Malaysia misalnya, 7% campur dengan 2% margin mungkin 9%. Jadi pada masa yang sama kita kenakan pula RM50 kepadanya, bermakna subsidi yang kita berikan itu mungkin merugikan kerajaan negeri. Saya hendak tahu bagaimanakah perkiraan, sungguhpun kita mendapat RM450 juta dari segi levinya, saya tidak faham bagaimana perkiraan kita.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, kita terpaksa mengambil satu suasana perimbangan di sini. Pertamanya berdasarkan perimbangan tersebut dicadangkan levi keuntungan berlebihan sebanyak RM50 setan sahaja yang dikenakan ke atas pengeluaran minyak sawit mentah ataupun minyak isirung kelapa sawit, apabila purata harganya melebihi RM2,050 setan.

Jadi cuma RM50 sahaja dan kita rasakan pengeluar-pengeluar boleh membayar levi yang berkenaan.

Yang keduanya, mengenai on credit tadi, kita ada negara-negara sahabat kita yang kita eksport minyak kelapa sawit itu dan dia akan memberi credit kemudiannya. Ini satu lagi dasar yang berlainan daripada apa yang kita kenakan iaitu dasar kita berbuat baik di negara-negara ketiga dan di negara Islam kerana negara-negara yang mengimport minyak sawit secara kredit ini seperti Iran dan negara-negara lain.

Jadi di sini, diplomatik juga memainkan peranan. Seperti mana yang kita katakan dahulu, kalau misalnya ada Ahli Yang Berhormat meminta kita mengeluarkan padi 100%, mengeluarkan beras 100% kerana kita mempunyai subsidi baja, subsidi harga dan sebagainya. Tetapi kita cuma mengeluarkan 70% sahaja, mengapa kita tidak lebihkan kepada 100%. Di sini kita membuat perimbangan kerana kalau misalnya, semuanya kita keluarkan, jadi maknanya kita tidak membeli pula, tidak mengimport pula barang-barang yang lain yang dikeluarkan oleh negara jiran.

Jadi dengan adanya kita mengeksport minyak kelapa sawit misalnya di negara Thailand dan oleh kerana itu kita mengimport pula beras daripada negara itu. Jadi di sinilah kita mengimbangkan dari segi politic economy dan juga diplomatik supaya kita dan negara jiran dapat bersama-sama menghadapi apa yang telah dijayakan bersama.

Satu lagi ialah mengenai rekod simpanan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Charern Intachat tadi. Rekod simpanan selama enam tahun kerana pemeriksaan akaun oleh pegawai kastam bukanlah boleh dilakukan untuk tempoh masa tiga tahun yang telah diperkatakan tadi. Jadi tempoh enam tahun merupakan tempoh memadai untuk disimpan rekod kerana terdapat lebih kurang 368 kilang kelapa sawit dan 48 buah kilang isirong kelapa sawit mentah di seluruh negara. Seperti mana yang saya katakan tadi 368 buah kilang kelapa sawit berlesen iaitu 244 buah kilang di Semenanjung Malaysia dan 83 buah kilang di Sabah dan Sarawak. Untuk kilang isirong kelapa sawit terdapat 48

buah kilang iaitu 31 buah kilang di Semenanjung Malaysia dan 7 buah kilang di Sabah dan Sarawak.

Oleh kerana itu dapatlah pegawai-pegawai kita dalam tempoh masa enam tahun itu membuat pemeriksaan ke kilang-kilang berkenaan jika perlu. Kalau tidak nanti hanya tiga tahun seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Charern Intachat tadi, pegawai kita kemungkinan tidak dapat memeriksa rekod-rekod yang berkenaan. Malahan sekarang ini kita tidak lagi mengambil pekerja-pekerja yang baru hanya cukup setakat mengisi jawatan-jawatan yang lama oleh kerana pegawai-pegawai yang meninggal atau bersara dan kita juga tidak menubuhkan cawangan-cawangan yang baru, cawangan-cawangan yang perlu kilang-kilang ini membayar, juga ditetapkan pada masa itu juga.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, sebelum saya minta penjelasan sedikit daripada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie, pada petang ini kita hendak terus ke Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman dan juga Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan, saya hendak tanya itu dahulu. Kita ada Timbalan Menteri untuk membaca rang undang-undang ini sebab kita ada masa lagi, jadi saya hendak minta penjelasan lagi dari pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi: Boleh minta penjelasan, kita tamatkan pada pukul 5.30 petang hari ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit dari segi Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh menceritakan berkenaan dengan negara-negara yang ada pertalian dari segi mengimport minyak kelapa sawit kita. Saya hendak tanya mengapa negara yang banyak menggunakan minyak kelapa sawit kita adalah Pakistan, India, China, dan Middle East.

Mengapa negara-negara seperti Australia, New Zealand, Latin Amerika, United States of America dan negara-negara Eropah, mengapa minyak kelapa sawit kita tidak mendapat tempat yang khusus di negara-negara ini. Adakah dari segi daya usaha kita untuk hendak meningkatkan, dengan izin, to promote

the sale of kelapa sawit ini kurang di kawasan-kawasan ini. Adakah kita takut menjual minyak kelapa sawit kita ke negara-negara ini sebab mereka ini kulitnya lain dengan kulit kita. Jadi adakah kita ada satu perasaan inferiority complexes terhadap barangan keluaran Malaysia yang tidak boleh langsung kita dengar dapat dijual di negara-negara yang saya sebutkan tadi. Apakah usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan penjualan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, ini bukan sahaja mengenai marketing yang kita lihat marketing per se, dengan izin, tetapi juga kita kena lihat dari segi political economic. Oleh kerana kacang soya berleluasa ditanam di Latin Amerika berdekatan dengan Amerika dan begitu juga mengenai perception tentang kuasa-kuasa hasil daripada jualan-jualan ini.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat, walaupun bukan dari Kementerian Perusahaan Utama tetapi dia sebagai seorang yang 'utama' dari segi pengetahuan kelapa sawit ini. Terima kasih.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin. *[Ketawa]*

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

